


Bahasa *Melayu*

untuk Komunikasi
Antarabangsa



Editor
Mohamad Suhaizi Suhaimi
Julaina Nopiah



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PRUF4B

Bahasa
Melayu
untuk Komunikasi
Antarabangsa

PRUF4B

PRUF4B

Bahasa
Melayu
untuk Komunikasi
Antarabangsa

Editor

Mohamad Suhaizi Suhaimi
Julaina Nopiah



Penerbit Universiti Putra Malaysia
Serdang • 2024

© Penerbit Universiti Putra Malaysia 2024

Cetakan Pertama 2024

Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dihasilkan semula, disimpan dalam sistem simpanan kekal, atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau sebarang cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, dan sebagainya tanpa terlebih dahulu mendapat izin daripada pihak Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Penerbit UPM adalah anggota Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) dan anggota Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM).

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Reka Bentuk Kulit: Muhamad Solahudin Hashim

Reka Letak Teks: Noor Sholihah Mohamed Daud

Rupa Taip Teks : Times New Roman PS

Saiz Taip Teks : 11/14.5

Dicetak oleh

Diterbitkan oleh

Penerbit Universiti Putra Malaysia

43400 UPM, Serdang

Selangor Darul Ehsan

Tel : 03-9769 8851/8429

Faks : 03-9769 3623

E-mel : penerbit@upm.edu.my

Laman Web : <https://penerbit.upm.edu.my>



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-7689-65-4

Kandungan

Prakata		vii
Bab 1	Semantik dan Leksikologi <i>Nurul Jamilah Rosly</i>	1
Bab 2	Komunikasi Antara Budaya <i>Arina Johari</i>	15
Bab 3	Penulisan Akademik <i>Nora 'azian Nahar</i>	29
Bab 4	Sosiolinguistik <i>Faridah Nazir</i>	42
Bab 5	Terjemahan <i>Ismail Jaafar</i>	56
Bab 6	Komunikasi Khalayak dan Pengucapan Awam <i>Azean Idruwani Idrus</i>	71
Bab 7	Perhubungan Antarabangsa <i>Mohamad Suhaizi Suhaimi</i>	83
Bab 8	Komunikasi Penulisan <i>Aminnudin Saimon</i>	100
Bab 9	Bahasa dan Masyarakat <i>Julaina Nopiah</i>	115
Bab 10	Analisis Data dan Interpretasi <i>Siti Yuliandi Ahmad</i>	126
Bab 11	Etika Sosial, Protokol dan Komunikasi <i>Halimah Pondo</i>	138
Bab 12	Morfologi dan Sintaksis <i>Adriana Santa Anak Tinggom</i>	154
Bab 13	Bahasa dan Sastera dalam Media <i>Zahiruddin Zabidi</i>	166

Semantik dan Leksikologi

Nurul Jamilah Rosly

PENGENALAN

Perkembangan kajian ilmu semantik ini mula berkembang sejak zaman tahun 429 – 347 SM oleh Plato dan Aristotle. Ketika itu, perkembangan dan perbincangan mengenai makna lebih bertumpu kepada perkara yang melibatkan pemikiran dan nilai manusia. Plato (429 – 347 SM) menjelaskan bahawa bunyi-bunyi bahasa secara implisit mengandungi makna-makna tertentu manakala Aristotle (384 – 322 SM) pula menekankan perkataan merupakan satuan terkecil yang mengandungi makna. Dalam hal ini, perkataan merupakan satuan terkecil yang mengandungi makna yang hadir secara tersendiri iaitu makna leksikal dan makna gramatikal. Sehingga tahun 1825, Reising yang membincangkan semilologi turut mengkaji berkenaan simbol dan sintaksis yang berkenaan dengan struktur ayat serta etimologi dengan perubahan bentuk kata dan maknanya. Sehingga abad ke-19 dan 20, perbincangan makna ini terus mendapat sambutan oleh ahli-ahli linguistik di Barat. Justeru, lahir nama-nama besar seperti Daniel Jones, J.R Firth, Hockett, Dineen, Bloomfield, Pike, Breal, Trier, Ogden, Richards, Weirbicka, Fillmore, Lakoff, Kartz, Fodor dan lain-lain (Abdullah Hassan, 2005). Namun, kebanyakan kajian semantik pada peringkat ini lebih bertumpu kepada aspek dalaman perbendaharaan kata dan prinsip umum kepada kajian bahasa tertentu. Sebagai contoh, pengkajian makna bersifat komponensial, semantik leksikal, semantik primitif, semantik prototaip, semantik streotaip, perkaitan makna dalam leksikografi, semantik generatif dan semantik konseptual (Allan Keith, 2019).

Menurut Nor Hashimah Jalaluddin (2014), perkembangan semantik di Malaysia agak lambat berbanding perkembangan dalam bidang morfologi, fonologi, fonetik dan sintaksis. Hal ini demikian kerana, bidang semantik merupakan bidang yang baharu dan masih belum berkembang dalam linguistik bahasa Melayu. Beliau juga mendapati bahawa perkembangan ilmu semantik di Malaysia hari ini banyak dipengaruhi oleh ilmu dan teori-teori dari negara luar. Namun, pada abad 20-an, terdapat penerokaan ilmu semantik dari luar negara telah menyebabkan pengkajian semantik di Malaysia terus berkembang. Perkembangan semantik di Malaysia dapat dilihat kepada dua bidang utama iaitu semantik dalam tatabahasa bahasa Melayu seperti dalam Tatabahasa Rujuk dan Peranan (Maslida Yusof, 2008), Semantik Struktur Konseptual (Nurul Jamilah Rosly, 2018) dan bidang semantik dalam falsafah dan kebudayaan Melayu seperti semantik kognitif yang dibincangkan oleh Imran Ho Abdullah (2000) dan semantik inkuisitif oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014). Kepelbagaian kajian makna dalam konteks kebahasaan dan fenomena budaya Melayu telah banyak diterokai oleh pelajar sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah serta menjadikan kajian semantik di Malaysia pada hari ini terus berkembang.

KEPELBAGAIAN BIDANG SEMANTIK

Semantik Kompensional

Semantik ini membawa makna bahawa setiap yang terkandung pada sesuatu perkataan dapat dianalisis berdasarkan komponen makna. Pendekatan yang dikenali sebagai pemecahan leksikal atau *lexical decomposition* ini melibatkan analisis pengertian sesuatu leksem kepada bahagian komponennya. Menganalisis makna melalui komponen makna sesuatu perkataan diperluaskan dengan menggunakan fitur (+) bagi ciri makna yang terdapat dalam perkataan tersebut, dan fitur (-) bagi menandakan ketiadaan ciri makna yang terdapat dalam perkataan tersebut. (S. Nathesan, 2016).

Semantik Leksikal

Makna bagi semantik leksikal boleh disampaikan dengan meninjau perhubungan antara unsur-unsur yang membentuk struktur makna bagi sesuatu perkataan. Menurut Chaer (2009), makna leksikal adalah

bentuk perkataan yang diturunkan dari leksikon iaitu kosa kata dan perbendaharaan kata. Satuan daripada leksikon adalah leksem, iaitu satuan bentuk bahasa yang bermakna. Struktur makna leksikal bagi sesuatu perkataan dikenali sebagai istilah sinonim, antonim, homonim, hipernim, homofon, homograf, hiponim, polisemi, meronim, pertindihan dan ketaksaan.

Semantik Stereotaip dan Prototaip

Semantik prototaip dan stereotaip adalah perbincangan makna yang mengutamakan domain sesuatu bahasa iaitu denotatum yang merujuk kepada pemilihan makna berdasarkan objek yang betul. Sebagai contoh, burung (prototaip) mempunyai bulu dan boleh terbang namun terdapat juga beberapa spesies burung yang tidak boleh terbang seperti penguin. Begitu juga ibu (prototaip) yang merujuk wanita yang menghasilkan ovum, mengandung, melahirkan dan membesarkan anak. Peranan kepada makna ibu juga boleh merujuk kepada ibu angkat, ibu tiri, ibu mertua atau terkandung dengan kelompok masyarakat tertentu (Allan, 2019).

Semantik Struktur Konseptual

Semantik struktur konseptual ini telah menggariskan pembinaan teori ini berdasarkan pada makna yang lahir daripada mental atau minda yang telah dikodkan. Andaian teori ini menunjukkan proses seseorang penutur dapat melontarkan sekumpulan makna di dalam minda manusia. Fakulti bahasa yang terdapat dalam minda manusia ini merangkumi hubungan antara struktur fonologi, struktur sintaksis dan struktur semantik (Nurul Jamilah, 2019).

Semantik Inkuisitif

Semantik inkuisitif adalah satu proses yang berlaku untuk mendalami makna tersirat di sebalik ungkapan peribahasa yang akan membawa sekali pemahaman pendengar kepada falsafah dan akal budi Melayu. Dalam konteks memahami makna peribahasa secara mendalam dan menyeluruh, konsep semantik inkuisitif didasari oleh prinsip 'semangat ingin tahu' seperti yang terdapat dalam lirik lagu rakyat 'Bangau Oh Bangau' hasil nukilan Hamzah Fansuri. Tahap tertinggi dalam

menganalisis makna dengan lebih mendalam ini memerlukan tafsiran ‘mata hati’ yang terselindung di sebalik maksud tersurat dan tersirat (Nor Hashimah Jalaluddin, 2014).

Semantik Kognitif


Linguistik kognitif mengkonsepsikan hubungan kognitif dan makna. Premis yang diutamakan dalam aliran ini adalah *meaning is embodied* iaitu makna adalah dikonsepsikan daripada pengalaman badaniah (Lakoff, 1987). Aliran linguistik kognitif juga menganggap makna tidak wujud secara tersendiri daripada orang yang mencipta atau menggunakannya. Bidang ini adalah bidang yang bertunjukkan pengalaman (*experientialist approach*) yang mengambil kira pengalaman lampau dan alam sekeliling. Justeru, makna dilihat sebagai struktur konseptual yang lazim (*conventionalized conceptual structure*) (Nor Hashimah Jalaluddin, 2012).

PENGGUNAAN KORPUS DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

Penyelidikan dalam bidang semantik kebanyakannya dicakupi oleh data dari bahasa gunaan sebenar atau korpus bagi mencapai tujuan penyelidikan. Data-data yang dipilih selalunya diambil dalam peringkat primer seperti koleksi makalah bercetak. Salah satu kaedah penyelidikan dalam semantik adalah penggunaan korpus sebagai pembinaan pangkalan data korpus telah menjadikan data korpus sebagai sumber yang begitu berguna di dalam penyelidikan linguistik dan bahasa. Secara umum, korpus boleh ditakrifkan sebagai himpunan makalah (tulisan) mengenai sesuatu perkara tertentu atau kumpulan bahan untuk kajian (seperti kumpulan contoh penggunaan kata) (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2015). Ada beberapa definisi yang diberikan sarjana tentang korpus antaranya Sinclair (1991) mendefinisikan korpus sebagai kumpulan cebisan bahasa (atau teks lengkap) yang dipilih dan disusun mengikut kriteria linguistik yang eksplisit untuk digunakan sebagai sampel sesuatu bahasa. Menurut Kennedy (2000), korpus adalah kumpulan teks tulisan ataupun transkripsi bahasa percakapan yang digunakan sebagai asas untuk analisis dan deskripsi linguistik. Hasmidar (2006) pula menjelaskan data korpus sebagai koleksi atau himpunan teks yang dikumpulkan mengikut prinsip tertentu untuk tujuan yang tertentu. Rusli (2008) menjelaskan

korpus yang bersinonim dengan korpus komputer adalah sebagai himpunan teks digital yang dikumpulkan berdasarkan kriteria tertentu dan digunakan untuk meneliti pelbagai aspek kebahasaan. Namun demikian, dalam linguistik moden, korpus mempunyai pengertian tambahan sebagai bahan yang terbaccakan dan terolahkan komputer (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009). Prinsip ‘terbaccakan dan terolahkan komputer’ bermakna setiap data dari kumpulan teks digital tersebut boleh diproses dengan teknik dan kaedah linguistik perkomputeran untuk menampilkan pola dan hubung kait sesuatu leksis dengan suatu leksis yang lain (Hishamuddin Isam, Faizah Ahmad & Mashetoh Abd. Mutalib, 2014).

Di Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka telah dipertanggungjawabkan dalam membina dan memperkembangkan bahasa Melayu dengan menyediakan pangkalan data korpus untuk membantu para penyelidik membuat kajian dalam pelbagai bidang kebahasaan dan menyebarkan lagi hasil-hasil penyelidikan yang telah dibuat. Pembinaan pangkalan data korpus yang dibina oleh Dewan Bahasa dan Pustaka adalah untuk membantu para penyelidik membuat kajian dalam pelbagai bidang kebahasaan dan menyebarkan lagi hasil-hasil penyelidikan yang telah dibuat. Data korpus boleh bersumberkan bentuk lisan ataupun tulisan. Bentuk lisan ialah bahan ditranskripsikan seperti ucapan, wawancara, temu bual, perbualan dan sebagainya dalam pelbagai bentuk rakaman. Bagaimanapun, usaha semasa program ini masih tertumpu pada bahan tulisan daripada buku, majalah, surat khabar, monograf, dokumen, kertas kerja, surat, risalah dan sebagainya. Sehingga kini, data korpus DBP mempunyai lebih kurang 137 juta perkataan yang terdapat dalam enam subkorpus iaitu buku, majalah, akhbar, efemeral, teks tradisional dan kertas kerja.



Rajah 1.1 Perbahanan korpus mengikut pecahan subkorpus

(Sumber: Dewan Bahasa dan Pustaka)

Berdasarkan Pangkalan Data Korpus (PDK) yang dibina, terdapat 135 juta perkataan yang terkandung dalam sepuluh subkorpus seperti buku, majalah, akhbar, terjemahan (buku), emeferal, drama, puisi, kad bahan, teks tradisional dan buku teks. Perolehan dan penambahan data ini terus dilaksanakan setiap tahun. Berdasarkan carta di atas, kita dapati bahawa bahan akhbar merupakan komponen yang paling besar yang terdapat dalam data korpus. Bahan korpus akhbar ini termasuklah Berita Minggu, Metro Ahad, Pedoman Rakyat, Harian Metro, Berita Harian, Harakah dan Utusan Malaysia.

Data yang kedua banyak ialah data buku sastera dan buku umum. Selain daripada buku-buku terbitan DBP data korpus ini juga mengandungi bahan-bahan terbitan oleh penerbit luar termasuklah pelbagai jenis majalah. Majalah-majalah ini pula tidak terhad kepada majalah akademik dan ilmiah sahaja tetapi merangkumi pelbagai majalah termasuklah majalah terbitan daripada luar negara seperti Indonesia dan Brunei. Untuk kemudahan penyelidik membuat penyelidikan, DBP telah menyediakan pelbagai data korpus yang merangkumi pelbagai bidang. Terdapat 47 bidang antaranya bidang agama, fesyen, hiburan, permotoran dan sebagainya. Data korpus boleh bersumberkan bentuk tulisan atau lisan. Bagaimanapun, usaha semasa program ini masih tertumpu pada

bahan tulisan daripada buku, majalah, surat khabar, monograf, dokumen, kertas kerja, surat, risalah dan sebagainya. Tujuan utama pembinaan pangkalan data korpus ini adalah untuk menyediakan suatu prasarana penelitian yang objektif dan autentik sifatnya kepada para penyelidik bahasa Melayu supaya dapatan yang diperoleh daripada kajian berdasarkan korpus ini dapat mencerminkan perilaku tipikal kata dan frasa bahasa Melayu dalam persekitaran penggunaannya yang sebenar dan dapat pula dijadikan asas untuk penyusunan kamus, tatabahasa dan buku-buku bahasa yang lainnya (Rusli Abdul Ghani, Norhafizah Mohamed Husin & Chin Lee Yim, 2008). Berikut merupakan subkorpus yang terdapat dalam Pangkalan Data Korpus:

Jadual 1.1 Subkorpus Pangkalan Data Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka

Bil.	Subkorpus	Jumlah Semasa	Jenis Bahan
1.	Buku	31,580,305	Novel, buku ilmiah, buku umum dan buku teks
2.	Majalah	14,406,888	Umum pelbagai bidang
3.	Akhbar	80,029,347	Harian, tabloid, mingguan
4.	Terjemahan (buku)	2,021,191	Buku ilmiah, buku umum
5.	Efemeral	290,207	Risalah, brosur, iklan
6.	Drama	404,176	Drama yang dibukukan
7.	Puisi	116,428	Puisi yang dibukukan
8.	Kad Bahan	3,130,641	Kad kutipan untuk penyusunan kamus Dewan
9.	Teks tradisional	2,825,329	Teks lama dalam bentuk hikayat, cerita rakyat
10.	Buku teks	1,095,726	Buku teks peringkat rendah dan menengah

(Sumber: Dewan Bahasa dan Pustaka)

Berdasarkan Jadual 1.1, subkorpus akhbar mempunyai kekerapan yang paling tinggi iaitu sebanyak 80,029,347 kali kekerapannya, diikuti subkorpus buku 31,580,305 kali kekerapan majalah 14,406,888 kali kekerapan, kad bahan 3,130,641 kali kekerapan, teks tradisional 2,825,329 kali kekerapan, terjemahan (buku) 2,021,191 kali kekerapan,


efemeral sebanyak 290,207 kali kekerapan dan puisi sebanyak 116,428 kali kekerapan. Paparan pada subkorpus ini membolehkan pengkaji untuk memperincikan penelitian pada setiap pilihan data yang dijana.

Pemerolehan Data Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka


Pada mulanya, data korpus adalah untuk kegunaan perkamusan bagi mencari kata-kata baharu yang digunakan dalam teks bahasa Melayu dan juga ayat-ayat contoh yang boleh dimuatkan ke dalam kamus yang diusahakan oleh DBP. Namun kini, data korpus DBP boleh digunakan oleh pelbagai pihak terutamanya pelajar-pelajar daripada beberapa universiti tempatan dari peringkat siswazah ijazah pertama sehinggalah peringkat Doktor Falsafah. Tidak kurang juga penyelidik linguistik yang telah menggunakan korpus ini untuk melengkapkan kajian mereka. Sistem yang baharu ini boleh dicapai melalui Internet dalam laman sesawang DBP pada alamat <http://dbp.gov.my/lamandbp/> atau <http://prpm.dbp.gov.my/>.

Untuk membolehkan penyelidik memperoleh data yang diharapkan, Dewan Bahasa dan Pustaka telah menyediakan laman web rasmi kepada penyelidik untuk mengakses pangkalan korpus ini. Terdapat panduan penggunaan sistem korpus Dewan Bahasa dan Pustaka melalui beberapa tatacara atau langkah yang sesuai iaitu:


1. Layari laman web <http://sbmb.dbp.gov.my/korpusdbp/SelectUserCat.aspx>



2. Daftarkan e-mel pengguna dan kata laluan.



3. Masukkan nama dan kata laluan. Kemudian tekan kekunci *Enter*.



4. Senaraikan semua subkorpus berserta penerangannya akan dipaparkan.

The screenshot shows the 'Korpus DBP - Penyelidik' website. The search term 'berlan' is entered in the search box. The 'Jenis Bahan' (Source) filter is expanded, showing a list of subcorpora: Alkitab (115,530), Buku (999), Majalah (2,143), Elemenar (38), Teks Sastera (895), Kertas Kerja (159), and Perbahasan. The 'Bidang' (Field) filter is set to 'Semua Bidang'. The 'Konteks' (Context) filter is set to 'Hadkan lingkungan konteks' with a value of 8. The 'Bilangan Output' (Output Count) is set to 100 words.

5. Pilih subkorpus berdasarkan senarai yang dipaparkan. Tekan kekunci *Enter*.

The screenshot shows the 'Korpus DBP - Penyelidik' website. The search term 'berlari' is entered in the search box. The 'Jenis Bahan' (Source) filter is expanded, showing a list of subcorpora: Alkitab (115,530), Buku (999), Majalah (2,143), Elemenar (38), Teks Sastera (895), Kertas Kerja (159), and Perbahasan. The 'Bidang' (Field) filter is set to 'Semua Bidang'. The 'Konteks' (Context) filter is set to 'Hadkan lingkungan konteks' with a value of 8. The 'Bilangan Output' (Output Count) is set to 100 words.

6. Keputusan carian (konkordans) bagi kata kunci yang dipilih dan dipaparkan.

The screenshot shows the 'Korpus DBP - Penyelidik' website. The search term 'berlari' is entered in the search box. The search results are displayed in a table with columns: No., Konteks Kiri, Kata, Konteks Kanan, and Maklumat Artikel/Bahan. The results show various contexts for the word 'berlari' from different sources like Alkitab, Berita, and various news articles.

7. Untuk mengetahui jumlah penggunaan kata kunci, pengguna boleh memilih 'Muat Turun Keputusan'.

The screenshot shows a Notepad window titled 'Carian Konkordans - Notepad'. It displays the concordance for the search term 'berlari'. The text shows the search results in a list format, including the word 'berlari' and its context from various sources. The total number of concordances is 100.

- Untuk menyimpan konkordans pengguna boleh menekan butang *Save As* untuk rujukan.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, pemanfaatan menggunakan korpus sebagai kajian di dalam bidang semantik didapati relevan terutama dalam membincangkan peluasan makna di dalam bahasa Melayu. Perkembangan ini secara tidak langsung memberikan sumbangan yang besar dalam linguistik korpus yang tidak melihat peluasan makna dalam konteks yang jumud malah dapat membawa kedudukan bahasa Melayu pada peringkat global yang dilihat perancangan korpus ini lebih lengkap dan tersusun.

RUJUKAN

- Allan, K. (2019). Semantic and pragmatics: A historical review to the end of the twentieth century. *Argumentum*, 15, 81–116.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). *Kamus Dewan* (Edisi Keempat). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lakoff, G. (1987). *Women, fire, and dangerous things: What categories reveal about the mind*. University of Chicago Press.
- Maslida Yusof. (2008). Pengelasan kata kerja bahasa Melayu: Pendekatan semantik berdasarkan role and reference grammar. *Jurnal Bahasa*, 8(1), 242–262.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Anida Sarudin & Zaharani Ahmad. (2012). Peluasan makna alim: analisis semantik kognitif. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12(2), 457–473.
- Norliza Jamaluddin. (2015). *Perlakuan kata sifat (berdasarkan data korpus berkomputer)*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nurul Jamilah Rosly & Maslida Yusof. (2018). Hubungan semantik dan sintaksis kata kerja gerak bersifat pemilikan: Satu pendekatan struktur konseptual. *Jurnal Bahasa*, 18(1), 46–64.
- Nurul Jamilah Rosly & Maslida Yusof. (2018). Representasi argumen struktur konseptual bagi kata kerja kausatif bahasa Melayu dan hubungannya dengan sintaksis. *Jurnal GEMA*. 18(4), 143–167.
- Nurul Jamilah Rosly & Maslida Yusof. (2018). Representasi struktur konseptual dan peranan tematiknya dalam kata kerja gerak bahasa Melayu. Dalam *Prosiding Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu 2018* (hlm. 70–74).

- Nurul Jamilah Rosly & Maslida Yusof. (2018). Representasi struktur konseptual bersama representasi ruang (preposisi) dalam kata kerja gerak bahasa Melayu. Dalam *Prosiding Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu 2018* (hlm. 100–108).
- Rusli Abdul Ghani, Norhafizah Mohamed Husin & Chin Lee Yim. (2008). Pangkalan data korpus DBP: Perancangan, pembinaan dan pemanfaatan. Dalam Zaharani Ahmad (Penyunting), *Aspek nahu praktis bahasa Melayu* (hlm. 21–36). Penerbit UKM.
- S. Nathesan. (2003). Teori semantik dan kajian kepustakaan terhadap semantik leksikal. *Jurnal Bahasa*, 2(1), 108–135.

Komunikasi antara Budaya

Arina Johari

PENGENALAN

Manusia, bahasa dan komunikasi adalah tiga unsur yang berkait erat serta saling mempengaruhi. Manusia menggunakan bahasa untuk berinteraksi di antara satu sama lain. Tanpa bahasa, manusia tidak dapat berkomunikasi dan menyampaikan pesan dengan baik. Manusia tanpa komunikasi pula diibaratkan seperti tersesat dalam perjalanan mendepani kehidupan. Manusia yang dikatakan tersesat ini adalah disebabkan mereka tidak berupaya untuk meletakkan diri dalam lingkungan sosial yang ada di sekeliling mereka (Rulli Nasrullah, 2012). Keperluan sebeginilah yang memperlihatkan kepentingan bahasa dan komunikasi dalam hidup manusia.

Keperluan komunikasi dalam kehidupan manusia ini tercermin melalui perkembangan arus teknologi yang sangat pesat sejak zaman revolusi perindustrian sehinggalah ke hari ini. Manusia tidak dapat menentang atau melawan arus pemodenan yang berlaku malah harus berjalan seiring untuk memanipulasikan segala teknologi yang mencorakkan hubungan dan interaksi sekali gus membentuk budaya hidup semasa. Walaupun begitu, manusia masih perlu menyeimbangkan antara kepesatan teknologi tersebut dengan usaha mengekalkan nilai budaya dan bahasa dalam kelompok masyarakat tertentu.

Ciri unik bahasa adalah dapat membezakan di antara manusia dengan spesies-spesies lain di muka bumi ini. Disebabkan ciri inilah yang menjadikan manusia dan bahasa mempunyai perkaitan yang tidak dapat dipisahkan walau dalam keadaan apa sekalipun. Dalam setiap kegiatan manusia, bahasa memainkan peranan dan fungsi untuk memenuhi

pelbagai tujuan dan matlamat tertentu. Antara fungsi bahasa yang amat ketara ialah sebagai alat untuk membantu manusia menyampaikan percakapan, buah fikiran dan maklumat kepada orang lain.

Jika diteliti definisi atau maksud bahasa secara lebih khusus, Bloch dan Trager (1942) misalnya mendefinisikan bahasa sebagai sistem lambang-lambang vokal yang digunakan oleh manusia untuk berkomunikasi. Proses komunikasi bahasa berlaku apabila wujudnya penutur dan pendengar. Menurut Chomsky (1957) pula, dalam sebarang proses komunikasi, setiap penutur dan pendengar mempunyai dua perkara penting, iaitu kecekapan bahasa dan pengucapan bahasa. Kecekapan bahasa berada dalam otak manusia dan biasanya difahami sebagai satu sistem rumus bahasa yang mampu menghasilkan ujaran yang tidak terbatas banyaknya.

Dari sudut ilmu pragmatik pula, ahli-ahli linguistik bersetuju bahawa bahasa merupakan satu sistem yang menghubungkan maksud kepada bunyi, sama ada berdasarkan aksi penutur atau pendengar. Dengan andaian bahawa manusia mempunyai beberapa makna yang hendak disampaikan, mereka akan melafazkan bunyi-bunyi bahasa dengan tepat. Orang yang mendengar bunyi-bunyi tersebut akan cuba mengamati dan memberikan makna kepada ujaran yang dilafazkan oleh si penutur berdasarkan konteks yang diwakili.

Secara ringkasnya, bahasa adalah aspek asas yang membolehkan seseorang individu dapat mengungkapkan pemikiran dan idea ketika berinteraksi. Hal tersebut juga dapat memperlihatkan keupayaan individu untuk mencipta hubungan dan membina masyarakat yang kompleks. Hubungan yang bersifat dinamik serta rumit antara manusia dan bahasa menjadikan perkara tersebut suatu sarana yang sangat signifikan dalam mencorak kehidupan mereka.

KOMUNIKASI ANTARA BUDAYA

Komunikasi antara budaya merupakan komunikasi yang melibatkan individu daripada latar budaya yang pelbagai seperti bangsa, ras, etnik, jantina, bahasa, agama, tahap pendidikan dan status sosial. Kemahiran komunikasi antara budaya akan membawa kepada pemahaman mengenai budaya kaum lain dan memaparkan kepelbagaian budaya yang akan mempermudah seseorang bergaul di antara satu sama lain. Samovar dan Porter (1991: 10) ada mengatakan komunikasi silang budaya itu sebagai:

“Intercultural communication occurs whenever a message is produced by a member of one culture for consumption by a member of another culture, a message must be understood. Because of cultural differences in these kinds of contacts, the potential for misunderstanding and disagreement is great.”

Samovar (2012: 15) kemudiannya menjelaskan bahawa komunikasi silang budaya merangkumi interaksi antara manusia yang mempunyai persepsi budaya dan sistem simbol yang cukup berbeza untuk memberi kesan (mengubah) aktiviti komunikasi. Sementara itu, Jandt (2010) pula berpendapat bahawa komunikasi silang budaya merujuk interaksi di antara manusia dan kumpulan daripada budaya, sub-budaya dan sub-kumpulan yang berbeza-beza.

ASAS KOMUNIKASI ANTARA BUDAYA

Aspek pengetahuan dan sensitiviti dalam hal agama dan politik bagi sesuatu masyarakat mungkin berbeza, namun proses pemahaman dan adaptasi pemikirannya masih ada persamaan dengan masyarakat lain. Empat elemen yang menjadi asas dalam komunikasi antara budaya ialah (i) perkongsian kepercayaan, (ii) perkongsian nilai, (iii) perkongsian moral, dan (iv) perkongsian idea dan perasaan.

Berdasarkan elemen yang dibincangkan di atas, perlu diambil perhatian bahawa sebelum komunikasi antara budaya dapat dijayakan dengan berkesan oleh seseorang individu ketika berinteraksi, mereka harus terlebih dahulu memahami prinsip-prinsip asas dalam komunikasi itu sendiri. Antaranya ialah:

Komunikasi adalah satu proses yang dinamik - Komunikasi akan terus berlaku mengikut peredaran zaman. Ini menyebabkan ia bersifat tidak tetap, unik dan tidak akan terhenti selagi manusia wujud di muka bumi ini. Komunikasi turut dipengaruhi oleh faktor geografi dan kemajuan dalam sesuatu zaman seperti penggunaan teknologi dan sebagainya.

Komunikasi bersifat simbolik - Komunikasi dapat dikatakan sebagai salah satu proses interaksi simbolik kerana dapat mengatur pola pemikiran seseorang. Ini dapat dikesan melalui mesej/pesanan yang dihantar oleh seseorang menggunakan lambang-lambang bahasa seperti mesej secara verbal, set-set perilaku bukan verbal dan suatu objek/symbol yang dapat disepakati secara bersama serta berupaya mempengaruhi

masyarakatnya. Setiap perkataan diberikan makna tertentu dalam sesuatu budaya, namun masyarakat dalam budaya berbeza mungkin memberi makna dan pemahaman yang berbeza. Sebagai contoh, perkataan lembu (bahasa Melayu) ialah *cow* (bahasa Inggeris), namun dari sudut simbol, gambar lembu akan mendefinisikan lembu, dan simbol ini perlu difahami serta dikongsi oleh masyarakat yang berbeza budaya. Dalam hal ini, jika masyarakat Melayu tidak memahami bahasa Inggeris, akan menyebabkan simbol lembu dan *cow* tiada hubungan pengertian sama sekali dan sekali gus gagal untuk difahami; begitulah juga sebaliknya.

Komunikasi berbentuk sistematik – Hal ini bermaksud, manusia berinteraksi menggunakan simbol-simbol bahasa yang telah disusun secara sistematik untuk mencipta makna dan interpretasi. Contohnya, sesuatu budaya memiliki peraturan dan kosa kata tersendiri serta hukum-hukum tatabahasa yang perlu diikuti. Contoh simbol bahasa yang sistematik pula apabila sesuatu simbol huruf roman ABC sehingga Z disusun dan diberikan interpretasi makna mengikut budaya masyarakat tertentu.

ASPEK DALAM KOMUNIKASI ANTARA BUDAYA

Selain prinsip-prinsip yang dibincangkan di atas, perlu juga difahami tentang aspek yang tercakup dalam sesuatu komunikasi antara budaya. Terdapat lima aspek yang perlu diberikan penekanan iaitu:

1. Komunikasi Antarabangsa
Komunikasi yang berlangsung di antara dua individu atau lebih yang berbeza bahasa, budaya dan cara hidup sehingga mencipta simbol-simbol bahasa yang dinamik. Contohnya (i) komunikasi di antara pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang berasal dari Oman dengan pelajar tempatan; dan (ii) seorang pengarah syarikat berbangsa Sweden memberi latihan kepada pekerja berbangsa Melayu (Eksekutif Pemasaran) tentang cara mendapatkan jumlah jualan yang tinggi setiap bulan.
2. Perdagangan Antarabangsa
Aktiviti import dan eksport mewujudkan pelbagai aplikasi di media sosial yang membolehkan masyarakat berinteraksi tanpa sempadan. Jika dahulu aktiviti ini hanya dijalankan oleh syarikat gergasi yang bermodal besar, kini syarikat persendirian juga boleh melakukan pembelian/jualan barangan dari luar negara secara dalam talian.

Situasi ini secara tidak langsung memberikan implikasi terhadap hubungan dan komunikasi manusia.

3. Teknologi

Kemajuan terhasil dalam konteks komunikasi berlaku secara pantas kesan daripada ledakan globalisasi untuk memenuhi keperluan perubahan dalam aspek kehidupan/komunikasi manusia. Kita dapati kemajuan teknologi yang paling signifikan hari ini ialah media sosial yang dimanfaatkan dalam pelbagai konteks untuk menghubungkan manusia daripada pelbagai latar belakang yang berbeza untuk memenuhi pelbagai matlamat tertentu.

4. Antropologi

Aktiviti bidang antropologi ini memberi kesan ke atas kehidupan manusia yang berkisar tentang cara mereka hidup dan bagaimana/apakah proses yang menyebabkan mereka mengalami perubahan-perubahan tertentu dalam kehidupan. Contohnya, dalam aspek makanan silang budaya. Melalui aktiviti perdagangan dan kepesatan teknologi terhasil menu Nasi Ayam Penyet yang berasal dari Indonesia tetapi banyak dijual serta digemari oleh masyarakat tempatan. Persamaan bahan yang terkandung dalam menu tersebut mencipta keserasian selera sekali gus mengubah cita rasa dan amalan pemakanan masyarakat lokal.

5. Bahasa

Dalam konteks komunikasi antara budaya, bahasa memainkan peranan utama dalam menyampaikan idea dan pemikiran individu daripada budaya berbeza. Untuk mencapai keberkesanan komunikasi, pelbagai perkataan dalam dua atau tiga budaya yang saling berbeza mula dicantumkan menyebabkan perkembangan budaya baharu mula wujud. Sistem simbol yang wujud berleluasa ini sama ada dikawal secara teratur oleh pihak berkuasa sesebuah negara atau tidak akan memberi kesan kepada komunikasi manusia.

BUDAYA

Pelbagai definisi budaya telah diberikan oleh para pengkaji daripada pelbagai bidang. Satu definisi awal diberikan oleh ahli antropologi klasik Edward B Taylor (1871) yang menyatakan bahawa kebudayaan ialah suatu konteks yang kompleks merangkumi ilmu pengetahuan, kepercayaan, seni lukis, moral dan akhlak, undang-undang, adat resam

dan lain-lain. Linton (1945) pula menyatakan bahawa budaya ialah segala yang dipelajari dan diulang-ulang dalam sesebuah masyarakat, iaitu warisan sosial ahli masyarakat. Kluckohn (1949) mengatakan budaya sebagai satu cara hidup yang tersendiri yang diamalkan oleh mana-mana individu manakala Roucek dan Warren (1986) kemudiannya mendefinisikan budaya sebagai satu cara hidup yang dikembangkan oleh sesuatu masyarakat untuk memenuhi keperluan asasi untuk terus hidup, meneruskan zuriat dan mengatur pengalaman sosial mereka.

Menurut Marsella (dalam Samovar & Porter, 2012), budaya merujuk kepada perlakuan yang diperturunkan, dikongsi dan dipelajari ke setiap generasi untuk kelangsungan sosial. Perlakuan ini adalah merangkumi kepercayaan, nilai, sikap dan tanggapan dasar (*underlying assumptions*). Secara umumnya, berdasarkan definisi yang diberikan, budaya boleh dikaitkan dengan aktiviti yang terdapat dalam persekitaran manusia seperti kesenian, makanan, cara sambutan perayaan, tarian, pakaian, dan barangan (benda) yang dihasilkan termasuklah pengetahuan, bahasa, pengalaman, kepercayaan, nilai, sikap, agama dan sebagainya. Dalam hal ini, masyarakat perlu memahami bahawa segala perlakuan oleh masyarakat adalah dipengaruhi oleh pematuhan terhadap sesuatu budaya yang dipersetujui secara bersama-sama (membentuk peraturan sosial). Hubungan yang diperolehi oleh sekelompok besar orang dari satu generasi ke generasi seterusnya melalui usaha individu dan kelompok juga tercakup ke dalam budaya.

Fungsi Budaya

Budaya memberikan kita peluang untuk mengenali masyarakat persekitaran kita. Budaya merupakan asas utama yang mencorakkan amalan, persepsi dan kepercayaan dalam kehidupan manusia.

“People maintain cultures to deal with problems or matters that concern them”- Haviland (1993)

Budaya perlu dikekalkan kerana menjadi panduan kepada manusia tentang cara untuk bertingkah laku dalam sistem sosial masing-masing. Sebagai contoh, dalam budaya tertentu ada cara bercakap, cara menghormati orang tua, cara memberi salam, cara makan yang telah dipersetujui secara kolektif dan kesemua hal ini dipraktikkan menggunakan budaya mereka sebagai asas. Untuk memahami fungsi

budaya, seseorang harus mengetahui tentang jenis-jenis budaya yang ada, iaitu:

- i. budaya objektif - dipengaruhi oleh faktor luaran seperti pengajaran, rupa fizikal, dan budi bicara sekelompok masyarakat; dan
- ii. budaya subjektif - budaya luaran yang jelas dan mudah dikenal pasti. Budaya ini merangkumi nilai, idealisme, perasaan dan sensitiviti kelompok masyarakat. Budaya subjektif bersifat dalaman yang dipengaruhi oleh faktor batin seseorang.

Kriteria Budaya

Terdapat enam kriteria budaya yang akan dibincangkan dalam subtopik ini, iaitu:

1. Budaya perlu dipelajari - sama ada secara formal di sekolah, universiti atau secara tidak formal. Pengajaran formal bagi subjek berteraskan budaya seperti bahasa Melayu, etnik dan kesantunan manakala secara tidak formal melalui pengalaman dan pemerhatian terhadap perilaku serta cara-cara orang lama melakukan aktiviti warisan seperti kuih-muih tradisional,urut, pemakanan berpantang dan sebagainya.
2. Budaya diwarisi dari zaman ke zaman - merujuk sesuatu yang mempunyai kesinambungan atau berterusan, tidak akan tamat kecuali ditamatkan sendiri oleh sesebuah masyarakat pada sesuatu zaman. Hal ini berlaku apabila mereka mengambil sikap tidak mahu mengambil peduli, mempelajari mahupun mengamalkan aspek-aspek tinggalan budaya yang ada dalam masyarakat terdahulu.
3. Budaya bergantung pada simbol – Simbol-simbol bahasa melambangkan sesuatu budaya. Contohnya lambang identiti sesuatu budaya tercermin melalui simbol bendera (identiti nasional) manakala pakaian seperti baju kurung (budaya Melayu) dan cheongsam (budaya Cina) melambangkan identiti mewakili satu budaya secara *per se*.
4. Budaya juga akan turut berubah - Hal ini diperlihatkan melalui fesyen yang juga merupakan simbol budaya tertentu. Setiap masyarakat mempunyai budaya pemakaian baju atau budaya popular yang berbeza. Contohnya perubahan zaman meninggalkan kesan pada cara sesuatu budaya dalam konteks menggunakan telefon

(seawal penggunaan telefon adalah di rumah – ada rumah yang ada telefon, ada yang tidak). Kemudian, fesyen dan trend beralih kepada penggunaan telefon bimbit dan kini, telefon bimbit menjadi telefon pintar dan mempunyai fungsi yang sangat penting dalam kehidupan semua orang.

5. Budaya adalah suatu sistem integrasi - budayalah yang akan mengintegrasikan masyarakat. Masyarakat mencari persamaan-persamaan yang wujud di antara mereka yang akan memudahkan pertuturan dan proses sosialisasi yang akan berlaku.
6. Budaya bersifat dinamik - ini bermaksud amalan dan cara hidup masyarakat mengalami perubahan kesan perkembangan masa, dan kemajuan yang dicapai oleh masyarakatnya. Masyarakat Melayu suatu ketika dahulu misalnya, menerima kedatangan Islam dengan senang hati tanpa ada sikap penolakan. Lama-kelamaan, budaya Hindu dan Buddha dalam diri masyarakat Melayu semakin dilupakan. Amalan hidup mereka juga mengalami perubahan. Dahulu majlis perkahwinan diadakan setakat mengikut adat, namun kini banyak berlaku penambahan acara. Budaya masyarakat berubah-ubah mengikut peredaran zaman dan sedikit sebanyak mengurangkan nilai-nilai kemasyarakatan. Contoh: Adat menjemput/mengundang tetamu ke majlis perkahwinan/ tahlil kini menggunakan aplikasi media sosial berbanding dahulu (jemputan secara fizikal atau daripada mulut ke mulut).

KEPERCAYAAN DAN NILAI

Setiap budaya memiliki kepercayaan dan nilai yang mereka patuhi untuk hidup secara sejahtera. Rogers dan Steinfatt (1999) mengatakan bahawa kepercayaan ialah;

“Beliefs serve as the storage system for the content of our past experiences, including thought, memories, and interpretations of events. Beliefs are shaped by individual culture”.

Kebiasaannya, kandungan sesuatu kepercayaan tidak boleh diperhatikan secara langsung oleh orang lain tetapi mesti disimpulkan oleh pemerhati berdasarkan tingkah laku yang dilakukan secara terang-terangan oleh orang yang dianggap beriman dalam sesuatu budaya. Setiap perkara yang dikatakan atau dilakukan oleh orang yang beriman

menjadi petunjuk kepada sistem kepercayaan budayanya (Rokeach, 1973: 2).

Nilai pula berpengaruh dalam menentukan tingkah laku seseorang komunikator dalam persekitaran antara etnik. Rokeach (1979: 2) mendefinisikan nilai sebagai jenis kepercayaan yang terletak di tengah-tengah dalam sistem kepercayaan keseluruhan seseorang. Nilai memberitahu tentang bagaimana seseorang harus bertingkah laku. Nilai eksplisit dinyatakan secara terang-terangan dalam pertimbangan nilai; atau tersirat (disimpulkan daripada tingkah laku bukan lisan).

Nilai yang berkait dengan budaya amat relevan dalam komunikasi antara budaya. Ini termasuk jarak kuasa, ketidakpastian mengelak, individualisme lawan kolektivisme, dan maskuliniti (Hofstede, 1983); komunikasi konteks rendah dan tinggi, kedekatan dan ekspresif (Hall, 1966); ekspresif emosi dan tingkah laku, dan pendedahan diri sendiri .

Hubungan antara nilai dan budaya dapat ditunjukkan melalui persoalan nilai apa yang dianggap paling penting dan kurang penting dalam sesuatu masyarakat. Bagi beberapa budaya, masyarakatnya lebih mementingkan pekerjaan, prestasi peribadi, dan hal-hal yang berkaitan dengan kebendaan (contohnya di Amerika Syarikat). Dalam konteks ini, masyarakat Barat sering dilihat mewakili individu yang menekankan persaingan dan tidak mengambil berat hal-hal berkaitan senioriti. Pencapaian individu ditentukan dan dihargai secara total berdasarkan usaha yang dilakukan.

Sedangkan bagi budaya lain, seperti di bahagian Asia masyarakatnya lebih bersifat kolektif. Mereka amat mementingkan nilai kerjasama, patuh kepada arahan ketua atau pemimpin, dan bersikap prihatin terhadap orang lain. Budaya saling membantu ditekankan sebagai salah satu usaha untuk mengukuhkan kembali nilai-nilai, mengatasi halangan, dan mencari kesepakatan dalam penyelesaian konflik. Berdasarkan pernyataan di atas, dapat dikatakan bahawa budaya mencakupi sistem nilai, dan nilai pula menciptakan budaya.

NILAI DIMENSI HOFSTED (1980)

Geert Hofstede menggariskan suatu rangka kerja yang membolehkan para sosiologi menjelaskan kesan budaya ke atas nilai seseorang dan perkaitan antara nilai dan tingkah laku mereka dalam kehidupan berbudaya. Bertitik tolak daripada usaha ini, kerja Hofstede turut

digunakan di luar bidang sosiologi, iaitu bidang psikologi antara budaya, pengurusan antarabangsa dan komunikasi antara budaya.

Teori dimensi budaya digagaskan oleh Hofstede pada tahun 1980 yang berasal daripada tinjauan menyeluruh beliau sejak tahun 1960-an sehinggalah tahun 1970-an. Pada mulanya beliau meneliti perbezaan nilai di antara divisyen yang berlainan dalam syarikat pembuatan komputer multinasional, iaitu IBM. Kajian ini merangkumi lebih 100,000 pekerja dari 50 buah negara di tiga wilayah. Hofstede, menggunakan kaedah statistik khusus yang dipanggil analisis faktor, pada mulanya mengenal pasti empat dimensi nilai, iaitu individualisme dan kolektivisme, jarak kuasa, mengelakkan ketidakpastian, dan maskuliniti dan kewanitaan. Kemudian, beliau menjalankan penyelidikan bersama-sama ahli sosiologi China dan mengenal pasti orientasi lima puluh dimensi, iaitu orientasi jangka panjang dan jangka pendek. Akhirnya, pada tahun 2010, replikasi kajian Hofstede yang dijalankan di 93 negara berasingan, membuktikan bahawa kewujudan lima dimensi dan mengenal pasti yang keenamnya dikenali sebagai indulgensi (kelonggaran/ kesenangan diri) dan kekangan (Hofstede & Minkov, 2010).

TEORI ORENTASI NILAI KLUCKHONS DAN STRODTBECK

Kluckhohn dan Strodtbeck (1961) dalam bukunya yang berjudul *Variations in Value Orientation* mengatakan bahawa sistem nilai budaya dalam sesuatu masyarakat di dunia ini sebenarnya berkisar tentang lima persoalan asas dalam kehidupan manusia. Teori Orientasi Nilai ini mempunyai persamaan dengan teori Hofstede kerana kedua-duanya menekankan aspek nilai manusia. Pandangan mereka juga mengikut peredaran masa dan tidak statik pada suatu konteks tertentu. Lima persoalan yang digariskan oleh mereka ialah:

1. Apakah tingkah laku manusia?
2. Apakah kaitan di antara manusia dan alam semula jadi?
3. Apakah orientasi hubungan manusia dengan manusia?
4. Apakah nilai yang ditekankan ke atas aktiviti?
5. Apakah orientasi masa dan kehidupan manusia?

KONTEKS BUDAYA EDWARD T. HALL (1976)

Pada tahun 1976, Hall mencadangkan konteks budaya yang boleh dibahagikan kepada dua kategori, iaitu konteks tinggi dan konteks rendah. Adalah salah untuk tidak mengetahui bahawa terdapat perbezaan antara budaya konteks tinggi dan konteks rendah. Istilah umum konteks tinggi dan konteks rendah yang dipopularkan oleh Hall ini digunakan untuk menerangkan perbezaan budaya yang meluas antara masyarakat. Konsep ini telah menjadi kerangka rujukan yang popular sejak diperkenalkan 40 tahun lalu. Hall percaya bahawa cara orang berkomunikasi antara satu sama lain berbeza-beza daripada budaya ke budaya. Dalam zaman globalisasi sepenuhnya sekarang, perkara ini menjadi lebih penting daripada sebelumnya untuk memahami perbezaan ini dan mengenal pasti asal-usulnya.

PERBEZAAN BUDAYA KONTEKS TINGGI DAN BUDAYA KONTEKS RENDAH

Kedua-dua konteks budaya ini bertujuan untuk menyerlahkan perbezaan dalam komunikasi lisan dan bukan lisan. Budaya konteks tinggi akan menggunakan komunikasi yang berfokus pada konteks asas, makna dan nada dalam mesej; bukan semata-mata bergantung pada perkataan yang diujarkan. Negara yang mengamalkan budaya konteks tinggi seperti Jepun, China, Perancis, Sepanyol, Brazil dan lain-lain.

Manakala budaya konteks rendah pula mengharapkan komunikasi dinyatakan secara eksplisit supaya dapat menghindari risiko kekeliruan. Dalam hal ini, jika mesej yang disampaikan tidak cukup jelas, hal tersebut akan melambatkan proses mencapai matlamat komunikasi. Bagi situasi yang paling ketara, sebarang tafsiran yang tidak tepat akan menyebabkan berlaku salah faham sekali gus mengundang konflik atau bencana yang tidak diduga. Beberapa budaya termasuk ke dalam kategori ini seperti budaya barat di United Kingdom, Australia dan Amerika Syarikat.

RUJUKAN

Ang, S., Van Dyne, L., & Rockstuhl, T. (2015). Cultural intelligence: Origins, conceptualization, evolution, and methodological diversity. In M. J. Gelfand, C. Y. Chiu, & Y. Y. Hong (Eds.), *Handbook of advances in culture and psychology*. 5, (273–323).

- Hall, E. T. (1976). *Beyond culture*. Anchor Press/Doubleday.
- Hofstede, G. (1980). *Culture's consequences. International differences in work-related values*. Sage.
- Hofstede, G. (1991). *Cultures and Organizations*. McGraw-Hill.
- Hofstede, G. (2001). *Culture's consequences: Comparing values, behaviors, institutions and organizations across nations*. Sage.
- Hofstede, G., & Minkov, M. (2010). Long-versus short-term orientation: new perspectives. *Asia Pacific Business Review*, 16(4), 493–504.
- Jandt, F.E., (2010). *An introduction to intercultural communication: Identities in a global community* (6th ed.). SAGE Publication, Inc.
- Cluckhohn, F. R., & Strodtbeck, F. L. (1961). *Variations in value orientations*. Row, Peterson.
- Samovar, L., Porter, R., & Jain, N. (1981). *Understanding intercultural communication*. Wadsworth.

Penulisan Akademik

Nora'azian Nahar

PENGENALAN

Penulisan akademik merupakan pendekatan penulisan formal atau ilmiah yang fakta-faktanya tidak diputarbelitkan dan merupakan fakta yang berdiri dengan sendirinya tanpa wujud unsur-unsur persuasif, argumentasi, percanggahan pendapat dan protes. Penulisan akademik dihasilkan secara teliti melalui kaedah ilmiah atau saintifik. Selain itu, penulisan ini merupakan satu yang berbentuk formal serta bersifat objektif untuk mempersembahkan sesuatu kajian atau konsep yang melibatkan penulis untuk merujuk sesuatu sumber yang memiliki autoriti. Penulisan yang bukan berasaskan khayalan atau rekaan daripada generalisasi pengalaman tetapi data peroleh berdasarkan kaedah saintifik. Penulisan jenis ini juga disebut penulisan ilmiah dan dikenali juga dengan penulisan bermaklumat dan saintifik.

Kaedah saintifik adalah berasaskan kepercayaan bahawa sebarang fenomena mempunyai keterangan-keterangan tertentu iaitu setiap kesannya mempunyai sebab dan punca. Keadaan ini berasaskan kepada idea bahawa kesimpulan hanya boleh diterima apabila disokong oleh bukti. Seseorang penulis akademik harus mengumpulkan data secara objektif, tidak berat sebelah dalam mengumpulkan data yang menyokong kebenaran hipotesis dan mengabaikan yang tidak mengikut kehendak peribadi penyelidik. Untuk membolehkan pengetahuan biasa menjadi pengetahuan ilmiah penulisan harus melalui jalan yang panjang. Proses yang disebut sebagai kaedah ilmiah ini adalah penting dalam kaedah apabila melibatkan sesuatu kesimpulan itu boleh diterima apabila terdapatnya bukti sokongan. Penyelidik perlulah melalui proses

pengumpulan data, analisis data, pengujian dan perumusan hipotesis. Justeru, sesuatu penulisan akademik itu bersifat sistematik dan mempunyai konseptual serta prosedur yang jelas.

KEPENTINGAN

Penyelidikan adalah proses untuk mengutip dan menganalisis maklumat bagi menambah pengetahuan tentang sesuatu isu atau topik (Creswell, 2008). Penulisan mengkaji secara teratur dan teliti sesuatu persoalan. Untuk mencapai matlamat ini sesebuah penyelidikan dan penulisan yang dilaporkan semestinya mempunyai keaslian. Penyebaran ilmu melalui kajian penyelidikan bentuk tulisan lebih bertahan dan boleh dirujuk pada bila-bila masa. Hal ini jelas menunjukkan kuasa penulis dalam mempengaruhi masyarakat dengan hasil penyelidikannya dapat melahirkan kesejahteraan manusia sejagat.

CIRI-CIRI


Penulisan akademik merupakan kemahiran yang perlu dikuasai oleh pelajar, penyelidik dan tenaga profesional yang bersifat formal, objektif, ilmiah dan saintifik sifatnya. Penulisan ini melibatkan kajian secara teratur dan teliti pada setiap soalan yang dibincangkan. Jenis-jenis penulisan akademik termasuk kertas kerja, tesis, artikel, abstrak, ringkasan eksklusif dan lain-lain. Ciri-ciri penulisan akademik adalah seperti berikut:

- i. Menyampaikan fakta secara sistematik atau mengemukakan hukum alam kepada situasi yang spesifik
- ii. Penulisannya cermat, tepat, benar, dan tidak berdasarkan kepada andaian.
- iii. Penulisan menggunakan bahasa formal, tatabahasa yang betul, ilmiah dan jelas.
- iv. Tidak ditulis untuk memenuhi kehendak golongan-golongan tertentu.
- v. Penulis hanya menulis untuk memaklumkan sesuatu dan tidak bersifat prejudis atau mempengaruhi.

- vi. Penulisan ilmiah tidak bersifat emosional kerana penulisan ini mengemukakan sebab-musabab dan pengertian sesuatu masalah atau persoalan. Kata-katanya mudah diidentifikasi.
- vii. Setiap pandangan yang dikemukakan disokong dengan bukti.
- viii. Menulis dengan jujur dan hanya mengemukakan kebenaran. Tidak mengandungi kenyataan yang boleh menimbulkan keraguan dan fakta yang diputarbelitkan.
- ix. Penulisan akademik tidak bersifat argumentatif yang boleh mencetuskan perdebatan.
- x. Penulisan akademik tidak akan memutar-belitkan fakta kerana hal ini akan merosakkan tujuan penulisan. Penulisan ini juga tidak akan melebih-lebihkan sesuatu kerana hal ini akan menunjukkan motif penulis yang mementingkan diri sendiri (Keraf, 1981).
- xi. Penggunaan bahasa yang formal dan tepat, pembinaan ayat yang jelas dan gramatis serta idea dihujahkan secara logik dan sistematik.
- xii. Penulisan akademik selalunya disertakan sumber rujukan daripada penulis lain yang mempunyai autoriti dalam bidang kepakaran masing-masing.

JENIS-JENIS PENULISAN AKADEMIK

Jenis-jenis penulisan akademik adalah seperti di Rajah 3.1:



Rajah 3.1 Jenis-jenis Penulisan Akademik

Esei ilmiah

Merujuk karangan ilmiah yang pendek tentang topik atau permasalahan berdasarkan data yang diperoleh melalui rujukan perpustakaan dan kerja lapangan. Penghuraianya bersifat rasional-empiris dan objektif. Esei ilmiah termasuk esei perbincangan yang ditulis dalam majalah, artikel, akhbar, buku dan jurnal. Selain itu, esei ilmiah menampilkan tujuan penulisan yang serius, organisasi yang logik, mempunyai kewibawaan dan ukuran kepanjangan tertentu. Topik yang digarap atau permasalahan yang dikemukakan berdasarkan data yang diperoleh melalui rujukan perpustakaan dan kerja lapangan. Penghuraian bersifat rasional-empiris dan objektif.

Kertas kerja

Penulisan ilmiah yang memaparkan sesuatu fakta atau permasalahan berdasarkan data kerja lapangan atau rujukan perpustakaan. Analisis dalam kertas kerja adalah lebih serius dan bersifat rasional-empiris dan objektif. Kertas kerja biasanya ditulis untuk diterbitkan dalam jurnal akademik atau dibentangkan dalam pertemuan ilmiah seperti kolokium, simposium, seminar, bengkel, konvensyen dan persidangan.

Laporan kajian

Laporan kajian atau penyelidikan ialah penulisan ilmiah yang menyampaikan maklumat atau fakta tentang sesuatu kepada pihak lain. Penghuraianya juga bersandarkan metodologi saintifik dan berdasarkan data kerja lapangan atau rujukan perpustakaan. Penulisan dokumentasi adalah untuk diserahkan oleh calon bagi tujuan penganugerahan program di institusi atau dilaporkan kepada organisasi.

Tesis

Tesis ialah penulisan ilmiah yang sifatnya lebih mendalam. Penulisan ini mengungkapkan pengetahuan baharu yang diperoleh daripada pengamatan atau penyelidikan sendiri. Tesis melibatkan pengujian hipotesis bagi membuktikan kebenaran. Hasil kajian biasanya perlu dipertahankan di hadapan panel *viva-voce*. Kebiasaannya tesis ditulis oleh pelajar peringkat Sarjana Muda dan peringkat Sarjana.

Disertasi

Disertasi ialah penulisan ilmiah tahap tertinggi dalam hierarki pencapaian akademik iaitu untuk mendapatkan gelaran Doktor Falsafah (Ph.D). Disertasi melibatkan fakta berupa penemuan penulis sendiri berdasarkan metodologi saintifik dan analisis yang terperinci. Seperti tesis, disertasi juga perlu dibentangkan dan dipertahankan di hadapan panel atau lembaga *viva-voce*.

STRUKTUR PENULISAN AKADEMIK

Struktur penulisan adalah suatu cara menyusun idea dalam penulisan akademik supaya terbina penulisan yang menarik, tersusun dan bersistematik daripada pelbagai bahagian, unsur atau aspek bagi memudahkan pembaca memahami dalam proses penyampaian idea dan maklumat melalui penulisan. Selain itu, struktur adalah cara sesuatu penulisan terbina dari pelbagai bahagian, unsur atau aspek hingga menjadi pola. Sistem atau bentuk tertentu mewakili keseluruhan bahagian dalam sesuatu penulisan esei (Badrul Hisyam Ghazali, 2024).

Struktur turut terbina daripada perenggan-perenggan yang mempunyai pertautan antara satu dengan yang lain. Sesuatu penulisan mengandungi perenggan pengenalan, perenggan isi dan perenggan kesimpulan. Perenggan-perenggan yang membina struktur penulisan ini terbina daripada bahagian-bahagian yang dapat dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu a) pengenalan, b) isi dan c) penutup seperti yang dapat dilihat pada Rajah 3.2 berikut.



Rajah 3.2 Ringkasan Penulisan Akademik

Rangka penulisan akademik didahului dengan bahagian pendahuluan yang memiliki 10% daripada keseluruhan penulisan. Dalam Bab 1: Pendahuluan menerangkan pengenalan bagi tajuk yang dikaji dan mengenal pasti isu-isu utama kajian iaitu pernyataan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, definisi operasional kerangka teoritikal dan kerangka konseptual. Keseluruhan bahagian terbesar iaitu teks utama dikenali sebagai badan mewakili 80% bahagian. Bahagian ini dibahagikan kepada beberapa perenggan dan memerlukan satu hujah bagi setiap perenggan. Persoalan-persoalan yang dikemukakan di dalam pendahuluan akan dijawab di dalam teks utama. Bahagian isi atau badan penulisan ditulis pada Bab 2: Sorotan Literatur iaitu membincangkan hasil-hasil kajian lepas yang berkaitan dengan masalah yang dikaji terutama sekali untuk menjelaskan kedudukan kajian dalam konteks kajian-kajian lepas. Bab 3: Metodologi memberikan penjelasan yang teliti dan meyakinkan kaedah-kaedah yang akan digunakan untuk memperoleh data dan Bab 4: Dapatan Kajian membincangkan dapatan kajian bersandarkan objektif dipilih. Seterusnya baki bahagian 10% daripada keseluruhan bahagian penulisan akademik adalah kesimpulan yang menerangkan tema utama kajian. Penutup penulisan boleh ditulis di dalam Bab 5: iaitu Rumusan, Cadangan dan Kesimpulan membincangkan rumusan kajian secara menyeluruh berdasarkan dapatan kajian yang telah dianalisis (Huzaimi Alias, 2017).

Pengenalan

Pengenalan bermula secara umum dan kemudian memfokus suatu idea utama. Pengenalan penting untuk menarik minat pembaca supaya terus membaca. Pengenalan harus mempunyai ciri-ciri menyeronokkan, menyampaikan dan memberikan maklumat yang baharu dan merangsang naluri ingin tahu pembaca. Sebaik-baiknya ayat yang digunakan biarlah mudah, tepat dan menarik. Perenggan pengenalan juga perlulah ringkas dan jitu.

Isi Esei

Isi esei harus mempunyai banyak fakta dan maklumat. Bahagian ini biasanya lebih panjang daripada bahagian-bahagian lain. Maklumat-maklumat tersebut boleh disertakan dengan penjelasan lanjut dalam

bentuk statistik, kutipan, anekdot, fakta carta dan rajah. Tujuannya untuk menyokong idea dan pendapat penulis. Di samping itu penjelasan ini juga menjadikan sesebuah esei lebih menarik dan senang difahami dan ditulis dalam bentuk perenggan.

Setiap perenggan perlu ada tiga perkara penting iaitu kesatuan idea, urutan idea dan penonjolan idea utama. Ketiga-tiga perkara ini perlu diberikan perhatian untuk memastikan peralihan idea berjalan lancar dan memudahkan pembaca mengikuti perkembangan idea tersebut.

Apabila mengemukakan sesuatu idea dalam sesuatu perenggan adalah perlu untuk menghubungkannya dengan penyambung ayat yang betul. Caranya adalah menggunakan kata penghubung seperti sementara itu, selepas itu, walau bagaimanapun, tetapi, sejajar dengan, dalam perkembangan ini dan sebelum ini. Kata penghubung penting bagi memastikan kelancaran idea dalam sesuatu esei dan memberikan maklumat yang sejelas-jelasnya kepada pembaca. Bilangan perenggan yang ingin digunakan oleh penulis bergantung kepada jumlah isi yang ingin diketengahkan.

Bahagian tubuh sebenarnya adalah bahagian atau argumentasi hujah. Penulis perlu mengemukakan hujah yang akan meyakinkan pembaca. Untuk menarik perhatian pembaca, penulis perlu memperkayakan perbendaharaan kata dan menguasai gaya bahasa supaya penulisan menjadi lebih kemas dan efektif. Antara semua ini, yang paling penting ialah hujah-hujah disusun secara logik. Isi yang disusun juga mestilah mengikut keutamaan.


Penutup

Bahagian ini harus kembali kepada pengenalan dan memberikan kenyataan umum. Bahagian penutup juga sama penting dengan pengenalan. Penutup harus menarik seperti pengenalan dan jumlah perkataan lebih kurang sama dengan pengenalan.

GAYA PENULISAN

Format atau gaya yang digunakan untuk penulisan akademik mengikut gaya sistem *American Psychological Association (APA)* atau *Modern Language Association (MLA)*. Kedua-dua sistem ini boleh diperoleh di perpustakaan. Penyelidik boleh memuat turun Panduan Menulis Projek

Tahun Akhir, tesis dan disertasi daripada pautan yang disediakan di universiti.



Rajah 3.3 Gaya Penulisan Laporan

- a. **Gunakan Bahasa Melayu Standard**
Bahasa standard adalah kelainan bahasa yang menggambarkan keseragaman dalam bentuk dan fungsi. Keseragaman dari segi ejaan, sebutan, imbuhan, rumus-rumus tatabahasa dan dari aspek leksikal yang dikodifikasikan perlu digunakan dalam penulisan yang sifatnya akademis, filosofis, profesional dan juga dalam kesusasteraan (Nik Safiah Karim et al., 2015).
- b. **Struktur Ayat**
Dalam penulisan, gunakan ayat yang pendek dan ringkas. Ayat dengan 10 perkataan mudah difahami, ayat dengan 20 perkataan sukar difahami dan ayat dengan 30 perkataan sangat sukar difahami. Oleh sebab itu, gunakan ayat yang ringkas dan tidak berbunga. Penyelidik disarankan menggunakan perkataan yang mudah difahami oleh kebanyakan pembaca terutama perkataan yang

pendek dan biasa digunakan. Ayat pertama bagi setiap perenggan mestilah meringkaskan perkara yang ditulis di dalam sesuatu perenggan. Setiap perenggan memberikan satu idea. Ayat terakhir boleh digunakan untuk menulis kesimpulan idea yang ditulis dalam perenggan tersebut. Pastikan ayat lengkap subjek dan predikatnya. Ayat pendek boleh membantu koheren (kesinambungan) sementara ayat panjang membantu kohesi (kekuatan tarikan) dalam penulisan.

c. Pemerenggan

Pemerenggan ialah proses atau perbuatan memerenggan sesuatu. Pemerenggan juga merupakan usaha untuk menghasilkan sesebuah penulisan yang mantap. Setiap perenggan yang dibina memerlukan hubung kait antara satu sama lain dan berkesinambungan. Idea utama dan format yang konsisten merupakan asas bagi setiap perenggan yang dibina agar dielaborasi dengan baik antara satu ayat dengan satu ayat yang lain di dalam perenggan tersebut. Perenggan pengembangan perlu mempunyai ciri-ciri seperti ayat topik; mengandungi bukti yang sahih; mempunyai contoh; deskripsi fizikal dan berfungsi sebagai wacana yang utuh serta berkesan sebagai kesatuan perenggan.

d. Terus kepada Isi

Bahagian isi hendaklah ditulis dengan ringkas tetapi tepat dan terfokus. Penyelidik perlu menghuraikan isi berdasarkan hujah sebagai asas untuk menentukan aliran kandungan kajian. Dalam konteks penulisan isi, kandungan mestilah berdasarkan pendapat atau hujah, bukan berdasarkan kebiasaan. Seterusnya, penyelidik perlu memberikan penjelasan yang mempunyai tahap perkaitan yang bersesuaian dengan masalah utama yang dikaji. Untuk dapat menulis huraian yang baik, penyelidik harus memahami masalah utama yang dikaji sama ada secara tersirat atau tersurat.

e. Gunakan Transisi antara Perenggan

Penanda wacana berfungsi sebagai kata penghubung perlu digunakan sebagai transisi antara perenggan. Setiap gagasan, saranan, cadangan, menyambung maklumat, menghubungkan ayat dengan ayat, penanda wacana yang bertepatan perlu dipilih untuk mewujudkan ayat-ayat dan perenggan yang utuh, gramatis, bermakna dan berkesinambungan antara perenggan.

f. Ilustrasi

Penggunaan ilustrasi digalakkan dalam penulisan akademik. Antaranya graf, rajah, carta alir, jadual, foto dan ilustrasi yang berkaitan dengan kajian. Ilustrasi perlu diasingkan daripada teks dan perlulah jelas serta berkaitan dengan hasil dapatan yang ingin disampaikan. Setiap ilustrasi dilabelkan dengan baik dan mempunyai penerangan yang jelas.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, penulisan akademik yang baik dapat menarik pembaca sejak awal penulisan pendahuluan dengan susunan perkataan dan maksud yang teratur. Penyelidik perlu meletakkan dirinya sebagai pembaca dan dapat menyampaikan maklumat dengan tepat dan berkesan. Pemilihan perkataan-perkataan yang menarik dan mudah difahami dengan menjadikan bacaan pembaca lebih lancar dan berkesinambungan antara satu perenggan dengan perenggan yang lain. Penyelidik perlu memberikan pandangan sendiri dan mesti menjawab persoalan-persoalan yang telah dinyatakan di dalam Bab 1. Keputusan sebarang ujian hipotesis perlu dimasukkan dan buktikan masalah penyelidikan telah diselesaikan. Selain itu, kesimpulan mestilah tepat dengan matlamat kajian dan tiada bahan baharu boleh diperkenalkan pada peringkat ini. Sumbangan kepada ilmu baharu perlu ditekankan sekali gus menjadi peranan dalam menerangkan gambaran keseluruhan kajian secara ringkas.

RUJUKAN

- American Psychological Association. (2010). *Publication manual of the American Psychological Association* (7th ed.). Author.
- Badrul Hisyam Ghazali. (2024). [Dalam *flip book*].
- Creswell, J.W. (2008). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research*. Merrill Prentice Hall.
- Faridah Nazir, Nurul Jamilah Rosly & Nora'azian Nahar. (2020). *Kaedah Penyelidikan Bahasa Melayu*. SYFE Managemant Sdn. Bhd.
- Fraenkel, J.R. & Wallen N.E. (2009). *How to design and evaluate research in education*. (7th. ed.). McGraw-Hill.
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. (2018). *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan*. (Edisi Kedua). Universiti Malaya.

- Huzaimi Alias. (2017). *Urus data dengan efektif*. <https://huzaimialias.com/2017/01/08/rumusan-penulisan-akademik>
- Keraf, G. (1981). *Komposisi*. Penerbit Nusa Indah.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2021). *Laporan Akhir Kajian Penyelidikan*. Kertas Kerja yang dibentangkan dalam Bengkel Reka Bentuk Penyelidikan Kualitatif dan Analisis Data, Dewan Maya, KUIPSAS. <https://utm.webex.com/meet/qamar>
- Mohd Majid Konting. (2009). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2015). *Tatabahasa Dewan* (Edisi Ketiga). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nora'azian Nahar, Faridah Nazir & Nurul Jamilah Rosly. (2024). *Tatacara Pembinaan Item Soal Selidik*. SASBADI Sdn. Bhd.
- Noraini Idris. (2013). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. McGraw-Hill.
- Norfisah Mat Rabi. (2020). *Penulisan Proposal Penyelidikan Ilmiah*. Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Pusat Pengajian Pascasiswazah. (2014). *Garis Panduan Gaya Penulisan Pascasiswazah*. Universiti Malaysia Sabah.
- Pusat Pengurusan Siswazah. (2010). *Panduan Penulisan Tesis Gaya UKM* (Edisi semak kedua). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- School of Graduate Studies. (2013). *Postgraduate student's guide thesis preparation*. Universiti Putra Malaysia.

Sosiolinguistik

Faridah Nazir

PENGENALAN

Istilah sosiolinguistik adalah berasal daripada gabungan perkataan sosio + linguistik, iaitu bidang ilmu yang merupakan cantuman antara sosiologi dengan linguistik. Akan tetapi, perkara utama bidang kajian sosiolinguistik ialah masyarakat dan bahasa (Abdul Razif Zaini & Rosfazila Abd Rahman, 2016). Oleh itu, sosiolinguistik adalah ilmu interdisiplineri yang menyusun teori-teori tentang perhubungan masyarakat dan bahasa. Sosiolinguistik adalah cabang ilmu linguistik yang mempelajari hubungan dan saling mempengaruhi antara perilaku bahasa dan perilaku sosial. Pengetahuan sosiolinguistik dimanfaatkan dalam berkomunikasi atau berinteraksi. Sosiolinguistik memberikan pedoman untuk berkomunikasi dengan menunjukkan bahasa, ragam bahasa atau gaya bahasa yang harus penutur gunakan jika berbicara dengan orang-orang tertentu.

Seseorang dapat menentukan cara memahami fenomena yang berbeza dan mencorakkan masyarakat penuturnya dengan menentukan pandangan hidup (*world-view*) mereka. Oleh itu, bidang sosiolinguistik merupakan bidang yang menumpukan perhatian terhadap bahasa dalam konteks sosial dan kebudayaan. Tumpuan kajian bidang ini kepada aspek pengguna dan penggunaan sesuatu bahasa dalam masyarakat. Pengguna ialah orang yang menggunakan bahasa yang menyebabkan wujudnya dialek manakala penggunaan pula ialah kesesuaian jenis bahasa yang digunakan dalam sesuatu situasi. Oleh itu, huraian tentang konsep sosiolinguistik adalah seperti dalam Rajah 4.1.



Rajah 4.1 Konsep Sosiolinguistik

DEFINISI SOSIOLINGUISTIK

Terdapat pelbagai definisi sosiolinguistik yang dikemukakan oleh pakar dan pengkaji bahasa. Justeru, dua konsep utama dalam istilah sosiolinguistik, iaitu sosiologi dan linguistik. Sosiologi meliputi perkara atau isu yang berkaitan masyarakat dengan menyerap ilmu-ilmu sosial yang lain, linguistik pula ialah ilmu pengetahuan yang mengkaji soal bahasa yang merangkumi pelbagai aspek komunikasi manusia. Fishman (1968) misalnya menyatakan bahawa sosiolinguistik merupakan kajian terhadap *pattern co-variation of language and society*, iaitu kajian yang mementingkan kewujudan kelainan bahasa seperti dialek (geografi dan sosial), laras, gaya bahasa dan sebagainya dalam sesebuah komuniti bahasa. Dalam hal ini, beliau juga menyatakan bahawa hanya sosiolinguistik yang merupakan satu-satunya disiplin ilmu yang mementingkan kajian terhadap bahasa dan hubungannya dengan penggunaan bahasa.

Skop sosiolinguistik meliputi soal seperti perhubungan antara demografi dan pemeliharaan bahasa, penemuan bahasa dan kedwibahasaan, perkembangan bahasa pijin dan kreol serta dialek sosial, penukaran kod dan perancangan bahasa termasuk standardisasi bahasa dan sebagainya. Oleh itu, sosiolinguistik dikemukakan sebagai bidang antar disiplin yang mempelajari bahasa dalam kaitannya dengan penggunaan bahasa itu dalam masyarakat (Chaer & Agustina, 2014). Sementara itu, H. Achmad Muhlis (2021), berpendapat bahawa, sosiolinguistik merupakan ilmu yang mempelajari dan sekali gus

membahas aspek kemasyarakatan bahasa, terutama perbezaan atau variasi yang terdapat dalam bahasa yang berkaitan dengan faktor-faktor kemasyarakatan bahasa.

Seterusnya, Alwasilah (2008) pula berpendapat bahawa sosiolinguistik terdiri daripada perkaitan antara lima aspek penggunaan bahasa (*parole*), iaitu stilistika, pragmatik, analisis wacana, etnografi komunikasi, dan variasi bahasa. Perkaitan ini merupakan faktor pengawal tentang perbezaan dalam berbahasa kerana tidak semua bahasa diungkapkan dengan cara yang sama oleh orang-orang yang berbeza. Perkara ini sudah tentu dipengaruhi oleh faktor atau aspek tertentu dalam kegiatan berbahasa sesebuah masyarakat. Faktor-faktor dan aspek-aspek yang terdapat adalah dipengaruhi oleh perbezaan dalam penggunaan bahasa, iaitu sama ada formal, tidak formal, halus, sopan atau bergantung pada struktur sosial penutur.

SOSIOLOGI

Sosiologi merupakan ilmu berkaitan struktur masyarakat dan proses kemasyarakatan (Mohammed Azlan Mis, 2010). Sosiologi juga meliputi semua perubahan yang berlaku dalam sesebuah masyarakat, iaitu yang meliputi kegiatan sosial ataupun gejala sosial yang berlaku. Maka, sosiologi merupakan semua isu yang berkaitan organisasi sosial manakala, sosiologi bahasa pula adalah berkaitan tingkah laku bahasa. Tingkah laku bahasa ini bukan hanya bertumpu kepada penggunaan bahasa sahaja malah, sikap bahasa dan tingkah laku nyata terhadap bahasa dan penggunaan bahasa.

LINGUISTIK

Linguistik mempunyai pelbagai definisi seperti yang dikemukakan oleh ahli-ahli bahasa. John Lyons (1968) misalnya, mendefinisikan linguistik sebagai "*the scientific study of language.*" David Crystal (2019) pula menjelaskan bahawa linguistik sebagai kajian bahasa secara saintifik. Seterusnya, Ferdinand de Saussure (1988) mendefinisikan linguistik sebagai kajian tentang bahasa yang diucapkan oleh segolongan masyarakat.

Selain itu, perbincangan tentang linguistik juga turut memberi tumpuan kepada jenis-jenis bidangnya. Oleh yang demikian, terdapat


lima bidang ilmu linguistik yang sering diberi penekanan, iaitu linguistik am, linguistik gunaan, linguistik sejarah, linguistik perbandingan dan linguistik kontekstual seperti dalam Rajah 4.2.



Rajah 4.2 Jenis-jenis Bidang Linguistik

Linguistik Am

Menurut Kamus Linguistik Edisi Keempat (2013), linguistik am (*general linguistics*) merupakan istilah umum bagi cabang-cabang pengkajian linguistik yang menghasilkan konsep asas, teori, model dan kaedah, dan biasanya merangkumi prinsip analisis dan pemerian dalam pengkajian fonologi, tatabahasa, dan kosa kata, serta pengkajian grafemik, sejarawi, perbandingan, dan dialek. Linguistik am turut dikenali sebagai linguistik umum yang mengkaji aspek-aspek teori ilmu linguistik secara umum. Linguistik umum berasal daripada bahasa Inggeris yang bermaksud ilmu bahasa yang meneliti pelbagai aspek bahasa seperti dalam Rajah 4.3.




Rajah 4.3 Aspek Bahasa Linguistik Am

Menurut Abdul Hamid Mahmood (2002), linguistik am turut menghuraikan cara kajian bahasa dilakukan mengikut teori, kaedah dan pendekatan tradisional, kajian bahasa mengikut aliran struktur, teori dan kaedah kajian bahasa mengikut aliran transformasi generatif, relasional, fungsional dan seumpamanya. Hal ini bermaksud bahawa, melalui ilmu linguistik am, ahli bahasa dapat mengkaji dan menghuraikan segala bahasa yang dituturkan oleh manusia di dunia seperti bahasa Melayu, bahasa Mandarin, bahasa Tamil, bahasa Thai, bahasa Inggeris, bahasa Perancis dan sebagainya.

Linguistik Gunaan

Linguistik gunaan atau linguistik terapan wujud apabila bidang linguistik bergabung dengan ilmu pendidikan dan psikologi. Bidang linguistik ini memanfaatkan teori, deskripsi, kaedah dan hasil kajian linguistik dalam mengajarkan bahasa dan menulis buku-buku teks. Ciri-ciri linguistik gunaan ini digambarkan dalam Rajah 4.4.



Rajah 4.4 Ciri-Ciri Linguistik Gunaan

Linguistik Sejarah

Kajian perkembangan bahasa menjadi ciri utama linguistik sejarah. Perbezaan bahasa yang berlaku dalam dua dimensi masa dikenali sebagai linguistik diakronik. Data tentang sesuatu bahasa akan dibandingkan untuk meneliti perubahan dan perkembangannya dalam suatu tempoh masa tertentu. Contoh kajian diakronik dalam linguistik sejarah dapat dilihat berdasarkan perbezaan antara bahasa Melayu klasik dan bahasa Melayu moden misalnya, perbezaan bahasa dalam karya klasik seperti Hikayat Malim Deman dan novel moden seperti Ombak Rindu berlaku disebabkan faktor perubahan masa.

Berdasarkan Kamus Linguistik Edisi Keempat (2013), linguistik sejarah merupakan pendekatan atau kaedah yang digunakan dalam cabang linguistik untuk mengkaji perubahan jangka pendek atau jangka panjang dalam sistem bunyi, tatabahasa dan kosa kata suatu bahasa.

Menurut Roger Lass (1997), linguistik sejarah adalah historiografi dan disiplin yang membuat cerita serta tafsiran daripada perkara yang berlaku dalam bahasa dari semasa ke semasa. Sehubungan itu, zaman linguistik sejarah bermula pada abad ke-19 dan zaman klasik linguistik sejarah dikatakan bermula sekitar tahun 1820-1870-an. Maka, antara kepentingan linguistik sejarah adalah mengkaji hubungan kekerabatan bahasa-bahasa yang berada dalam satu rumpun yang sama melalui penelitian terhadap aspek linguistik, iaitu fonologi, morfologi, sintaksis dan semantik.


Selain itu, linguistik sejarah penting untuk membuat rekonstruksi bahasa-bahasa yang wujud pada masa kini kepada bentuk bahasa protonya. *Subgrouping* atau pengelompokan ke atas bahasa yang berada dalam rumpun yang sama mengikut sub kelompok bahasa tertentu juga boleh dilakukan di samping kajian untuk mengenal pasti pusat penyebaran bahasa-bahasa proto serta menentukan migrasi purba yang pernah berlaku. Oleh itu, sehingga ke hari ini, kajian rekonstruksi bahasa dan pengelompokan bahasa-bahasa yang dalam rumpun bahasa dunia ini telah mencapai kejayaan yang boleh dibanggakan. Sebagai contohnya, bahasa Melayu purba telah direkonstruksi daripada bahasa Melayu, bahasa Banjar Hulu, Minangkabau, Iban dan dialek Melayu Jakarta.

Linguistik Perbandingan

Linguistik perbandingan mempunyai sedikit sebanyak perkaitan dengan linguistik sejarah. Hal ini adalah disebabkan oleh, linguistik perbandingan atau filologi perbandingan menumpukan kepada perkaitan sejarah antara bahasa-bahasa yang dituturkan. Menurut Iwan Rumalean (2021), linguistik bandingan merupakan cabang linguistik yang melakukan perbandingan dua atau lebih bahasa baik yang berkerabat atau pernah berkontak. Linguistik bandingan bekerja dengan menggunakan cara yang sistematis dan terencana dengan menggunakan pendekatan ilmiah.

Tumpuan kajian linguistik perbandingan adalah sama ada secara sinkronik, iaitu perkembangan bahasa dalam satu masa tertentu atau diakronik, iaitu perkembangan yang dialami oleh bahasa dalam jangka masa yang berlainan. Kajian secara diakronik tergolong dalam bidang kajian linguistik sejarah misalnya, antara bahasa Melayu klasik dan bahasa Melayu moden. Sehubungan itu, linguistik perbandingan mengkaji perbezaan yang terdapat dalam penggunaan bahasa yang


berlainan dari segi fonologi, morfologi, sintaksis dan perbendaharaan kata. Ciri-ciri linguistik yang dikenal pasti dalam satu data kajian linguistik perbandingan antara bahasa Melayu klasik dan bahasa Melayu moden (Faridah Nazir, Norhiza Mohd Salleh & Zairinah Mohd Shukur, 2014) ditunjukkan dalam Rajah 4.5.



Rajah 4.5 Data Kajian Linguistik Perbandingan

Linguistik Kontekstual

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2019), kontekstual merujuk suatu keadaan yang berdasarkan konteks misalnya, kajian bahasa dalam kalangan remaja. Dalam hal ini, remaja merupakan konteks dalam kajian bahasa yang dijalankan. Secara umumnya, kontekstual membawa pengertian yang berkenaan; relevan; ada hubungan atau kaitan langsung; dan mengikut konteks. Linguistik kontekstual ialah bidang linguistik yang berinteraksi dengan disiplin-disiplin akademik yang lain. Perkara ini adalah berbeza daripada linguistik am yang mengkaji bahasa semata-mata untuk tujuan sendiri. Linguistik kontekstual meneliti atau mengkaji bahasa berdasarkan penggunaannya dalam masyarakat. Bidang kajian linguistik kontekstual menjurus kepada bidang kajian linguistik yang berkaitan penggunaannya, iaitu sosiolinguistik, linguistik antropologikal dan antropologi linguistik seperti dalam Rajah 4.6.



Rajah 4.6 Bidang Kajian Linguistik Kontekstual

BIDANG KAJIAN SOSIOLINGUISTIK

Kajian dalam bidang sosiolinguistik melibatkan komuniti bahasa dan semua isu bahasa yang wujud seperti variasi bahasa, dialek, kerancuan bahasa, isu-isu bahasa berkaitan multilingualisme dan bilingualisme, campur kod, alih kod, bahasa pasar atau bahasa pinyin, bahasa kreol dan sebagainya (Faridah Nazir, Azean Idruwani & Balqis Senawi, 2022).

Komuniti Bahasa

Komuniti bahasa ialah sekumpulan manusia yang menganggap diri mereka sebagai menggunakan bahasa yang sama misalnya komuniti bahasa Melayu. Komuniti ini terdiri daripada penutur-penutur dari negeri-negeri di Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak, Singapura, Brunei dan negara-negara lain. Namun, tidak ada satu istilah khusus seperti komuniti bahasa Melayu yang rasmi kerana bilangan penutur bahasa Melayu yang ramai meliputi pelbagai negara di dunia. Mereka dipisahkan oleh sempadan politik yang membezakan sebuah negara dengan negara yang lain. Komuniti bahasa Melayu yang besar ini telah menyebabkan wujudnya pelbagai perbezaan misalnya dari segi kosa kata, sintaksis, morfologi, fonologi dan sebagainya hingga terbentuknya dialek dan variasi bahasa. Variasi bahasa atau jenis bahasa dirujuk berdasarkan pengguna dan penggunaannya. Variasi bahasa berdasarkan pengguna

dikenali sebagai dialek geografi manakala berdasarkan penggunaan pula dikenali sebagai dialek sosial atau *register*.

Dialek

Dialek ialah variasi bahasa yang ditentukan oleh faktor geografi atau sempadan kawasan. Dialek sosial pula merupakan variasi bahasa yang terdapat dalam kalangan individu, komuniti atau masyarakat. Variasi bahasa itu misalnya ialah gaya bahasa yang berbeza yang dituturkan oleh individu (dikenali sebagai idiolek) atau komuniti dan masyarakat bahasa misalnya, campur kod, bahasa pasar, slanga dan sebagainya. Oleh itu, dari segi istilah, dialek ialah variasi atau kelainan bahasa daripada satu bahasa tertentu yang dituturkan oleh sekumpulan penutur dalam satu-satu masyarakat bahasa. Dialek mempunyai bentuk tertentu, dituturkan dalam kawasan tertentu dan berbeza dari segi sebutan, tatabahasa dan penggunaan kata-kata tertentu, tetapi perbezaannya tidaklah begitu besar untuk dianggap sebagai satu bahasa yang lain.

Sehubungan itu, wujud juga sempadan kawasan untuk sesuatu dialek yang dituturkan. Sebagai contoh, di sempadan negeri-negeri Semenanjung Malaysia tidak dapat menunjukkan sempadan dialek kerana kawasan dialek adalah berbeza. Terdapat masyarakat di Alor Gajah, Melaka yang menggunakan dialek Negeri Sembilan walaupun mereka tinggal di negeri Melaka. Sempadan dialek ini dalam istilah sosiolinguistik dikenali sebagai *isoglos*.

Kerancuan Bahasa

Bahasa ibunda yang digunakan oleh pelbagai kaum di Malaysia boleh menyebabkan berlakunya kerancuan bahasa. Sebagai contoh, berlaku masalah kerancuan bahasa dalam kalangan murid-murid sekolah. Bagi murid Melayu kesalahan tersebut kurang ketara berbanding murid bukan Melayu. Satu daripada kesalahan umum murid bukan Melayu ialah kegagalan mereka mengenali perbezaan antara bunyi e pepet dan e-taling semasa membaca dan menulis misalnya, perkataan homonim, iaitu kata yang sama ejaan dan yang sama sebutannya tetapi mempunyai makna yang berbeza seperti yang berikut:

Perak (logam)	:	<i>Perak</i> (warna)
Semak (kaji)	:	<i>Semak</i> (kusut)
Perang (warna)	:	<i>Perang</i> (gaduh)
Sepak (tampar)	:	<i>Sepak</i> (tendang)

Oleh yang demikian, Abdullah Hassan (1987) berpendapat bahawa, perbezaan antara “sepak” dan “sépak” adalah jauh berbeza. Kebanyakan murid bukan Melayu terutama murid Cina misalnya, tidak dapat menyebut bunyi sengau lelangit keras *ny* dan lelangit lembut *ng* dengan tepat. Oleh sebab ejaan setiap bunyi itu mempunyai dua lambang, maka ramai yang menyebutnya sebagai dua bunyi. Dalam hal ini, kadang-kadang berlaku juga kesalahan dalam kalangan murid Melayu dan India. Kesalahan sebegini sering terjadi apabila bunyi melalui konsonan gabungan *ny* diucapkan sebagai dua bunyi, iaitu *n* dan *y* seperti dalam perkataan *banyak* atau *ban-niak* (sepatutnya *ba-nyak*), (*ni-a-muk* atau *n-ya-muk* sepatutnya *nya-muk*) dan *kun-ning* (sepatutnya *ku-ning*). Kesilapan ini turut ditunjukkan dalam bunyi konsonan gabungan *ng*, iaitu *n* diasingkan daripada *g* seperti dalam *ung-gu* atau *un-gu* (sepatutnya *u-ngu*), *tan-gan* (sepatutnya *ta-ngan*) dan *pengan-kap* (sepatutnya *penga-kap*). Maka, disebabkan oleh pengaruh bahasa ibunda ramai murid gagal menyebut perkataan-perkataan ini dengan betul.

KESIMPULAN

Jika diteliti secara mendalam didapati bahawa, bahasa Melayu amat mudah mendapat pengaruh pelbagai variasi bahasa. Oleh yang demikian, peralihan dan penyelarasan bahasa perlu dilakukan secara berterusan agar selari dengan sifat bahasa sendiri yang sentiasa berevolusi. Bahasa sering berubah selari dengan penggunaannya dalam masyarakat dan perkembangan semasa. Oleh itu, dalam konteks Malaysia, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memainkan peranan penting dalam usaha pemertabatan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan seperti yang termaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan. Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu 2016-2025 Kementerian Pendidikan Malaysia misalnya, telah merencanakan garis panduan yang lebih jelas dan terperinci kepada semua pihak berkepentingan agar mereka dapat menyumbang secara bersepadu untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai tonggak tamadun negara.

RUJUKAN

- Abdul Hamid Mahmood. (2002). *Guru dan bahasa Melayu*. Media Printext (M) Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan. (1987). *30 tahun perancangan bahasa Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Razif Zaini & Rosfazila Abd Rahman. (2016). *Tokoh-tokoh Ulama Melayu Nusantara* (Edisi 1, ms.806). Dalam *Dato Mahamud bin Abdul, Tokoh Sosiolinguistik Melayu Nusantara: Suatu kajian Konseptual, Profil dan Sumbangan*. Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Malaysia.
- Alwasilah & A. Chaedar. (2008). *Pengantar sosiologi bahasa*. Angkasa Bandung.
- Chaer & Agustina. (2014). *Sosiolinguistik suatu pengantar*. Rineka Cipta.
- David Crystal. (2019). *The Cambridge Encyclopedia of English Language*. Cambridge University Press.
- Faridah Nazir, Norhiza Mohd Salleh & Zairinah Mohd Shukur. (2014). *Perkembangan kanak-kanak*. Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Faridah Nazir, Azean Idruwani & Balqis Senawi. (2022). *Sosiolinguistik*. Freemind Horizons Sdn.Bhd.
- Ferdinand de Saussure. (1988). *Pengantar Linguistik Umum*. Gajah Mada University Press.
- Fishman. (1968). *Readings in the sociology of language*. Mouton.
- H. Achmad Muhlis. (2021). *Sosiolinguistik dasar*. M.A. Jakad Media Publishing.
- Iwan Rumalean. (2021). *Linguistik Bandingan*. Yayasan Sahabat Alam Raflesia.
- Kamus Linguistik Edisi Keempat*. (2013). Gramedia Pustaka Utama.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2019). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lyons, J. (1968). *Introduction to theoretical linguistics*. Cambridge University Press.
- Mohammed Azlan Mis. (2010). Lingua franca di Sarawak: Aplikasi teori pilihan bahasa. *GEMA: Online Journal of Language Studies*, 10(2), 97–115.
- Roger & Lass. (1997). *Historical linguistics and language change*. Cambridge University Press.

Terjemahan

Ismail Jaafar

PENGENALAN

Terjemahan merujuk kepada proses menterjemah perkataan atau teks dari satu bahasa ke bahasa lain. Di samping itu, terjemahan juga membawa makna persembahan bertulis atau lisan makna perkataan atau teks dalam bahasa lain. Terjemahan memainkan peranan dalam merapatkan jurang linguistik dan membolehkan komunikasi merentasi bahasa dan budaya yang berbeza. Terjemahan menjadi pengantara pertukaran antara budaya, menonjolkan peranannya dalam mempromosikan pemahaman, kepelbagaian, dan dialog merentasi bahasa dan masyarakat.

TEORI PENTERJEMAHAN

Teori dan model kesetaraan translasi yang mengkaji konsep seperti Kesaksamaan Formal, Kesaksamaan Dinamik dan Kesaksamaan Fungsian. Bahagian Kesaksamaan Formal Eugene Nida (1969), juga dikenali sebagai terjemahan literal atau “perkataan-untuk-perkataan” bertujuan untuk menghasilkan semula bentuk dan kandungan teks sumber sebaik mungkin. Terjemahan ini memberi tumpuan kepada mematuhi struktur asal, perbendaharaan kata dan ciri tatabahasa. Teori Skopos oleh Hans J. Vermeer (1989) memberi tumpuan kepada tujuan atau fungsi (Skopos) teks sasaran. Mengikut teori ini, matlamat utama penterjemah adalah untuk memenuhi tujuan komunikatif terjemahan, walaupun ia bermakna menyimpang dari teks sumber. Teori polisistem, yang dicadangkan oleh Even-Zohar (1972), melihat terjemahan sebagai hasil interaksi dalam sistem sastera atau budaya. Terjemahan dipengaruhi

oleh norma, nilai dan ideologi dominan dalam budaya sasaran dan boleh berfungsi untuk mengukuhkan atau mencabar tradisi sastera yang sedia ada. Teori Linguistik oleh Roman Jakobson (1969) menekankan kepentingan memelihara aspek struktur dan semantik teks asal. Kerja-kerja beliau menyokong kesaksamaan formal dengan memberi tumpuan kepada memelihara bentuk linguistik teks sumber. Terjemahan Peralihan oleh John C Catford (1965) mengenal pasti surat-menyurat rasmi sebagai hubungan antara unsur-unsur dalam bahasa sumber dan sasaran yang menduduki tempat yang sama dalam sistem linguistik. Ia selari dengan kesetaraan formal dengan mencari persamaan struktur. Beliau juga memperkenalkan konsep “peralihan” yang berlaku apabila tiada surat-menyurat rasmi, yang membawa kepada penyimpangan daripada kesetaraan formal untuk mencapai terjemahan keseluruhan yang lebih baik. Terjemahan Semantik dan Komunikatif oleh Newmark (1998) memperkatakan kesetaraan formal dan bertujuan untuk memberikan makna kontekstual asal teks. Ia memberi tumpuan kepada memelihara bentuk dan kandungan ke tahap tertinggi yang mungkin. Metodologi Terjemahan Langsung oleh Vinay dan Darbelnet (1977) mencadangkan pendekatan terjemahan yang melibatkan pinjaman, calque dan terjemahan literal. Kesetaraan formal selari dengan kaedah langsung ini, kerana mereka berusaha mengekalkan bentuk dan struktur teks asal. Terjemahan *alkitab*, termasuk transposisi, modulasi, kesetaraan dan pelarasan, sering mengakibatkan penyimpangan dari kesetaraan formal untuk mencapai terjemahan idiomatik dan budaya yang sepadan.

Teori yang mempromosikan kesaksamaan formal menekankan kesetiaan kepada bentuk dan kandungan teks asal, berusaha untuk ketepatan dan penyenggaraan struktur. Walaupun pendekatan ini bernilai dalam konteks tertentu, ia perlu diseimbangkan dengan strategi dinamik atau komunikatif untuk menghasilkan terjemahan yang tepat dan boleh diakses oleh khalayak sasaran.

PERANAN PENTERJEMAH

Penterjemah memainkan peranan penting dalam memindahkan gagasan dari satu bahasa ke bahasa lain. Tugas penterjemah melibatkan mengubah teks bahasa sumber ke dalam teks bahasa sasaran dengan mempertimbangkan makna kedua bahasa dan mengikuti aturan penulisan yang berlaku. Penterjemah yang cemerlang seharusnya memiliki:

1. Kemahiran dalam Sumber dan Bahasa Sasaran: Penterjemah yang cemerlang mempunyai pemahaman yang mendalam tentang kedua-dua sumber dan bahasa sasaran, termasuk tatabahasa, perbendaharaan kata, ungkapan idiomatik dan nuansa budaya.
2. Kepakaran Kesubjek: Penterjemah kandungan bidang tertentu memerlukan kepakaran dalam bidang tersebut. Penterjemah yang sangat baik sudah biasa dengan istilah, konsep dan konvensyen bidang subjek yang mereka terjemahkan.
3. Kesedaran Budaya: Sensitiviti budaya adalah penting untuk terjemahan yang tepat dan berkesan. Penterjemah yang sangat baik memahami konteks budaya sumber dan bahasa sasaran bagi membolehkan mereka menyampaikan makna dengan sewajarnya merentasi sempadan budaya.
4. Kemahiran Penyelidikan: Penterjemah sering menghadapi istilah atau konsep yang tidak dikenali dalam kerja mereka. Penterjemah yang cemerlang seharusnya mahir dalam menjalankan penyelidikan untuk menjelaskan kekaburan, mengesahkan maklumat dan memastikan ketepatan dalam terjemahan mereka.
5. Perhatian kepada Perincian: Penterjemah memerlukan perhatian yang teliti untuk mengelakkan kesilapan dan ketidakkonsistenan. Penterjemah yang baik akan menyemak semula kerja mereka untuk ketepatan makna, tatabahasa, ejaan, tanda baca dan pemformatan.
6. Kebolehsuaian: Penterjemah yang cemerlang boleh menyesuaikan diri dan boleh menyesuaikan pendekatan mereka untuk memenuhi keadaan yang berubah-ubah sambil mengekalkan kualiti.
7. Kemahiran Menulis: Terjemahan bukan sekadar menukar kata-kata dari satu bahasa ke bahasa lain tetapi melibatkan penyampaian makna dan gaya dengan berkesan dalam bahasa sasaran. Penterjemah yang cemerlang adalah penulis mahir yang dapat menghasilkan terjemahan yang jelas, fasih dan menarik.
8. Pemikiran Kritis: Penterjemah mesti banyak membuat keputusan sepanjang proses terjemahan, seperti memilih perkataan yang paling sesuai dan tepat. Penterjemah yang cemerlang menggunakan kemahiran berfikir secara kritis untuk menganalisis teks, mentafsir makna, dan membuat pilihan terjemahan.

9. Standard Etika: Penterjemah mempunyai tanggungjawab untuk menyampaikan mesej pengarang teks sumber dengan tepat, di samping menghormati etika, seperti kerahsiaan dan hak harta intelek. Penterjemah yang cemerlang akan mematuhi etika dan mengekalkan integriti dalam kerja mereka.
10. Pembelajaran Berterusan: Bahasa dan terjemahan adalah bidang dinamik yang berkembang dari semasa ke semasa. Penterjemah yang cemerlang komited untuk pembelajaran sepanjang hayat. Mereka akan sentiasa mengemas kini maklumat dan pengetahuan bahasa, kemajuan teknologi dan teori serta amalan terjemahan.

Memahami Konteks Budaya

Terjemahan bukan sahaja mengenai menggantikan kata-kata dari satu bahasa ke bahasa lain, tetapi juga mengenai pemahaman dan mempertimbangkan konteks budaya kedua-dua bahasa. Terjemahan yang baik mengangap perbezaan budaya, norma dan nilai sumber dan bahasa sasaran kerana ia dapat mempengaruhi makna dan pemahaman kandungan.

Pemindahan Makna Antarbudaya

Terjemahan melibatkan pemindahan makna antara budaya, iaitu makna teks sumber mesti difahami dalam konteks budaya asalnya dan diterjemahkan ke dalam konteks budaya teks sasaran. Ini melibatkan memilih perkataan yang betul, menggunakan metafora yang relevan dan menyesuaikan diri dengan norma budaya yang berbeza.

Konteks Sejarah dan Sosial

Terjemahan juga mencerminkan konteks sejarah dan sosial kedua-dua sumber dan bahasa sasaran. Perubahan dalam norma budaya, linguistik dan sosial boleh mempengaruhi cara teks diterjemahkan dan difahami oleh penonton bahasa sumber dan sasaran.

Adaptasi dan Penyetempatan

Terjemahan sering melibatkan penyesuaian dan penyetempatan untuk menjadikan teks lebih relevan dan mudah difahami oleh pembaca sasaran, termasuk menggantikan, atau mengubah elemen teks kepada konteks budaya khalayak sasaran.

TERJEMAHAN TEKS DAN BAHASA 1

Terjemahan berfungsi sebagai jambatan antara bahasa, memudahkan komunikasi dan pertukaran idea merentasi komuniti linguistik yang berbeza. Penterjemah bertindak sebagai pengantara, memindahkan makna dari teks sumber ke teks sasaran, di samping menelusuri perbezaan linguistik, budaya dan konteks.

1. Teks sebagai Unit Terjemahan: Teks adalah unit asas terjemahan, merangkumi komunikasi bertulis, lisan, atau visual dalam pelbagai bentuk, seperti karya sastera, dokumen undang-undang, manual teknikal, laman sesawang dan kandungan multimedia. Penterjemah terlibat dengan teks pelbagai genre, gaya dan daftar, menyesuaikan agar sesuai dengan rumus dan struktur bahasa dan budaya bahasa sasaran.
2. Bahasa sebagai Medium Terjemahan: Bahasa berfungsi sebagai medium di mana teks dinyatakan dan diterjemahkan. Penterjemah bekerja dengan struktur linguistik, konvensyen dan norma kedua-dua sumber dan bahasa sasaran, berusaha untuk menyampaikan makna dengan tepat sambil menghormati integriti linguistik dan nuansa budaya.
3. Terjemahan dan Konteks Budaya: Konteks budaya sangat mempengaruhi terjemahan, membentuk penggunaan bahasa, ungkapan dan tafsiran. Penterjemah mesti mempertimbangkan rujukan budaya, norma, nilai dan perspektif yang tertanam dalam teks sumber, memastikan ia diberikan dengan sewajarnya dalam bahasa sasaran untuk bergema dengan khalayak sasaran.
4. Kesetaraan teks dan Variasi: Terjemahan melibatkan pencapaian kesetaraan antara teks sumber dan teks sasaran dari segi makna, gaya dan fungsi. Walau bagaimanapun, mencapai kesetaraan teks yang tekal mungkin tidak selalu dapat dilaksanakan, terutamanya apabila perbezaan linguistik atau budaya memerlukan penyesuaian atau

penyusunan semula struktur, makna dan gaya bahasa. Penterjemah menggunakan pelbagai strategi, seperti terjemahan literal, parafrasa, penyesuaian budaya dan penggantian, untuk mengekalkan kesetiaan kepada teks sumber untuk memastikan kebolehbacaan dan kebolehfahaman dalam bahasa sasaran.

5. Dinamik dan Perubahan Bahasa: Bahasa adalah sistem dinamik yang berkembang dari semasa ke semasa melalui interaksi dengan penceramah, budaya dan konteks. Terjemahan mencerminkan kepelbagaian linguistik, inovasi, dan perubahan, menyumbang kepada persenyawaan silang bahasa dan pengayaan himpunan linguistik.
6. Terjemahan dan Multimodaliti: Selain teks lisan, terjemahan merangkumi komunikasi multimodal yang melibatkan imej, bunyi, gerak isyarat dan unsur bukan lisan yang lain. Penterjemah terlibat dengan teks multimodal dalam terjemahan audiovisual, penyetempatan dan transkripsi, menyesuaikan kandungan merentasi mod ungkapan yang berbeza sambil mengekalkan koheren dan kesan.
7. Etika Terjemahan dan Dinamik Kuasa: Terjemahan membabitkan pertimbangan etika yang berkaitan dengan ketepatan, kesetiaan, perwakilan dan tanggungjawab etika penterjemah terhadap pengarang, khalayak dan komuniti. Penterjemah menavigasi dinamik kuasa yang wujud dalam terjemahan, termasuk isu kuasa, pemilihan dan perwakilan, sambil berusaha menegakkan standard etika dan mempromosikan kepelbagaian linguistik dan budaya.

TERJEMAHAN TEKS DAN BAHASA 2

Terjemahan boleh merangkumi pelbagai jenis teks. Kepelbagaian teks ini merupakan cabaran kepada penterjemah untuk mempertimbangkan pertimbangan yang unik. Berikut adalah beberapa jenis teks yang biasa untuk terjemahan:

1. Teks Sastera: Terjemahan sastera melibatkan terjemahan novel, cerpen, puisi, drama dan karya kreatif lain dari satu bahasa ke bahasa lain. Penterjemah sastera mesti menangkap gaya, nada dan peranti sastera pengarang sambil menyampaikan nuansa dan konteks budaya karya asal.

2. Teks Teknikal dan Sainifik: Terjemahan teknikal melibatkan penterjemahan kandungan khusus, seperti kertas saintifik, manual kejuruteraan, dokumen perubatan dan spesifikasi teknikal. Penterjemah mesti mempunyai kepakaran subjek dan biasa dengan istilah teknikal untuk memastikan ketepatan dan kejelasan.
3. Dokumen Undang-undang: Terjemahan undang-undang, termasuk menterjemah kontrak, dokumen mahkamah, undang-undang, paten dan teks undang-undang lain. Penterjemah mesti mempunyai pengetahuan tentang istilah dan konvensyen undang-undang dalam kedua-dua sumber dan bahasa sasaran, serta pemahaman tentang sistem undang-undang.
4. Dokumen Perniagaan dan Kewangan: Terjemahan perniagaan merangkumi pelbagai teks termasuk laporan kewangan, surat-menyurat perniagaan, bahan pemasaran dan dokumen korporat. Penterjemah mesti biasa dengan istilah perniagaan, jargon khusus industri dan norma budaya dalam konteks perniagaan.
5. Penyetempatan Laman Web dan Perisian: Penyetempatan laman web dan perisian melibatkan menterjemahkan halaman web, antara muka pengguna, dokumentasi bantuan dan kandungan multimedia untuk khalayak antarabangsa. Penterjemah mesti menyesuaikan kandungan agar sesuai dengan keperluan linguistik, budaya dan teknikal sambil memastikan kebolegunaan dan fungsi.
6. Media Audio Visual: Terjemahan audiovisual, termasuk penarikataan (*subtitling*), alih suara (*dubbing*), suara latar (*voiceover*) untuk filem, rancangan televisyen, dokumentari, permainan video dan kandungan multimedia. Penterjemah mesti menyegerakkan (*synchronize*) teks yang diterjemahkan dengan unsur audiovisual sambil mengekalkan kesesuaian dan kebolehbacaan.
7. Bahan Akademik dan Pendidikan: Terjemahan akademik melibatkan penterjemahan artikel ilmiah, kertas penyelidikan, buku teks dan bahan pendidikan untuk tujuan akademik. Penterjemah mesti mematuhi konvensyen akademik, gaya petikan dan norma disiplin sambil menyampaikan idea dengan tepat.
8. Teks Perubatan dan Farmaseutikal: Terjemahan perubatan merangkumi menterjemah rekod pesakit, laporan perubatan, dokumen farmaseutikal, ujian klinikal dan maklumat penjagaan kesihatan. Penterjemah mesti mempunyai pemahaman yang

kuat tentang istilah perubatan, konsep saintifik dan keperluan pengawalseliaan.

9. Kandungan Perjalanan dan Pelancongan: Terjemahan untuk industri perjalanan dan pelancongan termasuk menterjemah panduan perjalanan, brosur, laman web hotel, maklumat pelancongan dan bahan warisan budaya. Penterjemah mesti menyampaikan intipati destinasi, tarikan dan pengalaman budaya sambil memenuhi pelbagai khalayak.
10. Kandungan Kewartawanan dan Berita: Terjemahan kandungan kewartawanan dan berita melibatkan penterjemahan artikel, laporan berita, cebisan pendapat dan kandungan editorial untuk media cetak, dalam talian dan penyiaran. Penterjemah mesti menguasai gaya kewartawanan, nada dan segera teks asal, sambil menyampaikan maklumat yang tepat.

PENDEKATAN ANALISIS WACANA

Kaedah untuk memahami dan mentafsir teks secara mendalam, terutamanya dalam konteks sosial, politik, budaya, atau linguistik. Pendekatan ini bertujuan untuk mendedahkan makna tersembunyi dalam teks dengan memeriksa struktur, bahasa dan konteks mereka. Berikut adalah langkah-langkah umum dalam menjalankan analisis wacana:

1. Penetapan Matlamat: Tentukan tujuan analisis wacana anda. Adakah anda ingin memahami mesej politik dalam ucapan, atau ingin menyatakan stereotaip dalam pengiklanan?
2. Pemilihan Teks: Pilih teks untuk dianalisis. Teks penulisan, perbualan, pengiklanan, atau media lain.
3. Pengecaman Aspek Bahasa: Kenal pasti struktur bahasa yang digunakan dalam teks. Ini termasuk tatabahasa, perbendaharaan kata, gaya penulisan dan penggunaan metafora atau kiasan.
4. Pemetaan Konteks: Memahami konteks sosial, politik, budaya dan sejarah di mana teks dicipta. Konteks ini akan mempengaruhi pemahaman tentang niat dan tujuan penggunaan bahasa dalam teks.
5. Analisis Makna: Kenal pasti makna literal dan tersirat dalam teks. Semak semula cara struktur bahasa digunakan untuk menyampaikan mesej atau pandangan tertentu.

6. Pemetaan Kuasa: Analisis bagaimana kuasa dan ideologi ditunjukkan dalam teks. Pertimbangkan siapa yang menghasilkan teks, yang merupakan khalayak sasaran, dan bagaimana kuasa dan hierarki sosial ditunjukkan dalam penggunaan bahasa.
7. Tafsiran dan Kesimpulan: Buat kesimpulan tentang mesej atau makna yang disampaikan oleh teks. Semak implikasi analisis anda untuk pemahaman yang lebih luas tentang masalah yang dianalisis.
8. Refleksi Kritikal: Lihat semula proses analisis anda secara kritikal. Pertimbangkan bagaimana faktor subjektiviti, berat sebelah, atau andaian.

TERJEMAHAN DAN MEDIA

Terjemahan merupakan proses pemindahan makna dari satu bahasa ke bahasa lain, sementara media merupakan saluran komunikasi yang digunakan untuk menyebarkan informasi, pesan dan konten kepada masyarakat luas. Berikut adalah beberapa cara di mana terjemahan dan media berkait:

1. Terjemahan dalam Media: Media sering menggunakan terjemahan untuk menyebarkan kandungan kepada khalayak yang bercakap bahasa yang berbeza. Sebagai contoh, filem asing diterjemahkan ke dalam bahasa tempatan dengan sari kata atau *dubbing* supaya ia dapat dinikmati oleh penonton yang tidak bercakap bahasa ibunda filem itu.
2. Terjemahan Berita dan Maklumat: Media cetak, dalam talian dan penyiaran sering menggunakan terjemahan untuk menyampaikan berita dan maklumat dari satu bahasa ke bahasa lain. Ini membolehkan akses sejagat kepada maklumat global.
3. Terjemahan dalam Pemasaran: Media digunakan dalam pemasaran untuk mempromosikan produk atau perkhidmatan secara meluas. Terjemahan membolehkan mesej pemasaran disampaikan kepada khalayak yang bertutur dalam pelbagai bahasa, meluaskan jangkauan pasaran.
4. Terjemahan dalam Media Sosial: Pada zaman media sosial, terjemahan adalah penting untuk menyampaikan mesej kepada khalayak berbilang bahasa. Platform media sosial sering menyediakan ciri terjemahan automatik untuk menterjemahkan

kandungan yang disiarkan oleh pengguna dari satu bahasa ke bahasa lain.

5. Analisis Wacana dalam Terjemahan Media: Pendekatan analisis wacana boleh digunakan untuk memahami bagaimana mesej dan makna dalam media asal dipindahkan ke dalam terjemahan. Ini termasuk mengkaji bagaimana pilihan bahasa dalam terjemahan boleh mempengaruhi pemahaman dan tafsiran khalayak.
6. Etika Terjemahan Media: Terjemahan dalam konteks media juga melibatkan pertimbangan etika, termasuk ketepatan, kepelbagaian budaya dan konteks sosial kandungan yang diterjemahkan.

ISU-ISU TERJEMAHAN

1. Nuansa Bahasa: Bahasa kaya dengan nuansa, idiom dan rujukan budaya yang tidak boleh diterjemahkan terus ke dalam bahasa lain. Penterjemah mesti menavigasi selok-belok ini untuk memastikan makna disampaikan dengan tepat.
2. Sensitiviti Budaya: Menterjemah kandungan melibatkan pemahaman nuansa budaya dan sensitiviti. Kegagalan untuk mempertimbangkan konteks budaya boleh membawa kepada salah tafsir atau terjemahan yang menyinggung perasaan.
3. Kekaburan Kontekstual: Perkataan atau frasa mungkin mempunyai makna yang berbeza bergantung pada konteks. Penterjemah mesti memahami makna yang dimaksudkan dalam konteks teks sumber untuk memberikan terjemahan yang tepat.
4. Istilah Teknikal: Menterjemah kandungan teknikal atau khusus memerlukan kepakaran dalam bidang yang berkaitan. Penterjemah mestilah mahir dalam kedua-dua istilah teknikal bahasa sumber dan bahasa sasaran untuk mengekalkan ketepatan.
5. Menterjemah Humor dan *Wordplay*: Humor, puns dan kata-kata sering bergantung pada nuansa khusus bahasa yang mungkin tidak diterjemahkan secara langsung. Penterjemah menghadapi cabaran untuk memelihara humor dan niat teks asal sambil menjadikannya mudah diakses oleh penutur bahasa sasaran.
6. Mengekalkan Nada dan Gaya: Setiap bahasa mempunyai nada, gaya dan konvensyen budaya tersendiri. Penterjemah mesti menangkap

suara dan gaya pengarang sambil menyesuaikan dengan norma bahasa sasaran.

7. Kekangan Masa: Tarikh akhir yang ketat boleh memberi kesan kepada kualiti terjemahan, terutamanya untuk projek besar atau kompleks. Penterjemah mungkin perlu mengimbangi kelajuan dengan ketepatan, selalunya di bawah tekanan.
8. Subjektiviti dalam Pilihan Terjemahan: Penterjemah mesti membuat banyak keputusan subjektif semasa proses terjemahan, termasuk pilihan perkataan, rangkaian frasa dan nada. Keputusan ini boleh mempengaruhi kualiti dan keberkesanan keseluruhan terjemahan.
9. Kawalan Kualiti: Memastikan ketepatan terjemahan dan konsistensi memerlukan langkah-langkah kawalan kualiti yang menyeluruh. Penterjemah mungkin perlu menyemak kerja mereka beberapa kali dan bekerjasama dengan editor atau pembaca pruf untuk mengenal pasti dan membetulkan ralat.
10. Batasan Teknologi: Walaupun alat terjemahan dan perisian telah bertambah baik, ia bukan tanpa batasan. Penterjemah mesti berhati-hati apabila bergantung pada terjemahan automatik dan memastikan mereka menyemak dan memperhalusi teks yang dihasilkan mesin dengan teliti.

TEKNIK PENTERJEMAHAN

1. Terjemahan Penglihatan: Terjemahan penglihatan menggabungkan terjemahan dan tafsiran. Penterjemah membaca teks dengan kuat dalam bahasa sumber dan pada masa yang sama menterjemahkannya ke bahasa sasaran. Kaedah ini sering digunakan dalam tetapan profesional (contohnya, bilik mahkamah, persidangan) yang memerlukan pemikiran yang cepat, ketangkasan linguistik dan pemahaman tentang isyarat konteks).
2. Terjemahan Percuma: Juga dikenali sebagai terjemahan kreatif, terjemahan percuma mengutamakan menyampaikan mesej dengan tepat dan bukannya mematuhi sintaks dan gaya bahasa sumber. Pendekatan percuma berguna untuk menterjemahkan teks kreatif, pemasaran, atau sastera.

3. Terjemahan Idiomatik: Kaedah ini menggunakan ungkapan idiomatik dan kolokalisme khusus untuk bahasa sasaran. Walaupun segmen yang diterjemahkan mungkin kelihatan berbeza daripada sumber, mereka menyampaikan makna yang sama.
4. Terjemahan Setia: Terjemahan setia bertujuan untuk mencipta pemaparan yang tepat sambil mematuhi sintaks dan struktur tatabahasa asal. Kaedah ini sesuai digunakan untuk teks undang-undang, teknikal, atau saintifik di mana nuansa penting.
5. Terjemahan Semantik: Terjemahan semantik memberi perhatian yang teliti kepada bagaimana teks bahasa sasaran kelihatan, memastikan kesetiaan estetik (kebolehbacaan, nada dan nuansa gaya) berbanding teks bahasa sumber.
6. Teknik Terjemahan *Direct vs Oblique*: Teknik Langsung digunakan apabila unsur-unsur dalam bahasa sumber dan sasaran adalah serupa. Contohnya termasuk pinjaman, calques dan terjemahan literal.
7. Teknik Alkitab: Berfungsi apabila kesaksamaan dicabar secara langsung. Contohnya termasuk modulasi, pelarasan dan pampasan.

KESIMPULAN

Penterjemahan melibatkan lebih daripada sekadar terjemahan perkataan-untuk-perkataan. Terjemahan adalah interaksi dinamik antara bahasa, konteks dan identiti budaya. Ia memerlukan pemahaman yang mendalam tentang nuansa budaya dan komunikasi yang berkesan. Terjemahan sememangnya *postmodern*, iaitu melibatkan penguraian teks sumber dengan mengutamakan pemahaman berbanding kecerdasan semata-mata. Dengan mengkaji pelbagai strategi terjemahan dan keberkesanannya, akan memudahkan proses penterjemahan untuk menavigasi nuansa budaya di luar kesetaraan linguistik semata-mata.

RUJUKAN

- Baker, M. (2018). *In other words: A coursebook on translation*. Routledge.
- Catford, J. C. (1965). *A linguistic theory of translation*. Oxford University Press.
- Colina, S. (2015). *Fundamentals of translation*. Cambridge University Press.

- Even-Zohar, I. (1972). *An introduction to the theory of literary translation*. University Press.
- Grossman, E. (2011). *Why translation matters*. Yale University Press.
- Jakobson, R. (1969). *Language in literature*. Routledge.
- Jakobson, R. (1959). On linguistic aspects of translation. In R. A. Brower (Ed.), *On translation* (pp. 232–239). Harvard University Press.
- Newmark, P. (1988). *A textbook of translation*. Prentice Hall.
- Nida, E. A. & Taber, C. R. (1969). *The theory and practice of translation*. E. J. Brill.
- Vermeer, H. J. (1989). Skopos and commission in translational activity. In L. Venuti (Ed.), *The translation studies reader*. Routledge.
- Vinay, J. P., & Darbelnet, J. (1977). *Comparative stylistics of French and English: A methodology for translation*. Beauchemin.


Komunikasi Khalayak dan Pengucapan Awam

Azean Idruwani Idrus


PENGENALAN

Komunikasi khalayak dan pengucapan awam merupakan aspek penting dalam bidang komunikasi. Melalui komunikasi, penyampaian maklumat dapat dilakukan oleh penyampai kepada penerima maklumat. Hal ini demikian kerana, komunikasi merupakan proses membentuk dan berkongsi makna, perasaan dan idea sama ada dalam bentuk lisan atau bukan lisan. Proses komunikasi biasanya melibatkan individu dan interaksi dengan unsur-unsur konteks, mesej, saluran, bunyi bising (gangguan) dan maklum balas (Verdeber K. & Verdeber R., 2008).

Teknik komunikasi bertujuan untuk memperkukuhkan cara pengucapan seterusnya menjadi komunikator yang lebih baik. Melalui teknik komunikasi khalayak dan pengucapan awam, secara tidak langsung dapat menggalakkan perucap membuat refleksi, menganalisis dan merancang komunikasi secara aktif dalam menyampaikan sesuatu kandungan atau mesej. Komunikasi khalayak terdiri daripada komunikasi khalayak secara individu dan berkumpulan seperti dalam Rajah 6.1 dan 6.2 berikut:



Rajah 6.1 Komunikasi Khalayak Secara Individu



Rajah 6.2 Komunikasi Khalayak Secara Berkumpulan

KOMUNIKASI KHALAYAK SECARA INDIVIDU

1. Pengacaraan


Pengacaraan majlis merujuk kepada proses merancang, mengatur, dan mengendalikan sesuatu acara atau majlis dengan cara yang professional. Tugas mengawal, mengendalikan dan menyampaikan maklumat sesebuah majlis dilakukan oleh pengacara majlis. Pengacara majlis dilantik secara rasmi untuk dipertanggungjawabkan mengendalikan sesebuah majlis mengikut atur cara yang telah ditetapkan dan merujuk kepada skrip yang telah diluluskan serta berpandukan arahan pengurus majlis (Noorashikin Ahmad, Masfizaizan Manaf & Noorharinie Rahimin, 2019). Pengacara majlis

atau *MC (Master of Ceremony)* diibaratkan sebagai nadi sesebuah majlis kerana berperanan menghidupkan dan mengawal kelancaran sesuatu majlis. Antara ciri pengacara majlis adalah seperti berikut:

- **Profesionalisme**
Profesionalisme merupakan pemikiran atau sikap seseorang yang mencerminkan kecekapan, pengetahuan dan aspek profesional (Brock, 2011). Profesionalisme dalam bidang pengacaraan majlis amat penting kerana pengacara majlis yang profesional tidak hanya menguruskan acara dengan cekap, tetapi juga membudayakan konsep integriti. Seorang pengacara majlis yang profesional haruslah menunjukkan sikap yang sopan, mesra, bekerjasama dalam setiap interaksi serta mempunyai ketahanan emosi yang kuat. Hal ini demikian kerana pengacara akan berhadapan dengan pelbagai cabaran dan tekanan. Kemampuan untuk tetap tenang dan fokus adalah ciri utama seorang pengacara majlis yang berjaya.
- **Kreatif**
Seorang pengacara majlis yang kreatif mampu memberikan sentuhan unik dan inovatif kepada setiap acara pengacaraan yang dikendalikan. Pengacara majlis yang kreatif mampu menggabungkan elemen-elemen yang berbeza seperti tema, dekorasi, muzik, dan hiburan untuk mencipta pengalaman yang tidak dapat dilupakan oleh audiens. Selain itu, pengacara majlis haruslah mampu berfikir pantas dan mencari jalan penyelesaian yang kreatif bagi sebarang masalah yang mungkin timbul, seperti perubahan cuaca atau kejadian-kejadian lain yang tidak dijangka.
- **Serba Boleh (*Versatile*)**
Kebolehan untuk menjadi serba boleh atau versatile membolehkan pengacara majlis dapat menyesuaikan diri dengan pelbagai jenis acara seterusnya beradaptasi dengan perubahan yang mungkin berlaku semasa majlis berlangsung. Pengacara majlis haruslah mempunyai kemahiran menyesuaikan diri dengan situasi yang berubah, menyelesaikan masalah dengan cepat dan efektif bagi memastikan majlis berjalan lancar tanpa sebarang gangguan.

2. Moderator

Moderator ialah individu yang bertanggungjawab untuk menguruskan dan memandu arah sesuatu perbualan, perbincangan, atau majlis secara sistematik dan beretika. Misalnya seperti program bual bicara, debat, perbincangan, musyawarah dan sebagainya. Tugas utama seorang moderator ialah memastikan semua peserta mematuhi peraturan, menjaga tertib, memberi peluang kepada setiap peserta untuk berbicara, serta menyokong pembahasan yang produktif dan berkesan seperti dalam Rajah 6.3 di bawah:



Rajah 6.3 Peranan Moderator

Sebagai moderator, persediaan haruslah dilakukan sebelum, semasa dan selepas tamat sesebuah program yang dikendalikan. Antara yang perlu dilakukan sebelum tugas moderator dilaksanakan ialah mengetahui tajuk yang disediakan oleh pihak penganjur. Seterusnya mencari maklumat lanjut berkaitan tajuk tersebut bagi memastikan moderator memahami dengan baik tajuk tersebut. Moderator juga perlu menyusun struktur perbincangan atau agenda untuk memastikan semua aspek penting dibincangkan secara sistematik. Kemahiran mendengar yang baik juga amat penting bagi memastikan setiap peserta diberi peluang untuk menyumbang pendapat mereka. Moderator bertanggungjawab memperkenalkan ahli panel kepada audiens di samping memastikan ahli panel menepati peruntukan masa yang diberikan. Hal ini bagi memastikan perbincangan tidak ditamatkan secara tiba-tiba. Ketika sesi soal jawab, moderator haruslah peka kepada soalan yang diajukan oleh audiens bagi memudahkan ahli panel menjawab persoalan yang diajukan. Moderator berperanan untuk menutup majlis dengan ucapan terima kasih kepada pihak penganjur, ahli panel dan semua

yang hadir. Ini secara tidak langsung menandakan perbincangan akan tamat dan penyerahan majlis tersebut kepada pengerusi majlis.

3. Promosi

Promosi dapat diertikan sebagai suatu komunikasi yang berkesan yang diguna pakai oleh pihak pengeluar bagi tujuan membolehkan produk atau perkhidmatan mereka diketahui oleh pengguna (Pg Mohd Faezul Fikri Ag Omara, 2022). Promosi turut merangkumi tatacara seperti memberikan maklumat kepada pengguna, meyakinkan dan memberikan tunjuk ajar kepada mereka (Lovelock et al., 2011). Melalui promosi, tingkah laku pengguna seperti membuat pembelian, mencuba produk, atau menyertai program tertentu dapat dipengaruhi. Kaedah pengiklanan, promosi jualan dan publisiti penting untuk memperkenalkan produk atau perkhidmatan kepada khalayak sasaran dengan cara yang berkesan.

- Pengiklanan
Pengiklanan melibatkan penggunaan media seperti surat khabar, majalah, radio, televisyen, laman web, media sosial dan papan tanda untuk menyebarkan mesej promosi kepada khalayak. Imej, bunyi dan teks digunakan untuk menarik perhatian dan mempengaruhi pembelian.
- Promosi Jualan
Merangkumi pelbagai strategi untuk meningkatkan jualan sementara seperti memberi tawaran khas, diskaun, kupon, hadiah percuma, atau peraduan untuk menarik pelanggan dan mendorong pembelian dilakukan. Promosi jualan biasanya berlangsung untuk tempoh yang terhad dan mempunyai tindak balas yang cepat.
- Publisiti
Publisiti merupakan liputan media bagi mempromosikan produk atau perkhidmatan melalui penulisan siaran akhbar, siaran media, wawancara media, atau penyertaan dalam acara-acara awam. Publisiti turut membantu meningkatkan kesedaran dan reputasi produk atau perkhidmatan tanpa kos pengiklanan yang besar.


4. Pidato

Pidato merujuk kepada ucapan lisan formal yang disampaikan di hadapan audiens untuk menyatakan pendapat atau memberikan gambaran tentang sesuatu perkara. Penggunaan bahasa yang berstruktur digunakan dalam menyampaikan idea, pandangan, atau mesej kepada audien. Pidato disampaikan oleh individu yang mempunyai pengetahuan atau kepakaran tertentu dalam sesuatu bidang, seperti ahli politik, pemimpin agama, atau orang awam yang mempunyai pengaruh dalam masyarakat. Objektif pidato boleh merangkumi menyokong atau menentang sesuatu isu, memberi inspirasi, memberi arahan, atau merayu kepada perasaan audiens. Format pidato terdiri daripada mukadimah, isi dan penutup. Mukadimah digunakan untuk membuat pembukaan pidato yang akan dilakukan menjadi lebih berkesan dan memiliki susunan yang jelas. Selain itu, mukadimah juga berfungsi sebagai penarik perhatian pendengarnya. Bahagian isi mengandungi idea utama dan idea sampingan dan akan disusun dengan baik dan disokong dengan data atau sumber yang boleh dipercayai bagi mengukuhkan hujahan pidato. Manakala, penutup merupakan bahagian terakhir pidato dan pemidato perlu membuat kesimpulan dan rumusan tajuk yang dibincangkan.

KOMUNIKASI KHALAYAK SECARA BERKUMPULAN

1. Drama


Drama berasal dari bahasa Greek, iaitu daripada kata *dran* yang bermaksud berbuat atau *to act* atau *to do* (Morris, 1964: 476). Drama merupakan satu bentuk seni yang melibatkan pementasan atau interpretasi kisah melalui dialog, aksi dan penggunaan elemen pentas seperti set, pencahayaan dan muzik. Penglibatan pelakon yang memainkan watak-watak yang berbeza dalam cerita yang disusun secara struktur akan dipentaskan secara langsung di atas pentas atau direkodkan untuk ditonton melalui media seperti televisyen atau filem. Objektif utama sebuah drama adalah untuk menghibur, menyampaikan mesej, merangsang perasaan dan pemikiran, serta memberi pengalaman kepada penonton. Di samping itu, drama turut menggabungkan elemen-elemen seperti konflik, plot, karakteristik dan tema untuk membentuk cerita yang menarik dan bermakna seperti dalam Rajah 6.4 di bawah:



Rajah 6.4 Unsur Drama

2. Forum

Forum merupakan platform perbincangan tentang sesuatu isu atau topik di mana individu boleh menyuarakan pendapat mereka, mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam tentang isu-isu semasa dan berinteraksi dengan orang lain yang berkongsi minat yang sama. Forum berlaku dalam pelbagai bentuk, termasuk forum dalam talian, forum awam atau majlis perbincangan formal. Objektif utama forum adalah untuk membolehkan pertukaran idea, maklumat dan pendapat antara ahli komuniti yang berbeza. Forum terdiri daripada forum panel, forum perbincangan, forum temu ramah dan forum kuliah seperti dalam Rajah 6.5 di bawah:



Rajah 6.5 Jenis Forum

3. Sketsa

Sketsa ialah istilah yang digunakan untuk sebuah pertunjukan atau cerita pendek. Secara amnya, sketsa boleh membawa genre komedi/lucu yang menghiburkan penonton. Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) mendefinisikan sketsa sebagai sebuah karangan atau lakonan pendek yang menggelikan hati. Sketsa dibina berdasarkan tiga fasa, iaitu pengembangan idea, penulisan skrip dan rakaman sketsa. Pada peringkat pengembangan idea, penulis akan berfikir tentang konsep, tema dan mesej yang ingin disampaikan melalui sketsa tersebut. Idea-idea mungkin dicetuskan melalui sesi sumbang saran (*brainstorm*), perbincangan kreatif, atau pengamatan terhadap kehidupan sehari-hari. Selepas idea-idea utama telah ditetapkan, fasa penulisan skrip dilakukan. Skrip merupakan teks dialog yang akan digunakan oleh pelakon dalam sesebuah sketsa. Skrip ditulis dengan jelas bagi memastikan komedi dan situasi humor yang ingin disampaikan dengan baik. Rakaman sketsa merupakan fasa yang terakhir yang mana pengarah akan memimpin proses rakaman, memberikan arahan kepada pelakon mengenai pergerakan, intonasi suara dan ekspresi wajah. Selepas rakaman selesai, sketsa diedit, memasukkan muzik, efek bunyi atau animasi bergantung kepada jenis sketsa yang dihasilkan.

4. Debat

Debat merujuk kepada proses di mana dua atau lebih pihak membincangkan isu-isu yang bertentangan atau berbeza pendapat secara terbuka dan berstruktur. Setiap pihak yang terlibat dalam debat, biasanya dikenali sebagai pasukan atau pihak, mempunyai pendirian atau hujah yang berbeza tentang topik yang dibincangkan. Debat sering dilihat sebagai cara yang berkesan untuk meneroka idea-idea, memperjelaskan perbezaan pendapat dan mencapai penyelesaian dalam konteks yang teratur dan beradab. Melalui debat, pendebat akan meyakinkan atau mempengaruhi audiens atau juri mengenai kebenaran atau keunggulan hujah-hujah yang dikemukakan oleh setiap pasukan. Pendebat akan menggunakan fakta, logik, retorik dan strategi komunikasi untuk memperkuat hujah mereka dan mengatasi hujah lawan. Langkah-langkah dalam sebuah perdebatan adalah seperti berikut:

- **Pembaharuan Isu**
Setiap pihak akan diberi peluang untuk membuat kenyataan pembukaan tentang isu yang diperdebatkan. Kenyataan pembukaan ini biasanya merangkumi penerangan tentang pandangan pihak masing-masing terhadap isu tersebut.
- **Pertanyaan dan Jawapan**
Selepas pembaharuan isu, pihak yang berdebat boleh bertanya soalan kepada pihak lawan untuk mendapatkan kejelasan atau mencabar pandangan mereka. Ini adalah peluang untuk memahami secara lebih mendalam pandangan dan hujah pihak lawan.
- **Pengenalan Hujah**
Setiap pihak akan mengemukakan hujah utama mereka tentang isu tersebut. Hujah-hujah ini biasanya disokong dengan bukti atau logik yang relevan untuk menyokong pendapat masing-masing.
- **Hujahan Bantahan**
Selepas hujah utama diperkenalkan, setiap pihak akan memberikan hujahan bantahan terhadap hujah-hujah lawan. Bantahan hujah ini bertujuan untuk menunjukkan kelemahan dalam hujah lawan dan memperkuat kredibiliti setiap pihak.

- **Penutup**
Setiap pihak akan membuat kenyataan penutup yang merangkumi ringkasan pandangan mereka dan menguatkan hujah-hujah utama yang telah dibuat. Penutup juga merupakan peluang terakhir untuk meyakinkan audiens mengenai pandangan mereka.
- **Penilaian**
Sekiranya perdebatan diadakan secara formal dan dalam konteks pertandingan, juri akan berperanan untuk menilai prestasi setiap pihak. Penilaian biasanya berdasarkan kepada kejelasan hujah, kebolehan memberi respon terhadap soalan atau kritikan, penggunaan bukti dan logik, serta kemahiran berkomunikasi secara keseluruhan. Dengan mengikuti langkah-langkah ini, perdebatan dapat dilakukan secara teratur dan efisien, dan memberikan platform yang adil untuk pihak yang berdebat untuk menyampaikan pandangan mereka.

KESIMPULAN

Kemahiran berkomunikasi merupakan kemahiran yang sangat penting dalam kehidupan manusia kerana membolehkan individu untuk berinteraksi, berkongsi maklumat dan membina hubungan yang baik dengan orang lain. Komunikasi yang efektif bukan sahaja melibatkan kemahiran berbicara tetapi juga kemahiran mendengar, memahami dan merespon dengan tepat tanpa mengira bidang. Kemahiran ini seharusnya dikuasai bagi membina ikatan yang kuat dalam hubungan peribadi, profesional dan sosial. Komunikasi yang efektif ini bukan sahaja membantu dalam memastikan kesefahaman yang baik di antara individu atau dalam kumpulan tetapi juga mampu menyampaikan mesej dengan jelas seterusnya mengurangkan risiko salah faham dan konflik.

RUJUKAN

- Brock, G. (2011). How does equality matter? *Journal of Social Philosophy*, 42(1), 176–187. <https://doi.org/10.1111/j.1467-9833.2010.01520.x>
- Lovelock, C., Wirtz, J., & Chew, P. (2011). *Essentials of services marketing* (Edisi Kedua). Prentice Hall.
- Morris, W. (1964). *The origins of drama*. Academic Press.

- Noorashikin Ahmad, Masfizaizan Manaf & Noorharinie Rahimin. (2019). Kajian kes: Keperluan kelab pengacaraan majlis kepada pelajar Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin. *Journal on Technical and Vocational Education (JTVE)*, 4(3), 29–35. <http://upikpolimas.edu.my/ojs/>
- Pg Mohd Faezul Fikri Ag Omara, Suddin Ladab, Mohd. Hidayat Hasbollah Hajiminc, Haneffa Muchlis Gazalid & Nawir Tan Hassan Tane. (2022). Analisis elemen promosi dalam 7P campuran pemasaran menurut perspektif Islam. *Labuan E-Journal of Muamalat and Society*, 16, 35.
- Verderber, R., & Verderber, K. (2008). *Communicate* (12th ed.). Thomson Higher Education.

Perhubungan Antarabangsa

Mohamad Suhaizi Suhaimi

PENGENALAN

Perhubungan antarabangsa merupakan sebuah ilmu sains politik yang menekuni interaksi antara aktor-aktor yang berada dalam sebuah negara terhadap aktor bagi negara yang lain. Interaksi ini lazimnya melibatkan kepentingan politik, ekonomi dan juga sosial yang mampu membentuk sebuah aturan yang digelar sistem antarabangsa. Menurut Makmor Tumin (2023), hubungan antarabangsa merupakan bidang yang meneroka hubungan antara negara bangsa dan aktor yang lain dalam sistem antarabangsa seperti organisasi kerajaan, bukan kerajaan dan juga individu. Justeru, sistem antarabangsa terdiri daripada aktor dari unit yang terkecil iaitu individu sehinggalah kepada unit yang lebih besar seperti masyarakat, negara dan aktor bukan negara. Sistem antarabangsa yang wujud pada hari ini adalah bersifat anarki, iaitu ketiadaan sebuah autoriti pusat yang lebih berkuasa dan mampu mengawal tindakan negara-negara berdaulat.

SEJARAH HUBUNGAN ANTARABANGSA

Menelusuri tempoh seabad yang lalu, sistem antarabangsa dilihat telah mengalami kedinamikan yang begitu agresif. Antara peperangan utama yang telah mewarnai hubungan antarabangsa adalah Perang Dunia Pertama (1914-1918), Perang Dunia Kedua (1939-1945) dan diikuti oleh Perang Dingin (1947-1991) yang berakhir dengan keruntuhan Tembok Berlin pada 1989 dan diikuti kejatuhan Kesatuan Soviet pada 1991.


Perang Dunia Pertama menyaksikan pertembungan antara Kuasa Bersekutu dan Kuasa Tengah. Selain itu, Perang Dunia Kedua pula memperlihatkan peperangan antara Kuasa Bersekutu dan Kuasa Paksi manakala Perang Dingin pula melibatkan Amerika Syarikat dan Soviet Union.

Selepas tempoh tersebut, suasana dunia dilihat berada dalam tempoh 'berehat dan bertenang' sehinggalah *War on Terror* diisytiharkan semasa pentadbiran George W. Bush Junior di Amerika Syarikat (AS) selepas peristiwa 11 September 2001. Menariknya, perang menentang keganasan tidak lagi memperlihatkan pertembungan antara dua negara malah merupakan perang negara menentang aktor bukan negara iaitu organisasi pengganas yang bergerak secara global. Pada tahun 2009, dunia khususnya Amerika Syarikat sekali lagi dikejutkan dengan kebangkitan sebuah kuasa besar iaitu China apabila ekonomi negara berkenaan meningkat secara mendadak walaupun dunia sedang mengalami kemelesetan ekonomi.

Rentetan daripada perang-perang yang tercetus tersebut, dunia menyaksikan bahawa terdapat enam kesan terhadap peristiwa tersebut iaitu:

1. Penstrukturan peta dunia.
2. Pembentukan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).
3. Penetapan perundangan antarabangsa.
4. Kepentingan nasional.
5. Pembentukan identiti negara.
6. Pewacanaan struktur sistem antarabangsa.

Bagi kesan yang keenam tersebut, terdapat empat teori yang terlahir dan sering dibicarakan dalam dunia hubungan antarabangsa. Berikut merupakan empat pecahan teori tersebut:



Realisme

Realisme berasal dari perkataan *real* yang bermaksud benar atau merujuk kepada suatu keadaan sebenar yang berlaku (Mohd Irwan et al., 2016). Aliran Realisme cenderung melihat sesuatu persoalan itu sebagai *what is* atau 'apa yang berlaku' dan bukannya *what ought to be* atau 'apa yang sepatutnya berlaku' (Russli Kamaruddin, 2008). Justeru, cara berfikir para realis adalah berdasarkan realiti sebenar yang berlaku dalam sesebuah keadaan. Hal ini turut dinyatakan oleh Rourke (1997) sebagai pendekatan pragmatik atau disebut juga sebagai realpolitik.

Pasca Perang Dunia Kedua, trend politik antarabangsa dilihat berasaskan pemikiran rasional dan memberi fokus kepada kepentingan nasional. Kepentingan nasional pula dikaitkan secara langsung dengan kuasa (Rashila Ramli, 2008). Dalam karya Morgenthau (2005), *Politics Among Nations* menyatakan politik antarabangsa adalah suatu konflik di antara negara yang ingin mendapatkan kuasa serta mempunyai matlamat akhir bagi setiap negara. Namun begitu, setiap pemerintah atau negara bertindak mengikut kepentingan nasional yang berbeza-beza. Terdapat tiga pilihan kepentingan nasional yang perlu ditentukan oleh setiap negara iaitu sama ada mahu mengekalkan kuasa, meningkatkan kuasa atau mempamerkan kuasa. Untuk itu, para realis sentiasa mengambil sikap berhati-hati terhadap prinsip moral yang universal kerana tindakan

sesebuah negara adalah didasari kepentingan nasional yang berbeza-beza antara satu negara dengan yang lain.

Liberalisme

Liberalisme atau nama lainnya Idealisme menekankan falsafah pemikiran terhadap manusia sebagai insan yang baik dan positif. Tambahan pula, Islam tidak menyifatkan kelakuan manusia sebagai keseluruhannya baik dan sempurna malah tingkah laku manusia lazimnya dipengaruhi oleh dua komponen utama iaitu hati yang mengawal akal dan nafsu yang menjurus kepada kejahatan. Selain itu, perspektif Islam juga menekankan kepentingan iman seseorang dalam mengekalkan perbuatan atau kelakuan yang baik.

Teori Liberalisme dan perspektif Islam berkongsi ideologi utama yang mementingkan elemen perbincangan dalam kalangan ahli untuk memilih pemimpin namun pastinya corak demokrasi yang diamalkan oleh pemimpin Islam berbeza dengan pemimpin berideologikan Liberal. Sebagai contoh, pemimpin Islam cenderung memastikan pemilihan jawatan bersih dari rasuah dan unsur-unsur penipuan.

Neo-Marxisme

Mendominasi dan mengeksploitasi ekonomi negara membangun dan miskin merupakan kecenderungan bagi teori Neo-Marxisme. Teori ini melihat dunia sebagai ruang untuk memanipulasi negara kaya terhadap negara-negara miskin dalam aspek pembahagian kek ekonomi dunia. Sistem Kapitalisme merupakan punca kepada pengagihan sumber dan tahap pembangunan ekonomi yang tidak seimbang. Negara-negara miskin sering berperanan sebagai pembekal bahan mentah kepada kelestarian perkembangan industri di negara-negara maju. Teori ini tidaklah secara khusus menyediakan jalan keluar untuk negara-negara miskin bebas daripada belunggu rangkaian Kapitalisme ini. Namun, situasi ini telah mendesak negara-negara sedang membangun dan miskin untuk mempraktikkan beberapa dasar ekonomi yang bertentangan dengan polisi ekonomi dan pasaran liberal. Langkah ini diambil untuk melindungi sistem ekonomi mereka daripada terus menjadi mangsa kerakusan ekonomi global. Namun begitu, dunia masa kini semakin berubah sifatnya.

Dengan gelombang globalisasi yang melanda, negara-negara maju telah memperluas operasi aktiviti ekonomi mereka ke seberang laut. Implikasi daripada ini, sungguhpun berlaku penjimatan dari segi kos perburuhan, namun tidak menambah ke arah penyediaan peluang-peluang pekerjaan baharu kepada rakyat mereka sendiri. Sebaliknya, negara-negara sedang membangun dan miskin telah mendapat faedah khasnya dari aspek peluang pekerjaan. Namun begitu, tahap perkembangan ekonomi sehingga ke hari ini masih tidak mampu untuk merapatkan jurang perbezaan antara negara maju dan negara miskin.

Konstruktivisme

Teori ini berpandangan bahawa pentas hubungan politik antarabangsa adalah bersifat konstruktif sosial iaitu berasaskan kepada tiga prinsip utama. Pertama, mempercayai bahawa dunia antarabangsa tidak bersifat statik dan sudah ditetapkan namun sentiasa berlaku dan menerima perubahan. Seterusnya, penekanan kepada nilai-nilai norma, peraturan dan bahasa serta menolak sebarang penganalisan berdasarkan aspek materialisme semata-mata serta yang terakhir teori ini mengetengahkan penolakan tentang keterikatan sepenuhnya setiap aktor negara dan bukan negara dalam pentas antarabangsa disebabkan oleh pengaruh struktur. Dalam erti kata yang lain, teori ini masih mengakui kewujudan situasi anarki dalam sistem politik antarabangsa.

UNDANG-UNDANG ANTARABANGSA

Globalisasi telah memungkinkan perhubungan antara individu, masyarakat dan negara berlangsung dengan begitu pantas, terbuka dan saling berintegrasi. Pasca Perang Dunia Kedua, pentas dunia juga menyaksikan kemunculan pelbagai syarikat multinasional serta pertubuhan sivil yang turut memainkan peranan signifikan dalam mencorak dinamisme perhubungan antarabangsa. Situasi ini kemudiannya membangkitkan keperluan untuk mewujudkan pelbagai bentuk aturan bagi membolehkan sistem masyarakat global terus berfungsi dengan baik dan terkawal. Bagi memenuhi tujuan berkenaan, undang-undang antarabangsa diwujudkan dan terus memainkan peranan yang dominan sehingga hari ini. Kini, undang-undang antarabangsa tidak lagi hanya memfokuskan isu-isu konvensional seperti peperangan, pembunuhan

beramai-ramai (*genocide*), perdamaian atau hak asasi manusia semata-mata. Bahkan, undang-undang antarabangsa turut diwujudkan bagi menyelesaikan isu yang berkaitan dengan perdagangan, perlindungan alam sekitar, penghantaran barangan merentas negara serta perlindungan terhadap pelarian.

Topik mengenai undang-undang antarabangsa cukup relevan dan sangat berkait rapat dalam kehidupan seharian manusia pada abad ke-21. Dengan hanya menggunakan telefon pintar, seseorang individu kini boleh melakukan transaksi pembelian *gadget* idamannya dari penjual yang berada di Hong Kong. Begitu juga halnya apabila sebuah keluarga yang sedang merangka percutian tahunan ke Perth, Australia yang tentu sekali penerbangannya bakal melibatkan penggunaan laluan udara negara lain seperti Indonesia. Hal yang sama juga berlaku apabila seseorang sedang menonton siri drama atau mendengar lagu kumpulan penyanyi terkenal dari negara Korea Selatan. Kesemua aktiviti yang dilakukan ini secara sedar mahupun sebaliknya, telah dan akan melibatkan individu atau kumpulan berkenaan dengan pemakaian undang-undang antarabangsa. Begitulah undang-undang antarabangsa telah memainkan peranan dalam kehidupan seharian manusia pada era yang digelar “dunia tanpa sempadan”.

Terdapat dua jenis undang-undang antarabangsa iaitu; awam (melibatkan dua buah negara atau lebih) serta khusus (melibatkan individu atau syarikat dari dua negara berbeza). Jenis yang menjadi tumpuan dalam penulisan ini adalah undang-undang antarabangsa awam. Undang-undang antarabangsa jenis ini boleh ditakrifkan sebagai suatu set peraturan yang diwujudkan untuk mengawal, mengatur serta mengikat hubungan di antara dua buah negara atau lebih (Pearson & Rochester, 1998). Walaupun begitu, pemakaian undang-undang antarabangsa yang telah diperakui dan dikuatkuasakan oleh sesebuah negara akan melibatkan keseluruhan unit dalam negara berkenaan termasuklah terhadap individu, kumpulan minoriti atau syarikat perniagaan. Proses pembentukan undang-undang antarabangsa kebiasaannya tidak hanya melibatkan dua buah kerajaan semata-mata, tetapi juga melibatkan penyertaan dari pertubuhan antarabangsa yang bersifat kerajaan mahupun yang bersifat sivil.

Sejak berabad lamanya, negara merupakan satu-satunya subjek atau personaliti utama bagi undang-undang antarabangsa kerana entiti ini dianggap sebagai berdaulat. Namun begitu, perbahasan mengenai subjek undang-undang antarabangsa berkembang ke suatu tahap yang

lebih kompleks pasca Perang Dunia Kedua terutama selepas kewujudan pelbagai pertubuhan antarabangsa serta gergasi perniagaan yang beroperasi secara transnasional dan *intergovernmental* (PBB, EU, IMF, WTO, Greenpeace, WWF, Amnesty International, Shell, Apple dan Microsoft). Maka, kesemua entiti yang disebutkan ini dan termasuklah individu kini juga diiktiraf sebagai subjek undang-undang antarabangsa (Coulombis & Wolfe, 1990). Hal ini bermaksud, kesemua mereka ini adalah berhak secara perundangan untuk menikmati segala hak yang diperuntukkan dalam undang-undang antarabangsa, menyertai perjanjian-perjanjian yang sah di peringkat antarabangsa, membuat sebarang tuntutan sekiranya berlaku pelanggaran undang-undang serta menikmati keistimewaan dan imuniti tertentu. Namun, segala hak dan keistimewaan yang diperoleh oleh subjek selain negara adalah bersifat terhad dan bergantung kepada situasi tertentu.

Persoalan berikutnya yang timbul adalah dari mana undang-undang antarabangsa datang? Memandangkan sistem antarabangsa adalah bersifat anarki dan tidak ada suatu autoriti yang dapat mengatasi autoriti dan kedaulatan sesebuah negara yang lain, maka undang-undang antarabangsa lazimnya adalah bersifat *consensual* atau persetujuan secara bersama (Klabbers, 2013). Maka, sumber undang-undang antarabangsa digunakan bagi menyelesaikan dua perkara iaitu; asal-usul undang-undang antarabangsa serta undang-undang yang perlu digunakan bagi menyelesaikan pertelingkahan atau tuntutan personaliti perundangan antarabangsa. Artikel 38(1) Statut Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) menyebutkan terdapat empat sumber iaitu; (i) konvensyen antarabangsa yang diperakui oleh negara yang bertelingkah, (ii) adat antarabangsa yang menjadi kebiasaan umum dan diterima sebagai undang-undang, (iii) prinsip-prinsip umum yang diiktiraf bangsa bertamadun serta (iv) keputusan kehakiman dan penulisan pakar yang berkelayakan tinggi dari pelbagai bangsa sebagai subsidiari bagi menentukan peraturan perundangan.

TRITI SEBAGAI UNDANG-UNDANG ANTARABANGSA

Jika setiap negara mempunyai Parlimen yang berfungsi sebagai badan penggubal undang-undang, sistem antarabangsa malangnya tidak mempunyai organisasi khusus yang berfungsi sebagai badan legislatif. Setiap negara yang berdaulat adalah berkedudukan setaraf

dalam sistem antarabangsa dan tidak ada negara atau autoriti lain yang lebih berkuasa mengatasi sesebuah negara yang berdaulat. Maka, triti (*treaty*) diwujudkan sebagai suatu prinsip obligasi yang mengikat dua negara (atau lebih) secara undang-undang (Griffiths, O’Callaghan & Roach, 2008). Triti juga dikenali dengan nama lain seperti konvensyen, perjanjian atau protokol. Menurut Artikel 2(1A) Konvensyen Vienna 1969, triti ditakrifkan sebagai “...an international agreement concluded between States in written form and governed by international law, whether embodied in a single instrument or in two or more related instruments and whatever its particular designation...” (PBB, 2005).

Triti merupakan elemen yang sangat penting dalam undang-undang antarabangsa dan telah terbukti berjaya menyatukan pelbagai negara dan membentuk apa yang digelar sebagai sistem perhubungan antarabangsa. Kewujudan pelbagai perkara yang memerlukan lebih banyak kerjasama dilakukan di peringkat antarabangsa pada hari ini menjadikan triti berkembang dengan lebih pantas lagi. Ia menjadi sumber utama kepada undang-undang antarabangsa yang perlu dirujuk untuk menyelesaikan pertelingkahan di antara dua pihak di peringkat antarabangsa. Terdapat dua jenis triti iaitu; bilateral dan multilateral. Perjanjian bilateral adalah triti yang dimeterai oleh dua buah negara manakala multilateral melibatkan lebih dari dua buah negara. Proses pemeteraian triti tidak rigid. Kebiasaannya, triti dimulakan dengan proses rundingan, persetujuan bersama, ratifikasi dan yang terakhir adalah penguatkuasaan pihak yang terlibat.

KUASA DAN BIDANG KUASA

Negara sebagai sebuah entiti yang berdaulat (*sovereign*) tentu sekali bebas melaksanakan bidang kuasa (*jurisdiction*) yang mereka miliki lebih-lebih lagi dalam wilayahnya sendiri. Negara secara asasnya bebas untuk melaksanakan undang-undang, memenjarakan penjenayah atau mendakwa sesiapa sahaja yang menurut mereka telah melanggar undang-undang. Bidang kuasa yang dimiliki oleh negara ini turut diperakukan dalam undang-undang antarabangsa di mana ia merupakan hak yang eksklusif dan tidak terbatas yang dimiliki oleh sesebuah negara. Kendatipun begitu, bidang kuasa sesebuah negara juga lazimnya mempunyai keterbatasan yang tersendiri lebih-lebih lagi apabila berlaku situasi pertindihan bidang kuasa di antara dua negara yang berbeza.

Hal ini menjadikan wujudnya konsep seperti kekebalan negara (*state immunity*) dan hak keistimewaan diplomatik dalam undang-undang antarabangsa.

Terdapat lima prinsip asas bidang kuasa yang dinikmati oleh negara dalam undang-undang antarabangsa iaitu prinsip; (i) kewilayahan (*territoriality*), (ii) kewarganegaraan (*nationality*), (iii) perlindungan (*protection*), (iv) personaliti pasif (*passive personality*) dan (v) universal (*universality*) (Klabbers, 2013). Kelima-lima prinsip ini tidak dinyatakan secara terperinci atau bertulis dalam mana-mana perjanjian multilateral, namun diiktiraf dan dipraktikkan oleh negara-negara berdaulat di seluruh dunia. Prinsip kewilayahan menyatakan sesebuah negara berhak untuk melaksanakan bidang kuasa negaranya walaupun kes yang berlaku adalah di luar wilayahnya. Dalam kes Lotus 1926 sebagai contoh, negara Turki telah diberikan hak oleh Mahkamah Dunia untuk melaksanakan bidang kuasa ke atas negara Perancis berikutan negara berkenaan adalah yang paling terkesan dengan kes pelanggaran kapal di Laut Mediterranean yang mengakibatkan sejumlah kematian anak kapal Turki.

Manakala prinsip kewarganegaraan pula merupakan kuasa yang membolehkan sesebuah negara melaksanakan bidang kuasa ke atas warganegara mereka walaupun tertuduh atau pesalah tersebut berada di luar negara. Sebagai contoh, warganegara Amerika Syarikat (AS) adalah tertakluk untuk membayar cukai walaupun mereka tinggal di negara lain. Prinsip perlindungan pula bertujuan melindungi kepentingan sesebuah negara walaupun aktiviti yang dilakukan tersebut adalah berada di luar negara. AS adalah antara negara yang kerap menuntut prinsip ini. Contohnya menerusi kes pembunuhan Osama bin Laden di mana tentera AS bertindak menyerang tempat persembunyian ketua kumpulan pengganas Al-Qaeda berkenaan yang terletak di wilayah negara Pakistan. Tindakan ini dilakukan dengan alasan untuk melindungi kepentingan nasional AS. Contoh yang sama juga boleh digunakan dalam kes tuntutan personaliti pasif di mana sesebuah negara mempunyai bidang kuasa untuk mendakwa individu lain yang dianggap sebagai memudaratkan warganegara mereka. Sementara prinsip terakhir iaitu universal pula terkait dengan konsep jenayah antarabangsa yang mana wujud kepentingan sejagat untuk membendung jenayah berkenaan di peringkat antarabangsa. Antara kes yang tergolong dalam bidang kuasa ini adalah yang melibatkan pembunuhan beramai-ramai (*genocide*), peperangan, penyeksaan dan aktiviti lanun.

KEKEBALAN NEGARA, KETUA NEGARA & DIPLOMAT

Konsep imuniti atau kekebalan adalah hak keistimewaan yang diperoleh oleh negara (menerusi kerajaan) serta wakilnya. Menerusi kekebalan yang dimiliki, sesebuah negara adalah berstatus dilindungi dan tidak boleh didakwa di atas segala perlakuannya ketika berada di negara lain. Adalah janggal sekiranya terjadi situasi di mana sesebuah negara didakwa di mahkamah milik negara lain. Justeru, pertikaian di antara dua buah kerajaan atau negara harus diselesaikan dengan menggunakan trajektori diplomasi atau institusi keadilan di peringkat antarabangsa. Ketua negara juga memperoleh kekebalan dalam undang-undang antarabangsa. Hak imuniti yang diperoleh menyebabkan mereka kebal dari sebarang tindakan undang-undang lebih-lebih lagi ketika mereka masih memegang jawatan tersebut. Segala keputusan dan tindakan mereka ketika memegang jawatan sebagai ketua negara adalah terlindung dan tetap kebal walaupun selepas mereka tidak lagi memegang jawatan berkenaan. Selain negara, ketua negara dan wakilnya, institusi antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) juga kini menikmati hak yang sama dan dilindungi di bawah undang-undang antarabangsa.

Walaupun begitu, kekebalan negara hanya terpakai ke atas tindakan yang bersifat hal ehwal rasmi kerajaan sahaja, sementara tindakan yang bersifat komersial adalah tidak tertakluk di bawah hak keistimewaan ini. Dalam sesetengah kes, timbul juga konflik yang melibatkan tindakan sesebuah negara atau wakilnya yang melanggar hak asasi manusia atau melakukan tindakan yang boleh dikategorikan sebagai keganasan. Perbuatan sebegini tidak termasuk dalam tindakan yang bersifat *governmental* mahupun komersial, sebaliknya adalah tindakan yang bersifat peribadi dan sangat subjektif untuk dikategorikan. Begitu juga halnya dengan bekas diktator yang memerintah sesebuah negara secara kuku besi dan melanggar hak asasi manusia. Secara perundangan, mereka adalah masih tertakluk dengan hak kekebalan dan bebas dari sebarang dakwaan dari negara lain.

Seperti mana negara dan ketua negara, diplomat sesebuah negara juga adalah kebal dari sebarang tindakan undang-undang. Diplomat atau lazimnya disebut sebagai duta atau atase merupakan wakil rasmi negara di sesebuah negara yang lain. Penghormatan dan hak keistimewaan yang diberikan adalah sama seperti negara dan ketua negara. Keseluruhan pasukan diplomat negara adalah dilindungi di bawah hak imuniti ini menurut Konvensyen Vienna 1961 mengenai hubungan diplomatik.

Menurut konvensyen ini, terdapat empat jenis kategori individu yang dilindungi iaitu; (i) diplomat, (ii) staf teknikal dan pentadbiran, (iii) staf perkhidmatan dan (iv) staf peribadi. Kesemua mereka menikmati hak keistimewaan dan kekebalan tertentu dengan diplomat menerima keistimewaan tertinggi.

Kedutaan sesebuah negara juga adalah merupakan kawasan yang dilindungi oleh undang-undang antarabangsa. Pihak berkuasa tempatan sesebuah negara tidak dibenarkan sama sekali memasuki, menceroboh, mencabuli atau mengeledah keseluruhan “misi diplomat” termasuklah aset, harta benda, dokumen, bangunan kedutaan dan kediaman peribadi diplomat. Pasukan diplomat harus diberikan kebebasan penuh untuk berurusan dan mengadakan komunikasi berkenaan semua hal ehwal rasmi kerajaan. Mereka tidak boleh ditahan atau didakwa serta tidak dikenakan sebarang cukai negara yang mereka tinggal. Kesemua pasukan diplomat hanya tertakluk kepada undang-undang di negara asal mereka dan bukannya negara misi mereka.

DASAR NEGARA TERHADAP BAHASA MELAYU

Pelbagai dasar telah dirangka oleh sesebuah negara terhadap negara lain sekiranya terdapat jalinan hubungan yang ingin dijalankan secara bersama. Dasar-dasar yang dirangka dan dilaksanakan oleh sebuah negara akan menjadi pegangan dalam sebarang keputusan yang bakal dimuktamadkan.

Bermula sekitar tahun 682 Masihi, bahasa Melayu Kuno telah dijadikan bahasa utama dalam kerajaan Srivijaya oleh masyarakat setempat. Kerajaan Srivijaya memiliki jajahan takluk yang luas di Nusantara dengan daerah kekuasaan yang meliputi Kemboja, Thailand, Semenanjung Malaya, Sumatera, Jawa dan Kalimantan. Srivijaya juga merupakan salah satu kerajaan maritim yang kuat dan berpusat di Palembang, Sumatera. Hal tersebut dapat dibuktikan apabila kerajaan Srivijaya-Palembang telah menakluki Kataha (Kedah Tua) pada tahun 671 Masihi dan Moloyu (Jambi) serta Jaiya pada tahun 775 Masihi. Justeru, sehingga akhir abad ke-8, Srivijaya mempunyai kuasa penuh ke atas jalan perdagangan antarabangsa pada zaman itu di Selat Melaka.

Dapat dilihat juga bahawa inskripsi Kota Kapur (686 Masihi), Karang Berahi (abad ke-7 Masihi) dan Telaga Batu (abad ke-7 Masihi) mengandungi kesan dan akibat daripada konsep atau dasar kesetiaan kepada pemerintah. Bagi semua golongan yang diperintah tanpa mengira

kelas, sekiranya mereka menderhaka, maka mereka akan menerima balasan yang buruk manakala bagi mereka yang setia, balasannya adalah *tantra-mala* iaitu kesejahteraan dan bebas daripada seksa selepas mati. Hal ini memperlihatkan bahawa penggunaan bahasa Melayu telah berkembang semasa menjalankan aktiviti perdagangan serta penaklukan dan secara tidak langsung berlaku dasar-dasar dalam perhubungan antarabangsa di antara kerajaan-kerajaan yang terlibat.

Perkembangan bahasa Melayu menampakkan perkaitan yang mampan dalam disiplin perhubungan antarabangsa sekitar abad ke-13 iaitu pada zaman Kesultanan Kerajaan Melayu Melaka. Ketika itu, bahasa Melayu berfungsi sebagai *lingua franca*, iaitu bahasa perhubungan antara penduduk tempatan dengan para pedagang asing bagi urusan perdagangan dan sebagainya. Hal tersebut menunjukkan bahawa setiap pedagang dari pelbagai pelosok dunia yang berhajat untuk singgah di pelabuhan Melaka atau menjalinkan perhubungan antarabangsa harus bertutur dalam bahasa Melayu. Selain itu, dasar mengenai pertuturan bahasa Melayu dalam kalangan pedagang juga digunakan dalam hubungan diplomatik antara Melaka dengan negara-negara asing seperti negara China. Keperluan mengetahui dan memahami bahasa-bahasa asing seperti bahasa Melayu telah berlaku pada zaman Dinasti Ming apabila jawatankuasa jurubahasa yang dikenali sebagai *Da Tong Shi* telah ditubuhkan untuk memenuhi kepentingan bagi menjalinkan hubungan dengan negara luar.

Zaman pascamerdeka memperlihatkan Malaysia sebagai negara yang giat menjalankan perhubungan antarabangsa dan memiliki dasar pelaksanaan tersendiri berikutan ciri-ciri unik yang dimilikinya. Dasar luar Malaysia dibentuk berdasarkan tiga faktor utama iaitu lokasi yang strategik di Asia Tenggara, sistem perdagangan dan demografi penduduk yang pelbagai. Prinsip asas dasar luar Malaysia masih kekal sejak kemerdekaan walaupun pendekatan kepada pelaksanaan dasar luar berubah bergantung kepada faktor domestik dan faktor luaran semasa. Tambahan pula, penggubalan yang dilakukan melihat kepada pelaksanaan dasar luar yang bebas, berprinsip dan pragmatik serta berasaskan nilai-nilai keamanan, kemanusiaan, keadilan dan kesaksamaan.

Sistem ejaan bahasa Melayu menjadi perdebatan di antara Malaysia dan Indonesia sehingga telah memberi kesan yang besar hingga kini. Melalui Kongres Ketiga Bahasa dan Persuratan Melayu se-Malaya (KPBMM3) di Singapura dan Johor Bahru pada 16 hingga 21 September 1956, beberapa orang ahli bahasa Indonesia telah diundang untuk

menyertai kongres itu. Secara umum, hasil kongres mendapati definisi bagi 'bahasa Melayu' dan 'bahasa Indonesia' telah menunjukkan kelainan terutamanya dari segi ejaan. Melihat kepada kelainan tersebut, maka kerjasama kebahasaan antara Malaya dan Indonesia terjalin melalui kaedah menyekatakan ejaan. Setelah berunding dan bermesyuarat selama kira-kira dua tahun pada 7 Disember 1959, kedua-dua jawatankuasa ejaan Malaya dan Indonesia telah menghasilkan satu sistem ejaan baharu yang diberi nama ejaan Melindo (akronim bagi kata Melayu-Indonesia). Kedua-dua negara telah bersetuju untuk menggunakan ejaan Melinda pada 1 Januari 1964. Sementara itu, Singapura yang menerima bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan pada 6 Jun 1959 telah mengadakan pelbagai kempen mempelajari bahasa tersebut. Kempen-kempen tersebut telah dianjurkan oleh pemerintah, badan-badan berkanun dan pertubuhan-pertubuhan sosial daripada pelbagai kaum. Oleh yang demikian, perhubungan antarabangsa antara Malaysia, Indonesia dan Singapura telah terjalin atas dasar kebahasaan yang telah disepakati secara bersama.

Namun begitu, disiplin dalam perhubungan antarabangsa turut mengetengahkan dasar bahawa sesebuah negara boleh bertindak mengikut acuan sendiri yang dikenali sebagai konsep kedaulatan. Apabila Persekutuan Tanah Melayu (PTM), Singapura, Sabah dan Sarawak menubuhkan Malaysia pada 16 September 1963, Indonesia telah melancarkan sebuah agenda yang dikenali sebagai Konfrontasi Indonesia-Malaysia. Kesan daripada peristiwa tersebut, perjanjian persahabatan PTM dan Indonesia tergugat sekaligus perjanjian persetujuan menggunakan ejaan Melindo turut terbatal. Apabila konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia dimansuhkan pada tahun 1966, Komando Operasi Tertinggi (KOTI) Indonesia telah hadir ke Kuala Lumpur bagi membaharui perhubungan mereka dan mengatur semula kerjasama kebahasaan kedua negara itu dengan menubuhkan Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia (MBIM). Singapura yang telah keluar dari Malaysia pada 9 Ogos 1965 secara tidak langsung tidak terlibat dengan penubuhan MBIM tersebut.

RUJUKAN

Couloumbis, T. A. & Wolfe, J. H. (1990). *Introduction to international relations: Power and justice* (4th ed.). Prentice-Hall International.

- Griffiths, M., O'Callaghan, T., & Roach, S. (2008). *International relations: The key concepts* (2nd ed.). Routledge.
- Hurd, I. (2014). *International organizations: Politics, law, practice* (2nd ed.). Cambridge University Press.
- Klabbers, J. (2013). *International law* (2nd ed.). Cambridge University Press.
- Makmor Tumin. (2023). Hubungan Antarabangsa: Teori dan praktis (International relations: Theory and practice): A review. *Journal of Social Political Sciences*, 4(1), 98–108.
- Mohd Irwan Syazli Saidin, Wan Kamal Mujani & Azyati Azhani Mohd Mazuki. (2016). Perang Enam Hari Arab Israel 1967 menerusi perspektif teori realisme. *International Journal of Islamic Thought*, 9(2), 18–31.
- Morgenthau, H. J., Thompson, K. W., & Clinton, W. D. (2005). *Politics among nations: The struggle for power and peace*. (7th ed.). McGraw-Hill Education.
- Pearson, F. S., & Rochester, J. M. (1998). *International relations: The global condition in the twenty-first century* (4th ed.). The McGraw-Hill Companies.
- Rashila Ramli. (2008). Perkembangan teoritis hubungan antarabangsa dalam era global. Dalam Ghazali Mayudin (Ed.), *Politik Malaysia: Perspektif teori dan praktik*. (Ulang Cetak). Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rourke, J.T. (1997). *International politics on the world stage*. (6th ed.). Dushkin & McGraw-Hill.
- Russli Kamarudin. (2008). Realisme, Niccolo Machiavelli & Al-Ghazali. Dalam Ghazali Mayudin (Ed.), *Politik Malaysia: Perspektif teori dan praktik*. (Ulang Cetak). Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- United Nations. (2005). *Vienna convention on the law of treaties 1969*. United Nations.

Komunikasi Penulisan

Aminnudin Saimon

DEFINISI PENULISAN

Penulisan merupakan salah satu cabang komunikasi yang berfungsi dalam menyampaikan maklumat sama ada melalui media cetak atau media elektronik (Che Hazira Che Roza & Hanita Hassan, 2020). Penulisan ini bertujuan untuk menghubungkan penulis dengan komuniti pembaca tentang idea, gagasan dan fikiran yang ingin dikongsi bersama. Keupayaan penulis dalam penulisan bergantung pada kemahiran, pengalaman dan pengetahuannya tentang sesuatu isu. Keupayaan pembaca pula merungkai dan memahami idea yang ditulis oleh penulis bergantung pada sudut interpretasi yang sama. Oleh itu, amatlah penting bagi penulis untuk memastikan penggunaan ayat dan makna dalam ayat selari dengan interpretasi yang akan dibuat oleh pembaca. Perkara ini tidaklah mudah bagi penulis, namun adalah baik sekiranya penulis dapat menggarap idea dengan menggunakan tatabahasa yang tepat agar ayat yang ditulis bersifat gramatis dengan sistem ejaan, peristilahan, koheran dan kohesi dan pertautan yang tepat mengikut laras penulisan.

MATLAMAT PENULISAN

Penulisan dan intelektual merupakan dua perkara yang saling melengkapi. Jika ingin menjadi penulis yang baik, seseorang individu perlulah berupaya untuk menggarap budaya ilmu dalam diri. Budaya ilmu ini dapat dijana melalui pembelajaran dan pembacaan secara meluas dan menekankan aspek metakognitif dalam memberi gambaran awal tentang

isu yang ingin disampaikan oleh penulis. Justeru, untuk menyampaikan budaya ilmu ini, penulis perlulah mahir dalam penulisan sama ada secara verbal atau penulisan. Maizatul Haizan Mahbob et al., (2019) mengatakan bahawa tulisan atau penulisan merupakan satu alat atau lambang yang dapat digunakan untuk memberi erti kepada matlamat penulis. Justeru, setiap penulisan mempunyai matlamatnya yang tersendiri, iaitu berfokus kepada penulis itu sendiri dan bukan kepada pembaca. Penulis menulis kerana diminta untuk melakukannya atau kerana penulis itu sendiri mempunyai asbab tertentu. Justeru, matlamat penulisan yang berbeza akan menghasilkan hasil penulisan yang berbeza. Terdapat beberapa matlamat penulisan, antaranya ialah:

1. Proses memberi respon
Zulkefli Aini et al., (2018) mengatakan bahawa penulisan bertujuan untuk memberikan reaksi terhadap sesuatu perkara menggunakan perantaraan bahasa. Penulis melakukan tingkah laku sosial bagi memberikan respons kepada orang lain atau memaparkan persekitaran atau pengalaman yang dilaluinya. Penulis selalunya merujuk kepada konteks tertentu yang dilaksanakan dalam situasi dan konteks yang spesifik.
2. Proses komunikasi
Selain pengucapan dan percakapan, manusia juga boleh berinteraksi dan berkomunikasi dengan orang lain melalui penulisan. Proses komunikasi memerlukan hubungan dua hala. Penulisan juga merupakan hubungan dua hala yang terjalin secara senyap antara penulis dengan pembaca (Saifulazry Mokhtar et al., 2021). Penulis sentiasa berharap bahawa pembaca dapat memahami mesej yang disampaikan dan dapat menimbulkan reaksi yang pelbagai.
3. Proses ekspresi diri
Dalam penulisan, penulis dapat menyatakan idea, harapan, falsafah hidup atau gambaran imaginasi dalaman yang dapat memberi kepuasan kepada penulis dan menimbulkan pelbagai bentuk reaksi kepada pembaca (Saifulazry Mokhtar et al., 2021). Dari segi pernyataan personaliti, penulisan yang dihasilkan dapat menggambarkan personaliti penulisnya.
4. Bersifat sejagat
Menulis merupakan sifat umum yang dapat dilihat melalui prosedur penulisan dan kesejagatan daripada bahan yang ditulis. Menulis bertujuan untuk membicarakan secara umum perkara yang berlaku.

Perkara yang dibincangkan dalam penulisan berita sebagai contoh, mempunyai mesej yang sama, tetapi dapat ditulis dalam gaya yang berlainan. Begitu juga, penulisan berbentuk fiksi, pengolahan cerita bersifat sejagat sama ada penghuraian plot, perkembangan watak ataupun peleraian konflik.

5. Prosedur pemahaman
Proses pemahaman penulis tentang sesuatu konsep atau perkara hanya dapat dihuraikan kepada pembaca melalui penulisan. Prosedur yang diwujudkan dalam proses penulisan dapat mengawal penulis supaya dapat menyampaikan mesej dengan lebih tepat dan menimbulkan makna kepada pembaca (Helmi Akhtar, 2017). Prosedur juga dapat menjamin penulisan tidak bersifat terlalu bebas sehingga boleh mengakibatkan salah faham pada maklumat. Prosedur penulisan penting supaya hasil penulisan itu dapat dipertanggungjawabkan.
6. Prosedur pembelajaran
Menulis juga merupakan satu proses pembelajaran yang dapat menilai dan mengukur pengajaran yang telah disampaikan. Dalam konteks pendidikan, kemahiran pembelajaran formal yang dikuasai oleh penulis dapat dinilai melalui penulisan. Kemahiran dalam penulisan memerlukan penulis menguasai kaedah yang lebih berkesan supaya penyampaian maklumat dapat dibuat tanpa halangan komunikasi. Proses pemahaman lebih baik apabila penulis dapat menunjukkan pemahaman secara lebih mendalam melalui penulisan.

Komunikasi penulisan memainkan peranan yang amat penting, jauh lebih penting daripada komunikasi lisan. Sebagai contoh, pemerolehan dan penyebaran ilmu amat bergantung pada bahan bertulis. Perjanjian, minit mesyuarat, laporan, arahan, piagam, dan undang-undang memerlukan media tulisan. Dapat dikatakan bahawa sebahagian besar dokumen yang bersifat rasmi dan ilmiah perlu dirakamkan dalam bentuk komunikasi bertulis. Banyak pula bentuk komunikasi lisan yang sebenarnya merupakan salinan bentuk komunikasi tulisan atau sekurang-kurangnya berdasar pada pola komunikasi tulisan. Contohnya, apabila seorang pegawai menyampaikan taklimat tentang jabatannya, pegawai tersebut menggunakan pola komunikasi tulisan dari segi ragam bahasa yang digunakan dan juga dari segi susunan wacana (teks), walaupun taklimat itu disampaikan secara lisan.

Penulisan yang baik dan berkesan dapat menyampaikan mesej, fakta, ilmu dan juga hasrat penulis kepada pembaca sehingga berlangsung pemindahan dan peluasan maklumat dan ilmu. Inilah cara ilmu dapat dikembangkan dan disebarkan, lebih-lebih lagi disebabkan tulisan jauh lebih abadi daripada lisan. Tulisan diabadikan dalam bentuk buku, jurnal, majalah dan juga perisian komputer dan dapat dihimpunkan di perpustakaan sebagai rujukan.

CIRI-CIRI PENULISAN

Penulisan yang ditulis juga mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri bagi menyampaikan idea kepada pembaca dapat disampaikan dengan mudah. Antara ciri-ciri penulisan adalah seperti yang berikut;

1. Tahap kebolehbacaan
Tahap kebolehbacaan merupakan ciri yang amat penting dalam keberkesanan sesuatu penulisan. Jika pembaca tidak memahami isi atau penulisan penulis, maka maklumat yang hendak disampaikan tidak berjaya. Kebolehbacaan ini tidak hanya melihat pada faktor tulisan, namun faktor lain juga amat memainkan peranan seperti faktor penggunaan ayat, pertautan, istilah dan makna.
2. Fokus
Faktor fokus sering kali dibahaskan dalam pelbagai bentuk penulisan sama ada penulisan kreatif mahupun ilmiah. Ciri fokus sangat berperanan dalam menjaga keberkesanan dan penyampaian maklumat agar pembaca tidak lari daripada pengamatan maklumat yang disampaikan (Bucata. G & Rizescu, A. M., 2017). Jika penulisan memberi fokus terhadap sesuatu isu, misalnya isu vaksinasi, penulis seharusnya memberikan maklumat, ciri dan sebagainya yang hanya fokus pada isu vaksinasi. Penulis tidak seharusnya menceritakan selain isu vaksinasi agar pembaca tidak hilang fokus dan penyampaian maklumat berjalan dengan lancar.
3. Bentuk dan laras pengucapan
Dalam penyampaian maklumat melalui penulisan, penulis akan terlebih dahulu menentukan khalayak dan bentuk atau laras pengucapannya. Jika khalayak sasaran penulis ialah golongan umum dan laras penulisannya berkait dengan sukan, maka bentuk dan laras yang digunakan ialah laras sukan dan bentuk bahasanya juga berkisar sukan. Begitu juga halnya jika khalayak sasaran

penulis ialah khalayak guaman dan laras yang digunakan ialah laras perundang-undangan, maka laras yang tepat dan bentuk bahasa yang digunakan ialah perundang-undangan.

4. Susunan fikiran
Susunan fikiran ialah gagasan pemikiran yang hendak disampaikan penulis kepada pembaca. Setiap penulis mempunyai gaya pemikiran yang tersendiri sebagai contoh sasterawan negara, iaitu A. Samad Said mengadaptasikan pemikiran realisme dalam karyanya. Justeru, setiap penulis seharusnya mempunyai gagasan pemikiran agar ideologi yang hendak disampaikan dapat disalurkan dengan mudah dan difahami oleh khalayak.
5. Perkataan
Faktor pemilihan leksikal juga sangat penting dalam penulisan terutamanya dalam kebolehbacaan. Penggunaan dan pemilihan deiksis yang tepat akan memudahkan pembaca memahami isi dan maklumat dan makna yang disampaikan juga mudah difahami (Miteva et al., 2022). Penggunaan bahasa yang bombastik perlu dielakkan agar pembaca mudah untuk memahami makna yang hendak disampaikan. Penggunaan bahasa yang bombastik boleh digunakan jika khalayak sasarannya mempunyai latar belakang pendidikan yang tinggi seperti golongan professional dan bukannya golongan pelajar sekolah.

Ciri-ciri penulisan yang dinyatakan ini merupakan asas yang penting dalam penulisan. Setiap penulisan perlu merangkumi ciri-ciri tersebut dalam menyampaikan sesuatu perkara atau maklumat. Menurut Sreeja (2021) dalam penghasilan penulisan yang baik, penulis juga perlulah mempunyai daya fikiran yang canggih, bermaklumat, imaginatif agar tidak membuatkan pembaca berasa bosan, hilang fokus dan seterusnya tidak lagi mahu membaca penulisan tersebut.

PENULISAN BERKESAN

Pasti ramai yang tertanya-tanya kaedah yang perlu digunakan dalam menyampaikan maklumat, idea, pemikiran melalui komunikasi penulisan dengan kaedah yang berkesan. Terdapat empat kaedah yang boleh digunakan untuk mencapai penulisan yang berkesan seperti yang berikut;

1. Struktur dan Pendekatan Penulisan

Struktur penulisan merupakan satu rangka dalam menyusun atur penulisan dengan lebih sistematik, teratur dan berkesan. Asas dalam penulisan haruslah dimulai dengan pendahuluan, isi dan penutup. Bahagian pendahuluan, penulisan perlulah dimulai dengan sesuatu isi yang dapat menarik pembaca untuk membaca. Pastikan penulisan dalam bahagian ini tidak panjang, namun mempunyai energi serta tautan dengan tajuk penulisan. Hal ini kerana pembaca dapat mengetahui topik yang akan dibincangkan. Tidak perlu terlalu panjang dan meleret kerana dikhuatiri akan menyebabkan pembaca hilang fokus dan berhenti membaca. Penulisan isi amat penting dan perlu dititikberatkan dalam penulisan. Hal ini kerana bahagian isi merupakan elemen utama dalam penyampaian sesuatu mesej, ilmu, pemikiran dan sebagainya. Pemerolehan isi ini perlulah dilakukan oleh penulis terlebih dahulu sebelum menulis. Isi ini diperoleh melalui pembacaan dan juga penyelidikan. Kedua-dua faktor inilah yang sering digunakan oleh penulis dalam mencari isi-isi yang berkualiti dan dipercayai. Bahagian akhir pada penulisan ialah penutup. Bahagian ini sering kali dianggap mudah, namun sebenarnya bahagian inilah bahagian yang amat mencabar untuk dihasilkan. Hal ini demikian kerana penulis perlu merumuskan hasil penulisan, memberi justifikasi kekuatan dan kekurangan, implikasi penulisan dan sebagainya.

Pendekatan penulisan pula melihat kepada bentuk pendekatan yang digunakan dalam penulisan. Pendekatan yang biasa digunakan oleh penulis antaranya adalah pendedahan, penerangan, penceritaan, pendefinisian, pemujukan dan penghujahan. Pemilihan pendekatan penulisan ini menentukan keberkesanan sesuatu penulisan. Hal ini demikian kerana pendekatan penulisan inilah yang akan menyampaikan idea, ideologi, pemikiran dan falsafah yang hendak disampaikan oleh penulis. Sebagai contoh, dalam pengiklanan, pendekatan penulisan yang tepat ialah pemujukan kerana dalam pengiklanan bentuk penulisan lebih terarah kepada pengeksploitan emosi pembaca. Begitu juga halnya dalam penyampaian berita, pendekatan yang digunakan haruslah pendedahan ataupun penerangan.

2. Bahasa yang berkesan

Penulisan merupakan binaan yang disebut wacana biasanya dapat dilihat sebagai sehimpunan perenggan yang saling berkaitan. Perenggan terbina daripada sehimpunan ayat. Ayat pula terjalin sedemikian rupa sehingga menjadi seakan-akan anyaman yang kemas (Awang Sariyan, 2007). Sesuatu perenggan bukan sekadar terdiri daripada beberapa ayat, namun semua ayat itu mestilah memperlihatkan pertalian antara satu dengan yang lain. Penulisan yang berkesan bergantung pada bahasa yang betul dan baik. Yang dikatakan bahasa yang baik dan betul ialah bahasa yang dapat menampilkan sesuatu fikiran atau maklumat dengan jelas dan tidak menimbulkan kesulitan pemahaman kepada pembaca. Ayat yang tidak sempurna, sama ada dari segi bentuk atau maknanya, dengan sendirinya menjadi bahasa yang tidak berkesan. Terdapat enam syarat dan kaedah untuk menghasilkan bahasa yang baik dan betul dalam penulisan.

- i. Kesatuan gagasan.
- ii. Kepaduan.
- iii. Penegasan.
- iv. Kepelbagaian.
- v. Kesejajaran.
- vi. Penalaran dan logika.

Antara enam syarat yang dinyatakan, yang pertama, kedua dan keenam merupakan syarat atau kaedah yang paling utama. Syarat dan kaedah ketiga, keempat dan kelima dapat dianggap sebagai unsur pelengkap. Tanpa unsur pertama, kedua dan keenam, tiga unsur pelengkap itu tidak akan bererti. Gagasan atau idea itu berfungsi untuk mengembangkan tema atau isu yang menjadi asas penulisan. Kesatuan gagasan bererti ayat yang dihasilkan haruslah dapat memperlihatkan tema ayat itu. Dengan kata lain, ayat itu perlu mempunyai fokus. Untuk menghasilkan ayat yang mempunyai kesatuan gagasan, elakkan penulisan beberapa idea atau gagasan dalam satu ayat. Perlu ditekankan di sini, satu idea satu perenggan. Idea yang bercampur dan ayat yang panjang akan menyebabkan penulisan tersebut kehilangan fokus dan ayat menjadi lemah.

Seterusnya ialah kepaduan. Kepaduan bererti hubungan timbal balik yang baik dan jelas antara unsur pembentuk ayat, iaitu kata dan frasa kerana daripada jalinan antara kata dengan kata dan antara frasa dengan frasa maka terbentuklah ayat (Sreeja, 2021). Hubungan antara satu kata atau frasa dengan kata atau frasa yang lain mestilah menepati jalinan bahasa. Kepaduan ayat akan terjejas sekiranya susunan kata dalam konteks frasa nama tidak menurut Hukum D-M. Menurut aturan ini, kata yang diterangkan (kata utama) letaknya di hadapan kata yang menerangkan (penerang). Susunan kata dalam bahasa Melayu pada dasarnya ditandai oleh aturan tersebut dengan beberapa kekecualian. Demikian juga halnya, apabila penulis meletakkan sesuatu kata yang tidak perlu, ayat akan menjadi tidak padu seperti meletakkan kata yang digunakan walhal tidak diperlukan seperti kata sendi nama sesudah kata kerja transitif.

Ketiga ialah faktor penegasan. Salah satu cara untuk menimbulkan penegasan adalah dengan mengubah kedudukan bahagian tertentu dalam ayat. Bahagian yang berisi gagasan yang hendak ditegaskan dipindahkan ke hadapan. Dalam tatabahasa, ada susunan ayat yang disebut ayat songsang dan proses yang disebut penyongsangan ayat. Maksudnya di sini dalam susunan ayat yang biasa, bahagian subjek ayat atau hal yang diperkatakan terletak di hadapan dan bahagian predikat atau bahagian yang menerangkan subjek ayat terletak di belakang. Kedudukan itu dapat diubah, iaitu predikat di hadapan dan subjek di belakang. Penegasan dapat dilakukan juga dengan pemasifan ayat. Dalam tatabahasa adanya ayat aktif dan ayat pasif. Ayat aktif menekankan pelaku, sementara ayat pasif menekankan objek yang dikenai. Penegasan juga dapat dihasilkan melalui pengulangan unsur yang tertentu dalam ayat. Pengulangan dengan sendirinya menghasilkan penegasan. Dalam pidato contohnya, inilah gaya yang cukup berkesan dalam menghasilkan ujaran yang berkesan. Selain itu, penegasan juga dapat dihasilkan melalui mempertentangan dua kenyataan. Teknik ini sebenarnya mendorong orang untuk berfikir secara jelas, iaitu melihat yang positif dan negatif sehingga dapat disimpulkan mesej penulisan dengan cepat.

Ciri yang keempat ialah kepelbagaian yang membawa erti kelainan bentuk yang digunakan untuk menyatakan sesuatu maksud. Dalam bahasa, memang terdapat bentuk yang berlainan, namun yang sama ialah maknanya. Kepelbagaian bentuk bahasa dapat dizahirkan dalam penulisan dengan memanfaatkan unsur seperti sinonim, kepelbagaian pola dan jenis ayat, kepelbagaian ayat aktif dan ayat pasif serta

kepelbagaian yang melibatkan perubahan kedudukan sesuatu unsur dalam ayat. Paduan kepelbagaian yang tersebut dapat menghidupkan penulisan, di samping dapat mengelakkan rasa jemu kepada pembaca.

Ciri yang kelima ialah kesejajaran yang memberi sesuatu gagasan atau idea yang dinyatakan dalam bentuk kata nama (gaya nominal) hendaklah diikuti gagasan lain (yang sama fungsinya) dalam bentuk kata nama juga. Kesejajaran bentuk untuk gagasan berfungsi sama ini dapat menimbulkan ayat yang berkesan. Andai kata dicampurbaurkan bentuknya antara kata nama dengan kata kerja atau sebaliknya, keberkesanan ayat akan terjejas. Kejituan dan kelancaran gagasan yang dikemukakan turut terjejas. Fungsi yang dinyatakan tadi berkait dengan fungsi tatabahasa seperti objek, subjek dan sebagainya. Sebagai contoh, perhatikan ayat di bawah;

Langkah **pemulihan** ekonomi negara hendaklah dimulakan dengan **penghematan** belanja negara dan individu, **pengurangan** import bagi barangan yang kurang penting, **penggalakan** industri setempat dan **perancangan** guna tenaga secara optimum.

Semua perkataan yang berhuruf tebal merupakan kata kunci yang mendukung gagasan dalam ayat tersebut dan merupakan kata nama. Setiap perkataan tersebut mempunyai pertalian yang amat erat antara satu sama lain. Andai kata salah satu kata itu ditukar bentuknya menjadi kata kerja, hilanglah ciri kesejajarannya. Hal ini setidak-tidaknya mengurangkan kelancaran penampilan gagasan sehingga ayat menjadi kurang berkesan. Pembaca yang peka akan dapat merasakan kejanggalan sehingga terganggu penghayatannya terhadap penulisan yang dihasilkan.

Ciri yang terakhir ialah penalaran dan logika. Telah disebutkan sebelum ini bahawa ciri penalaran dan logika ini bersama-sama kesatuan gagasan dan kepaduan merupakan syarat asas terhasilnya ayat yang berkesan, sementara ciri penekanan, kepelbagaian dan kesejajaran merupakan ciri pelengkap dari segi gaya bahasa. Penalaran berkait rapat dengan daya hujah. Oleh sebab itu, penalaran dapat diertikan sebagai keupayaan untuk menggunakan daya hujah dengan baik. Logik pula dapat diertikan sebagai sistem berfikir, iaitu sesuatu gagasan disusun sehingga dapat diterima oleh akal yang sihat. Logika atau sistem berfikir inilah yang memungkinkan berlakunya penalaran atau keupayaan untuk menggunakan daya hujah yang baik. Kaedah yang sering digunakan dalam penghasilan bahasa yang nalar atau logik ialah seseorang penulis perlu memahami proses berfikir secara logis. Kaedah tersebut ialah takrif dan batasan dan generalisasi tentang sesuatu gagasan atau hal.

3. Idea yang Baik

Setiap penulisan pastinya bergantung pada idea. Tanpa idea tiada penulisan yang terhasil. Setiap penghasilan penulisan pastinya mempunyai matlamat yang hendak dicapai. Matlamat atau tujuan ini juga dikenali dengan idea. Jika diperhatikan, setiap penulisan sama ada kreatif ataupun ilmiah, idea yang disampaikan sangat dititikberatkan. Idea yang baik sangat bergantung pada pemikiran, pembacaan, pengalaman dalam menyampaikan tujuan penulisan. Idea yang baik dapat diperoleh melalui pembacaan bahan yang berkualiti, ilmiah. Hasil daripada pembacaan inilah yang akan menyumbang kepada pemerolehan idea yang baik, bernas juga menyumbang kepada pemikiran yang kritis dan juga dapat mempengaruhi pemikiran masyarakat sekeliling.

Selain menjana idea yang baik, pembacaan juga dapat meningkatkan tahap penguasaan kosa kata dan linguistik. Penjanaan idea, kosa kata dan linguistik ini amat memberi pengaruh yang besar terhadap daya kreativiti seseorang. Jika dilihat pada era kini, banyak rancangan di televisyen memaparkan tahap kreativiti yang sederhana. Hal ini dapat dilihat pada penggunaan bahasa, pemikiran dan matlamat yang hendak disampaikan. Begitu juga halnya dengan penghasilan drama dan filem yang kebanyakannya hanya memaparkan pemikiran yang sederhana dan tidak relevan dengan permasalahan masyarakat. Penghasilan filem dan drama seharusnya dijadikan medium untuk menyebarkan pemikiran dan mengubah keintelektualan masyarakat ke arah yang lebih baik. Negara luar seperti Amerika Syarikat dan United Kingdom, pengkarya menjadikan drama dan filem sebagai medium yang terbaik dalam mendidik masyarakatnya terutama dalam penguasaan bahasa Inggeris (Sreeja, 2021).

4. Kreatif dan Imajinatif

Aspek kreatif dan imajinatif merupakan dua aspek yang berlainan, namun sangat berkait rapat dan memerlukan satu sama lain. Hal ini dapat dilihat melalui seseorang penulis. Jika penulis mempunyai daya imajinatif yang tinggi, pastinya daya kreatif juga sangat tinggi. Imajinatif dapat dicapai melalui pembacaan, pengalaman. Melalui pembacaan, daya imajinatif pembaca akan dirangsang melalui kognitif seseorang dalam memahami dan berimajinatif. Dalam ilmu linguistik, apabila konsep kreatif dan imajinatif dibahaskan, maka yang dimaksudkan ialah kreativiti bahasa (*language creativity*).

Kreativiti bahasa membawa maksud kemampuan bahasa memberi pelbagai kemungkinan dalam susunan unsur-unsurnya dan juga dalam memberikan pilihan makna kepada unsur-unsur tersebut.

Kreativiti bahasa melihat kepada kepelbagaian penggunaan bahasa dalam penulisan. Sesuatu ayat nyata boleh dilentur-lenturkan daripada ayat aktif menjadi ayat pasif atau ayat songsang merupakan contoh kreativiti bahasa dari segi memanfaatkan struktur. Begitu juga halnya dengan penyusunan unsur-unsur bahasa dalam pembentukan perkataan. Dari segi makna, sesuatu makna perkataan atau ungkapan boleh diubah-ubah sesuai dengan pemilihan penulis. Sesuatu perkataan dalam sesuatu bahasa itu mendapat maknanya daripada konteks penggunaannya dan pemberian makna juga bergantung pada kelenturan peraturan bahasa yang memungkinkan unsur-unsurnya bergabung satu sama lain dengan pelbagai cara untuk menimbulkan makna yang baru.

Selain faktor kreativiti bahasa, kreativiti penulis juga memainkan peranan yang penting dalam penulisan yang berkesan. Kreativiti penulis bermakna kemampuan penulis menggunakan pelbagai strategi untuk menjadikan hasil karya menarik bagi yang membacanya. Kreativiti ini dapat dilihat dari segi penghuraian, penjelasan, penghujahan dan pemujukan. Penghuraian sesuatu fenomena merupakan satu proses yang monolitik atau sehalu. Seseorang penulis yang mempunyai daya kreatif yang tinggi akan mengambil manfaat daripada kreativiti bahasa dengan memilih struktur yang berbeza. Begitu juga halnya dengan penjelasan. Terdapat banyak kaedah yang boleh dimanfaatkan untuk tujuan ini, antaranya perbandingan, memberi perspektif kesejarahan, mengadakan penggolongan dan pembahagian. Penghujahan dan pemujukan bukan setakat pemilihan ayat yang sesuai serta perkataan yang sedap didengar, namun sangat memerlukan teknik mengemukakan hujah yang ada. Penulis hendaklah mahir dalam menggunakan peraturan-peraturan pragmatik.

KESIMPULAN

Berdasarkan ciri-ciri penulisan yang telah dibincangkan, jelaslah menunjukkan bahawa ciri-ciri penulisan amat penting dalam menentukan keberkesanan sesuatu komunikasi terutamanya dalam komunikasi penulisan. Selain menentukan keberkesanan sesuatu komunikasi, penulisan juga menjadi nadi penting dalam komunikasi strategik dan

mewujudkan komunikasi berkesan dalam sesuatu komunikasi mahupun dalam organisasi. Justeru, komunikasi penulisan amat penting dalam menentukan keberjayaan sesuatu perkara di samping menjadi medium utama dalam komunikasi strategik.

RUJUKAN

- Awang Sariyan. (2007). *Perkembangan falsafah bahasa dan pemikiran dalam linguistik*. Sasbadi.
- Bucata. G., & Rizescu. A. M. (2017). The role of communication in enhancing work effectiveness of an organization. *Land Forces Academy Review*. XXII. 1(85).
- Che Hazira Che Roza & Hanita Hassan. (2020). Strategi penggunaan bahasa dalam penulisan rencana ilmiah. *LSP International Journal*, 7(2), 139–153. <https://doi.org/10.11113/lspi.v7.16324>
- Fatin Rabiha Abdul Kadir & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2017). Bahasa antara dalam komunikasi lisan penutur Melayu dan penutur bukan Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*. 7, 1–16. <https://doi.org/10.15282/ijleal.v6.504>
- Helmi Akhtar. (2017). Komunikasi kepimpinan berkesan. *Jurnal Syariah*, 25(3), 531–562. <https://doi.org/10.22452/js.vol25no3.7>
- Maizatul Haizan Mahbob, Wan Idros Wan Sulaiman, Nik Anis Syakira Megat Ali & Wan Amizah Wan Mahmud. (2019). Komunikasi strategik dan peranannya untuk mewujudkan komunikasi berkesan dalam organisasi. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*. 35(2), 49–67. <http://doi.org/10.17576/JKMJC-2019-3502-04>
- Malini Kamlin & Tan Choon Keong. (2020). Kemampuan ICT ‘WhatsApp’ sebagai medium komunikasi berkesan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*. 5(10), 178–183. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i10.509>
- Miteva, D., Georgiadis, F., McBroom, L., Noboa, V., Quednow, B. B., Seifritz, S., & Egger, S. T. (2022). Impact of language proficiency on mental health service use, treatment, and outcomes: ‘Lost in translation’. *Comprehensive Psychiatry*, 114, 152299. <https://doi.org/10.1016/j.comppsy.2022.152299>
- Saifulazry Mokhtar, Mohd. Nur Hidayat Hasbollah Hajimin, Abang Mohd. Razif Abang Muis, Irma Wani Othman, Mohd. Sohaimi Esa, Romzi Ationg & Siti Aida Lukin. (2021). Analisis prinsip-prinsip komunikasi Islam dalam kitab Al-Quran. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)*. 6(23), 140–156. <http://doi.org/10.35631/IJLGC.6230010>

- Sreeja. K. (2021). Importance of effectiveness communication in organizations. *International Journal of Creative Research Thought (IJCRT)*. 9(3).
- Zulkefli Aini, Abdul Ghafar Don, Ahmad Irdha Mokhtar & Nur Uswah Ahmad Fauzi. (2018). Strategi komunikasi pemujukan pendakwah dalam penyampaian mesej Islam kepada masyarakat orang asli di Selangor. *International Conference on Islamiyyat Studies*, 19–19.

Bahasa dan Masyarakat

Julaina Nopiah

PENGENALAN

Bab ini akan memberikan sedikit gambaran berhubung perkaitan antara bahasa dan masyarakat, khususnya dalam konteks penggunaan bahasa Melayu oleh masyarakat di negara Malaysia. Hubungan masyarakat dan bahasa adalah saling berkait. Melalui bahasa, masyarakat dapat menjalani kehidupan sosial mereka. Penggunaan bahasa dan dialek oleh sekelompok individu secara tidak langsung membentuk masyarakat bahasa. Penulis akan menerangkan konsep bahasa dan masyarakat serta menghubungkan subtopik yang lazimnya dibicarakan dalam lanskap penulisan ilmu sosiolinguistik atau secara mudahnya dikenali sebagai bahasa dan masyarakat. Apakah yang dimaksudkan dengan bahasa? Apa pula yang dimaksudkan dengan masyarakat? Apakah perkaitan langsung kedua-dua elemen ini? Persoalan ini akan dijawab satu demi satu dalam bab ini. Penulisan bab ini diharapkan dapat memberikan sedikit ilmu kepada pembaca yang ingin mengetahui secara umum perkaitan antara bahasa dan masyarakat serta ilmu-ilmu lain yang melatarinya. Secara rincinya, setiap kandungan judul penting bab ini akan menggarap pelbagai bidang dalam pengajian bahasa, iaitu bahasa dan masyarakat.

KONSEP BAHASA DAN MASYARAKAT

Bahasa memainkan peranan yang besar dalam kehidupan kita. Oleh kerana sudah menjadi kebiasaan kita menggunakan bahasa, maka jarang sekali kita meneliti dan membuat pengkajian tentang peranan bahasa secara telitinya. Kajian tentang bahasa tidak hanya terhad

dalam perbicaraan berhubung tatabahasa atau isu berhubung kesalahan dalam penggunaan bahasa semata-mata. Malah, kajian tentang bahasa mencakupi pelbagai aspek penelitian berkenaan peranan dan fungsinya oleh masyarakat penutur bahasa itu sendiri. Perbincangan berhubung konsep bahasa dalam penulisan ini akan dibicarakan dari tiga sudut, iaitu hakikat bahasa, sifat bahasa serta bentuk bahasa.

Hakikat Bahasa

Hakikatnya, bahasa dimiliki oleh setiap individu (Teo Kok Seong, 2019). Bahasa digunakan dalam kegiatan seharian seseorang individu. Malah dalam ungkapan pertuturan seperti “Saya sedang lapar, saya hendak makan” atau “Saya sedang mengantuk, saya hendak tidur” itu sebenarnya merupakan deretan bunyi-bunyi yang wujud dalam bentuk ayat. Seseorang mengungkapkan ungkapan sebegitu kerana desakan dalam diri penutur itu kerana lapar dan mengantuk. Apabila kita mengatakan bahawa kita sedang lapar atau kita sedang mengantuk, itu bermakna kita sedang menyatakan sesuatu. Bahasa terbentuk daripada bunyi-bunyi bermakna (Muhammad Asip, 2022). Seseorang yang tahu berbahasa Melayu, semestinya memahami ujaran tersebut. Walau bagaimanapun, sekiranya ujaran ini didengari oleh orang asing, misalnya orang Inggeris, semestinya mereka tidak memahami makna ujaran tersebut, disebabkan perkataan yang menjana ayat tersebut tiada makna dalam bahasa Inggeris. Berdasarkan contoh yang diberikan ini, maka dapat disimpulkan bahawa secara hakikatnya bahasa itu adalah gabungan bunyi-bunyi bermakna.

Pada hakikatnya bahasa itu amat penting bagi setiap orang. Tanpa bahasa seorang manusia sudah pasti tidak dapat menjalankan kegiatannya dengan sempurna. Keadaan ini dapat dilihat melalui keadaan orang bisu. Walaupun mereka masih boleh menjalankan kegiatan harian, tetapi sudah pasti mereka akan menghadapi kesukaran dalam berkomunikasi atau ketika meluahkan perasaannya. Bantuan teknologi dan inovasi dalam penciptaan alat bantuan khusus sangat diperlukan sebagai alat pemudah komunikasi efektif antara golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) dengan manusia normal yang berada di sekeliling mereka. Dengan itu dapat kita nyatakan bahawa bahasa merupakan suatu alat yang amat berkesan dalam menghubungkan dunia seseorang dengan dunia di luarnya, dunia seseorang dengan dunia lingkungannya, dunia seseorang dengan alamnya, malah dunia seseorang itu dengan tuhanannya (Pateda, M. 1988).

Sifat Bahasa

Menurut Hill, A. A. (1958), terdapat lima sifat yang ada pada bahasa, iaitu:

- a. Bahasa merupakan seperangkat bunyi. Bunyi itu pula bersistem dan dikeluarkan oleh alat ucap manusia.
- b. Hubungan antara bunyi bahasa dan objek (referennya) bersifat arbitrari. Arbitrari ialah berkaitan dengan sifat bahasa yang menunjukkan tiadanya kesepadanan fizikal yang semula jadi antara bentuk bahasa dengan entiti sebenar.
- c. Bahasa itu bersistem. Setiap bahasa di dunia mempunyai sistem yang tersendiri.
- d. Bahasa adalah seperangkat lambang. Bunyi yang dihasilkan oleh alat ucap manusia itu wujud sebagai lambang. Sebagai contohnya bunyi padi, maka lambangnya ialah /p, a, d, i/. Lambang-lambang ini hanya akan difahami apabila lambang tersebut berada dalam kawasan bahasa yang kita fahami.
- e. Bahasa bersifat sempurna. Maksudnya di sini, bahasa membawakan amanahnya sebagai wahana komunikasi. Untuk menjadikan bahasa itu bersifat sempurna, maka orang sering menambahkan unsur lain dalam bahasanya. Misalnya dengan gerakan tangan, perubahan mimik muka atau penambahan suprasegmental pada setiap satu ujarannya.

Bentuk Bahasa

Secara umumnya, bentuk bahasa terbahagi kepada dua bentuk, iaitu bahasa lisan dan bahasa tulisan. Bentuk bahasa lisan adalah berkaitan situasi perbualan serta melibatkan kehadiran penutur dan pendengar. Bentuk bahasa tulisan pula melibatkan perilaku penulisan yang melibatkan penulis dan pembaca. Walau bagaimanapun, sekiranya dihubungkan kedua-dua bentuk bahasa ini dengan linguistik, maka yang terpenting bagi linguistik ialah bahasa lisan (Pateda, M. 1988). Oleh itu, bagi seorang penyelidik bahasa, bahasa lisan merupakan bentuk yang terpenting, terutamanya yang melibatkan pengkajian fenomena kebahasaan seperti dialek, bahasa slanga, bahasa rojak serta yang melibatkan pemikiran Melayu terdahulu seperti pantun, peribahasa,

pepatah dan simpulan bahasa yang sarat dengan pelbagai falsafah dan akal budinya yang tersendiri.

Masyarakat pula dapat ditakrifkan sebagai sekelompok orang atau individu yang memiliki persamaan atau menggunakan sistem kebahasaan yang sama berdasarkan norma-norma kebahasaan yang sesuai (Nik Safiah Karim, 2010). Ciri khas yang berbeza-beza dalam masyarakat akan menghasilkan idiolek yang berbeza. Daerah dan wilayah asal yang berbeza-beza pula menyebabkan kewujudan pelbagai dialek dalam bahasa. Status sosial yang berbeza-beza antara satu sama lain seperti jantina, hubungan keakraban dan kelas ekonomi pula mewujudkan pelbagai variasi bahasa (Halliday, 1968). Hubungan antara bahasa dan masyarakat dapat dilihat daripada kewujudan variasi bahasa. Selain itu, turut disebut juga sebagai kelainan bahasa, yang bermaksud perbezaan bentuk-bentuk bahasa yang digunakan bagi maksud yang sama berdasarkan situasi tertentu. Halliday (1968) telah menjeniskan bahasa kepada dua aspek, iaitu:

- a. Pengguna - Orang yang menggunakan sesuatu bahasa.
- b. Penggunaan - Kesesuaian jenis bahasa yang digunakan bagi situasi tertentu.

Perbezaan bahasa pengguna berdasarkan daerah disebut sebagai dialek daerah. Kelainan bahasa juga disebabkan oleh perbezaan sebutan antara individu dengan individu lain yang disebut idiolek. Isoglos atau garis sempadan linguistik pula merupakan garis pemisah antara dialek dengan dialek yang lain dalam satu bahasa. Variasi bahasa yang terhasil berdasarkan aspek penggunaan pula disebut sebagai dialek sosial. Sebagai contohnya bahasa baku, bahasa formal, bahasa tidak formal, bahasa halus dan bahasa kasar, bahasa istana dan bahasa biasa serta bahasa pasar dan slanga.

Menerusi penulisan ini, penulis akan membincangkan aspek pengguna (masyarakat) dan penggunaan (bahasa) menerusi beberapa fenomena kebahasaan seperti dialek, bahasa rojak dan slanga.

BAHASA DAN KHALAYAK

Terdapat pelbagai cara yang menunjukkan hubungan bahasa dengan masyarakat berkait rapat. Penelitian terhadap konteks kelainan bahasa yang dituturkan oleh masyarakat penuturnya juga termasuk dalam

satu cakupan yang mempertalikan bahasa dan masyarakat. Di antara faktor konteks bagi kelainan bahasa yang diiktiraf ialah lokasi geografi. Menurut Nik Safiah Karim (2010), dialek geografi bermaksud sesuatu bahasa yang mempunyai banyak variasi, yang bergantung sejarah perkembangannya, jumlah penduduk dan luas daerah penyebarannya. Dialek geografi juga boleh memberi keterangan kepada kejadian-kejadian atau peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam sejarah bahasa yang berkenaan yang menurunkan dialek-dialeknya atau perkembangan yang berlaku dalam dialek secara tersendiri atau berkaitan dialek-dialek lain (Jamal Rizal et al., 2021).

Secara umumnya, dialek merupakan salah satu variasi bahasa yang digunakan oleh kumpulan masyarakat di kawasan tertentu untuk berkomunikasi dalam kehidupan harian (Fazal Mohammed et al., 2021). Subdialek pula merupakan variasi yang wujud dalam sesuatu dialek, yang mana fenomena ini melibatkan perbezaan pertuturan di antara penutur yang menetap di kawasan atau daerah yang berbeza-beza (Julaina et al., 2023). Walaupun wujudnya kepelbagaian dialek dalam kawasan tersebut, namun tahap pemahaman loghat tersebut oleh masyarakat adalah masih boleh difahami secara amnya. Dalam ilmu linguistik atau bahasa, dialek ialah sejenis bentuk atau ragam bahasa daripada sesuatu bahasa itu. Semua bahasa didapati mempunyai dialek (Teo Kok Seong, 2019). Dengan kata lain, dialek wujud dalam semua bahasa, tidak kira dalam bahasa masyarakat yang maju mahupun dalam bahasa masyarakat yang mundur.

Menurut Fazal Mohamed dan Amir Imran (2019), dialek merupakan variasi bahasa yang dituturkan oleh sekelompok penutur tertentu di kawasan tertentu yang melampaui sempadan politik. Collins (1986) mentakrifkan dialek sebagai satu ragam bahasa yang dibezakan secara tegas daripada ragam-ragam lain berdasarkan ciri-ciri penyebutan, kosa kata dan tatabahasa. Sebagai buktinya, terdapat pelbagai dialek daerah di Malaysia, misalnya dialek Terengganu, Kelantan, Kedah dan Negeri Sembilan. Menurut Mario dan Gaynor (1960) serta Abdul Hamid Mahmood (1993), dialek merupakan bentuk khusus sesuatu bahasa yang dituturkan oleh sekumpulan masyarakat penutur di daerah atau kawasan geografi tertentu. Senario ini jelas menunjukkan bahawa dialek dan kawasan geografi merupakan elemen yang saling berkait antara satu sama lain. Penyebaran dialek-dialek Melayu yang meliputi sesebuah kawasan ini secara tidak langsung menyebabkan wujudnya satu keperluan bagi

melaksanakan penelitian dan kajian terhadap dialek tersebut (Julaina et al., 2023).

Berdasarkan penyebaran dalam geografi, dialek boleh dibahagikan kepada beberapa subdialek yang terletak di subkawasan tertentu (Asmah Hj. Omar, 2008). Walaupun terdapat perbezaan antara dialek atau subdialek dalam bahasa yang sama, penutur masih boleh memahami antara satu sama lain, yang disebut sebagai “*mutual intelligibility*” (Robins, 1968). Robins (1968) telah membezakan dialek daripada bahasa berdasarkan tiga kriteria utama. Salah satunya dinyatakan sebagai “bentuk pertuturan yang berbeza tetapi boleh difahami bersama, tanpa latihan khusus”. Ahli bahasa akan cenderung menumpukan pada kriteria pertama, iaitu kefahaman bersama, yang berkaitan dengan fakta linguistik secara khusus...”.

Selain dialek, fenomena bahasa yang boleh dibincangkan dalam merungkai pertalian antara bahasa dan masyarakat ialah fenomena penggunaan bahasa rojak. Bahasa rojak ialah suatu jenis percakapan di Malaysia yang ditakrifkan sebagai amalan beralih kod (mencampurkan pelbagai bahasa dalam satu pertuturan) yang serupa dengan Pijin, Manglish dan Singlish. Walau bagaimanapun, bahasa dasarnya merupakan bahasa Melayu. Menurut Asmah Hj. Omar (2007), bahasa rojak sebenarnya bahasa campur kod dan alih kod. Dalam sesuatu pertuturan atau perbualan, sama ada antara kaum yang berbeza seperti dalam filem dan pekerjaan atau profesion seseorang, boleh berlaku salah satunya dan boleh berlaku kedua-duanya. Yang dimaksudkan dengan bahasa rojak ialah wujudnya perkataan atau frasa daripada bahasa asing dalam bahasa yang dituturkan.

Fenomena penggunaan bahasa yang bercampur di media sosial dilihat semakin meluas pada hari ini. Penggunaan bahasa bercampur atau ‘rojak’ adalah merujuk jenis penulisan atau percakapan di Malaysia mencampurkan pelbagai bahasa dalam satu pertuturan. Dari segi sejarahnya, bahasa ‘rojak’ telah dikesan kewujudannya seawal zaman Kesultanan Melayu Melaka ketika perdagangan antarabangsa ditubuhkan oleh Parameswara pada tahun 1402 di Melaka (Hidayah Shafiee et al., 2019). Pelabuhan ini berjaya menarik pedagang yang secara keseluruhannya bertutur lebih daripada 80 bahasa. Akibat daripada peristiwa ini, proses awal pembentukan bahasa rojak dikatakan berlaku di Malaysia (Hidayah Shafiee et al., 2019). Penggunaan bahasa “rojak” sering digunakan oleh generasi Y dan Z pada masa kini dan fenomena ini dikhuatiri akan memberi kesan terhadap bahasa Kebangsaan. Hal ini

kerana faktor-faktor yang mempengaruhi bahasa rojak ini begitu meluas digunakan oleh masyarakat pada masa ini.

Bahasa mampu meningkatkan martabat seseorang bangsa di mata dunia, selain daripada menggambarkan watak seseorang individu. Hal ini kerana bahasa yang sopan dan beradab mencerminkan budi bahasa yang mulia, kemesraan, kelembutan, dan kesantunan masyarakat. Di Malaysia, bahasa Melayu berperanan sebagai alat untuk memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum tanpa mengira latar belakang dan perbezaan warna kulit. Dalam Perkara 152 Perlembagaan Malaysia, telah ditetapkan bahawa bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara Malaysia (Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67, 2006). Ungkapan “Bahasa Jiwa Bangsa” dan “Bahasa Menunjukkan Bangsa” merupakan dua slogan yang terkenal untuk menanamkan prinsip dan identiti dalam kalangan masyarakat di Malaysia.

Salah satu kekreatifan masyarakat penutur yang dilihat melalui kepenggunaan bahasa ialah melalui kewujudan bahasa slanga. Pada abad ke-21 ini, bahasa slanga merupakan bahasa yang sering digunakan dalam kalangan masyarakat tanpa mengira perbezaan usia, terutamanya ketika berkomunikasi di media sosial. Menurut Kamus Dewan Perdana (2020), slanga didefinisikan sebagai kata-kata atau ungkapan yang tidak tergolong dalam bahasa baku serta tidak digunakan dalam konteks percakapan tidak rasmi. Hal ini dikatakan demikian kerana, bahasa slanga ini ialah bahasa yang wujud disebabkan oleh suatu kelompok individu, bersifat tidak tetap, berubah mengikut masa tertentu dan hanya digunakan oleh kelompok tersebut sahaja. Misalnya, sebahagian daripada leksikal bahasa slanga yang dibentuk tidak akan kekal melainkan dituturkan secara berterusan sehingga difahami oleh semua lapisan masyarakat.

Penggunaan bahasa Slanga bolehlah ditanggapi sebagai satu trend atau fesyen bahasa terutama dalam golongan remaja pada masa kini (Julaina & Noratikah, 2023). Menurut Nik Safiah Karim (1996), penggunaan bahasa slanga tidak perlu dibendung kerana bahasa slanga tidak merebak dalam tulisan dan penggunaan rasmi. Hal ini dikatakan demikian kerana penggunaan slanga terhad dalam kalangan kumpulan sosial yang menuturkannya sahaja. Walau bagaimanapun, tanggapan terhadap bahasa slanga dilihat berbeza pada kaca mata Zuraidah (2016). Bahasa slanga dilihat sebagai satu fenomena bahasa yang mudah mempengaruhi penutur bahasa. Menurut Zuraidah (2016), bahasa slanga sebagai bersifat gejala bahasa, dianggap sebagai fesyen berbahasa, eksklusif dan unik tetapi terbatas. Malahan, penggunaan bahasa slanga

yang berterusan dalam kalangan masyarakat dalam dunia maya akan mendatangkan kesan terhadap martabat bahasa ibunda dan secara tidak sedar akan menjejaskan kedudukan bahasa Melayu standard (BMS) kerana kekeliruan makna yang berlaku. Tidak dapat dinafikan, bahasa slanga ini juga dapat membuktikan bahawa berlaku perkembangan bahasa dari semasa ke semasa seiring perubahan zaman dan sekaligus menunjukkan realiti bahasa dalam interaksi sosial masyarakat pada abad ini. Penggunaan slanga “gabra” agak terkenal sekitar tahun 2000 bagi menunjukkan maksud gemetar. Namun, penggunaan slanga ini agak kurang didengari pada masa kini, kerana penggunaannya telah digantikan dengan slanga “goyang” bagi merujuk maksud yang sama. Pada sekitar tahun 90-an, slanga “balak” digunakan secara meluas bagi merujuk makna teman lelaki. Ciri-ciri fizikal yang dipunyai oleh ‘balak’ seperti besar, kukuh dan tinggi telah menyebabkannya disamakan dengan ciri-ciri seorang lelaki yang berfungsi untuk melindungi. Walau bagaimanapun, sifat bahasa yang sentiasa berkembang telah mengubah kepada bentuk slanga yang lain seperti “pakwe” yang kekal digunakan sehingga ke hari ini.

KESIMPULAN

Kepelbagaian fenomena bahasa yang wujud secara tidak langsung merupakan hasil interaksi sosial yang berlaku dalam masyarakat. Hubungan pengguna dan penggunaan dilihat saling berkait rapat antara satu dengan yang lain. Secara keseluruhannya, variasi kepelbagaian dialek boleh dilihat dalam dua dimensi, iaitu dimensi ruang dan dimensi sosial. Variasi kepelbagaian bahasa yang disebabkan oleh faktor ruang geografi dikenali sebagai dialek daerah, manakala variasi kepenggunaan bahasa yang dilatari oleh faktor sosial pula dikenali sebagai dialek sosial ataupun dikenali sebagai variasi bahasa.

RUJUKAN

- Abdul Hamid Mahmood. (1993). *Guru dan Bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67. (2006). <http://www.agc.gov.my/agcportal/uploads/files/Publication/LOM/MY/Akta%2032.pdf>

- Asmah Hj. Omar. (2007). Taksonomi pertemuhan bahasa: Di manakah letaknya bahasa rojak? Paper presented at the *Seminar Bahasa Rojak: Kecelaruhan Penggunaan Bahasa Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. (2008). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J. T. (1986). *Antologi Kajian Dialek Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fazal Mohamed & Amir Imran. (2019). Variasi leksikal dialek Melayu di negeri Kedah.
- Kajian geolinguistik. *GEOGRAFIA Online Malaysian Journal of Society and Space* 15(4), 16–29.
- Fazal Mohammed Mohammed Sultan, Lam Kuok Choy, Al-Amril Othman & Amir Imran Jamil. (2021). Warisan Tak Ketara Kedah: Kajian Gis Dialek Melayu Kedah. *Journal of Education and Social Sciences*, 18(1), 5–14.
- Haliday, M.A.K. (1968). *The Users and Uses of Language, dalam Linguistics Sciences and Language Teaching*. Longmans.
- Hidayah Shafiee, Abdul Rahman, Ahmad Fahmi Mahamood & Abdul Rahman Abdul Manaf. (2019). Pengaruh bahasa rojak di media baharu terhadap bahasa Kebangsaan. *International Journal of Law Government and Communication*. 4(1), 141–153.
- Hill, A. A. (1958). *Introduction to Linguistic Structure*. Harcourt.
- Jamal Rizal Razali, Jamilah Bebe Mohamad & Hasmadi Hassan. (2021). Dialek keturunan Tok Linggi sebagai sumber istilah dan kearifan tempatan. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*, 12(1), 15–28.
- Julaina Nopiah, Junaini Kasdan & Mohd Faizal Mohamed Nor. (2023). Subdialek Mukim Bukit Kepong: Satu Kajian Rintis. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 7(1), 91–106.
- Julaina Nopiah & Noratikah Lawi. (2023). Bahasa Slanga dalam kalangan masyarakat di media sosial: Pendekatan semantik inkuisitif. *Jurnal Linguistik*, 27(2), 4.
- Kamus Dewan Perdana*. (2020). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mario, A.P. & Gaynor, F. (1960). *A Dictionary of Linguistics*. Adam & co.
- Muhammad Asip. (2022). *Hakikat Bahasa dan Pembelajaran Bahasa*. 10.31219/osf.io/g53kn.
- Nik Safiah Karim. (1996). *Siri Monograf Sejarah Bahasa Melayu: Unsur Bahasa Asing Dalam Bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Nik Safiah Karim. (2010). *Panorama bahasa Melayu sepanjang zaman*. Penerbit Universiti Malaya.
- Pateda, M. (1988). *Linguistik: Sebuah pengantar*. Penerbit Angkasa Bandung.
- Robins, R.H. (1968). *General Linguistics an Introductory Survey*. Longman.
- Salbia Hassan. (2015). Sistem Vokal Dialek Melayu Kabong, Sarawak. *Jurnal Bahasa*, 15(1), 78–112.
- Zuraidah Mohd Sulaiman. (2016). Slanga mengupayakan kreativiti berbahasa remaja Melayu dan Cina. *Dewan Bahasa*, 16(4), 22–25.

Analisis dan Interpretasi Data

Siti Yuliandi Ahmad

PENGENALAN

Pembentangan data dalam penerbitan dan penyelidikan adalah komponen penting yang membantu dalam pemahaman dan interpretasi dapatan. Hal tersebut berfungsi sebagai cara untuk berkomunikasi secara efektif hasil kajian dan memainkan peranan penting dalam membentuk impak keseluruhan penyelidikan. Menganalisis kaedah dan pendekatan yang digunakan dalam pembentangan data dalam jurnal penyelidikan dalam bahasa Melayu memberikan pandangan terperinci tentang trend dan amalan yang digunakan dalam domain akademik khusus ini. Dengan menyelidik jenis paparan visual, paparan, kekerapan dan tujuan yang mendasari penggunaannya, kajian ini bertujuan untuk menyumbang kepada pemahaman yang lebih luas tentang representasi data dalam konteks penyelidikan bahasa Melayu. Selain itu, analisis ini bertujuan untuk menyorot pelbagai pendekatan dan amalan yang digunakan dalam penyampaian dan interpretasi data dalam bidang pengajian bahasa Melayu, dengan harapan dapat menyumbang kepada kemajuan dan pengayaan penyelidikan dalam bidang bahasa Melayu.

Analisis data dan interpretasi melibatkan beberapa tujuan asas iaitu untuk mendapatkan maklumat awal berkenaan pemboleh ubah kajian atau fenomena yang ingin dikaji oleh penyelidik serta memberikan maklumat lengkap bagi pembuatan keputusan dalam penyelesaian masalah kajian. Kaedah penyelidikan kuantitatif melibatkan data berbentuk nombor dan statistik (Gnawali, 2022). Oleh itu, adalah penting untuk memahami konsep statistik sebelum pengumpulan dan analisis data dijalankan. Hal ini demikian kerana objektif yang telah ditetapkan oleh penyelidik

dalam kajian kuantitatif akan mempengaruhi skala pengukuran dan jenis statistik yang akan dijalankan kelak.

JENIS-JENIS SKALA PENGUKURAN DATA

Analisis data dan interpretasi melibatkan beberapa tujuan asas iaitu untuk mendapatkan maklumat awal berkenaan pemboleh ubah kajian atau fenomena yang ingin dikaji oleh penyelidik (Ling and Kee, 2020), serta memberikan maklumat lengkap bagi pembuatan keputusan dalam penyelesaian masalah kajian.

Kaedah penyelidikan kuantitatif melibatkan data berbentuk nombor dan statistik. Oleh itu, adalah penting untuk memahami konsep statistik sebelum pengumpulan dan analisis data dijalankan. Hal ini demikian, objektif yang telah ditetapkan oleh penyelidik dalam kajian kuantitatif akan mempengaruhi skala pengukuran dan jenis statistik yang akan dijalankan kelak. Kajian kuantitatif terbahagi kepada dua iaitu analisis deskriptif dan analisis inferensi. Analisis deskriptif digunakan untuk menerangkan rumusan atau ciri ciri pemboleh ubah kajian. Kebiasaannya, rumusan pemboleh ubah melibatkan ukuran kecenderungan memusat seperti min, mod dan median.

Analisis inferensi mempunyai dua fokus utama iaitu untuk mengkaji hubungan antara pemboleh ubah atau melihat perbezaan antara kumpulan. Dapatan daripada analisis inferensi boleh digunakan untuk membuat generalisasi keputusan kajian kepada populasi kajian. Melalui pemilihan teknik persampelan yang tepat, pengkaji dapat membuat rumusan berkenaan populasi sesebuah kajian. Sebelum membuat objektif kajian kuantitatif. Pengkaji perlu memahami jenis-jenis skala pengukuran yang ada dalam statistik kajian kuantitatif. Kajian kuantitatif menggunakan empat jenis skala pengukuran data dalam soal selidik: Nominal, Ordinal, Sela, dan Nisbah.

- Skala Nominal: Disusun mengikut kategori tanpa susunan tertentu. Contoh: Jantina (1 = Lelaki, 2 = Perempuan).
- Skala Ordinal: Data disusun mengikut nilai tertentu dengan susunan. Contoh: Tahap kepuasan (1 = Sangat Tidak Berpuas Hati hingga 5 = Sangat Berpuas Hati).
- Skala Sela: Data disusun dengan jarak yang sama antara kategori tanpa nilai kosong mutlak. Contoh: Suhu.

- Skala Nisbah: Sama seperti skala sela tetapi mempunyai nilai kosong mutlak. Contoh: Panjang, berat.

KEPENTINGAN MEMAHAMI SKALA PENGUKURAN DAN OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian kuantitatif akan mempengaruhi jenis statistik yang akan dijalankan. Contoh:

- Objektif 1: Mengenal pasti tahap pencapaian pelajar bagi kursus BMCO 4101. Analisis yang digunakan adalah deskriptif dengan skala nominal atau sela.
- Objektif 2: Mengkaji hubungan antara minat dan motivasi pelajar BMCO 4101. Analisis inferensi digunakan dengan statistik Pearson atau Spearman.

KEBOLEHPERCAYAAN DAN KESAHAN DALAM KAJIAN KUANTITATIF

Penyelidikan kuantitatif adalah merupakan jenis penyelidikan yang menggunakan rancangan pengkajian berdasarkan prosedur statistik atau dengan kata lain dari kuantifikasi (butiran mengikut jumlah unit dan angka) untuk mengukur pemboleh ubah (variabel) dalam penyelidikannya. Kajian berteraskan kepada kaedah kuantitatif ini bersifat positivisme logik dan hanya memfokuskan kepada *variables* yang ingin dikaji sahaja tanpa mengaitkannya dengan sebarang peristiwa. Dari aspek pengukurannya, kaedah ukurannya adalah bersifat rigid dan terikat yang meliputi kepelbagaian kes, subjek serta bersifat praktikal. Kajian berbentuk kuantitatif ini juga mementingkan realiti yang bersifat stabil dari hasil kajian, berorientasikan hasil serta melibatkan analisis statistik sebagai kaedah empirikal dalam mengukur variabel yang terlibat.

Menggunakan logik deduktif, sebarang perspektif dari orang luar atau penyelidik adalah tidak terlibat sama sekali dan hanya fakta-fakta objektif sahaja yang diukur tanpa mengambil kira realiti dan makna budaya (Cook & Campbell, 1979). Namun, penyelidik kuantitatif masih perlu menguji dan menunjukkan bahawa kajian mereka boleh dipercayai. Kredibiliti dalam penyelidikan kuantitatif bergantung pada pembinaan instrumen (Judge, Thoresen, Bono & Patton, 2001). Oleh yang demikian, apabila penyelidik kuantitatif mengulas mengenai kesahan

dan kebolehpercayaan dalam penyelidikan, hal tersebut merujuk kepada penyelidikan yang boleh dipercayai.

Apabila membincangkan konsep kebolehpercayaan dalam kajian kuantitatif, pastinya terdapat kepelbagaian pandangan dalam menentukan pentakrifan kebolehpercayaan dari paradigma yang berbeza. Kirk dan Miller (1986) mentakrifkan kebolehpercayaan dalam kajian kuantitatif sebagai sesuatu yang merujuk kepada (1) darjah pengukuran, meskipun diuji berulang kali, kekal sama (2) kestabilan ukuran merentas masa dan (3) pengukuran yang sama dalam jangka masa yang berbeza. Chua Yan Piau (2014) pula telah memperincikan tiga kategori pengkaedahan dalam menentukan kebolehpercayaan dalam kajian kuantitatif iaitu Kaedah Ujian Pra Pasca, Kaedah Pemisahan Separa dan Kaedah Konsistensi Dalaman.

Melalui kaedah pemisahan separa (*split-half*), item-item yang hadir dalam suatu ujian dipisahkan secara rawak kepada dua kumpulan. Berdasarkan penjumlahan skor dalam kedua-dua kumpulan tersebut, penganalisan nilai korelasi dilakukan antara kedua-dua skor tersebut. Sekiranya nilai korelasi yang dicatatkan oleh kedua-dua skor adalah tinggi, maka dapat dirumuskan bahawa item-item dalam ujian tersebut mempunyai kebolehpercayaan dalaman (*internal reliability*) yang tinggi. Melihat kepada kaedah konsistensi dalaman (*internal consistency approach*) pula, nilai korelasi dicari berdasarkan kepada skor setiap item dalam ujian dengan perjumlahan skor bagi semua item yang hadir dalam ujian atau juga disebut sebagai skor indeks ujian. Terdapat dua keadaan dalam menganalisis nilai korelasi bagi kaedah ini:

- a. Item berkolerasi tinggi dengan skor indeks ujian mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.
- b. Item berkolerasi rendah dengan skor indeks ujian mempunyai kebolehpercayaan yang rendah dan tersingkir dari ujian.

KEBOLEHPERCAYAAN DAN KESAHAN DALAM KAJIAN KUALITATIF

Kajian penyelidikan berbentuk kualitatif adalah suatu kajian yang bersifat fenomenologis yang memfokuskan kepada sesuatu proses dan peristiwa secara aktif dalam membina realiti dan makna budaya secara holistik (Tahajuddin et al, 2021). Berteraskan kaedah kualitatif, kajian

jenis ini adalah berorientasikan proses serta lebih mementingkan realiti yang bersifat dinamik dari hasil pengkajian.

Analisis kualitatif yang dilakukan adalah berasaskan kepada analisis tematik serta mengguna pakai logik induktif iaitu suatu proses berfikir dari hal yang umum menuju kepada hal yang khusus. Pemerhatian dalam konteks kajian kualitatif ini adalah bersifat semula jadi dan bebas serta memfokuskan kepada sedikit sahaja kes dan subjek berteraskan paradigma holistik. Penyelidik kajian kualitatif ini juga lebih dekat dengan data iaitu sebarang perspektif melibatkan orang dalam atau penyelidik itu sendiri terlibat secara langsung dalam kajian (Reichardt & Cook, 1979). Walau bagaimanapun, kedua-dua penyelidik kualitatif dan kuantitatif perlu menguji dan menunjukkan bahawa kajian mereka boleh dipercayai. Walaupun kredibiliti dalam penyelidikan kuantitatif bergantung kepada pembinaan instrumen, dalam penyelidikan kualitatif, penyelidik itu sendiri adalah instrumen (Patton, 2001).

Bagi memahami makna kebolehpercayaan ini, adalah penting untuk meneliti setiap definisi yang diberikan oleh pengkaji kualitatif dari perspektif yang berbeza. Kebolehpercayaan ialah dapatan penyelidikan itu mempunyai replikasi apabila penyelidikan dilakukan dalam situasi yang sama. Chua Yan Piaw (2014) juga menghuraikan kebolehpercayaan dalam sesuatu penyelidikan sebagai merujuk kepada keupayaan kajian itu untuk memperoleh nilai serupa apabila pengukuran yang sama diulangi. Namun begitu, kebolehpercayaan adalah sukar untuk ditentukan dengan tepat dalam penyelidikan kualitatif kerana perlakuan manusia bukan statik meskipun dalam situasi yang sama apabila membuat replikasi atau pengulangan kajian. Oleh itu, dapat difahami bahawa dalam konteks penyelidikan kualitatif, konsep kebolehpercayaan adalah berkait dengan soal kebolehsandaran dan ketekalan data yang dikumpul iaitu persoalan utamanya adalah bukan dapatan yang sama akan ditemui semula tetapi keputusan atau dapatan kajian itu adalah tekal dengan data yang dikumpul (Othman Lebar, 2009).

Dalam mengenal pasti strategi-strategi yang boleh diambil bagi meningkatkan kebolehpercayaan kajian kualitatif, Chua Yan Piaw (2014) telah menggariskan beberapa strategi penting yang harus dipertimbangkan pengkaji ketika menjalankan kajian iaitu dengan teknik menggunakan kaedah triangulasi, menggunakan pengkaji terlatih, menggunakan pemeriksaan rakan sebaya dan terakhirnya menggunakan alat pencatat sebagai bukti.

JENIS ANALISIS STATISTIK

Beberapa jenis analisis statistik digunakan berdasarkan skala pengukuran dan objektif kajian:

- T-Test: Membandingkan min antara dua kumpulan (Nominal/Ordinal dengan Sela/Nisbah).
- ANOVA: Membandingkan min antara tiga kumpulan atau lebih.
- Chi-square: Menguji hubungan antara pemboleh ubah kategori.
- Spearman Rho dan Pearson Correlation: Mengukur kekuatan dan arah hubungan antara pemboleh ubah.
- Regression: Meramalkan pemboleh ubah bersandar berdasarkan satu atau lebih pemboleh ubah bebas.

LANGKAH-LANGKAH MERANGKA SOAL SELIDIK

Tinjauan atau *survey* menunjukkan data yang dikumpulkan melalui soal selidik yang diberikan kepada sampel kajian. Sampel harus dipilih dengan teliti supaya mewakili populasi keseluruhan dan dapatan dapat digeneralisasikan. Langkah-langkah berikut harus diikuti dalam merancang dan melaksanakan tinjauan:

1. Kenal pasti masalah, objektif, dan/atau hipotesis kajian.
2. Mengkaji literatur yang berkaitan.
3. Tentukan kandungan soal selidik.
4. Pilih kaedah tinjauan yang sesuai.
5. Kembangkan draf soal selidik.
6. Minta pakar menyemak soal selidik dan buat pembedulan.
7. Uji semula soal selidik dan buat pembedulan.
8. Tetapkan prosedur untuk pengkodan, memasukkan, dan menganalisis data.
9. Semak soal selidik terakhir.
10. Lakukan pemeriksaan bias tanpa respons jika kadar tindak balas rendah.
11. Masukkan dan analisis jawapan serta buat laporan dapatan kajian.

PANDUAN MENYEDIAKAN SOAL SELIDIK

Terdapat beberapa panduan dalam membentuk soal selidik:

1. Kenali jenis maklumat yang diperlukan: Tentukan maklumat yang tepat yang diinginkan daripada responden.
2. Gunakan soalan berskala tetap atau tertutup: Lebih mudah dianalisis dan meningkatkan kadar respons.
3. Gunakan bahasa yang mudah difahami: Elakkan penggunaan ayat yang rumit.
4. Gunakan ayat yang pendek: Soalan yang panjang boleh membebankan responden.
5. Elakkan soalan dengan dua makna: Pisahkan soalan dengan makna berbeza.
6. Kurangkan soalan sensitif: Ubah soalan sensitif kepada bentuk kategori.
7. Tentukan singkatan dan akronim: Pastikan responden memahami istilah yang digunakan.
8. Elakkan soalan yang terlalu sukar: Soalan yang memerlukan pengiraan yang rumit harus dielakkan.

Contoh Soalan Soal Selidik

- Bahagian A (Latar Belakang Responden):
 - » Umur, Jantina
- Bahagian B (Minat dan Motivasi):
 - » Pernyataan dinilai pada skala (1 = Sangat Tidak Setuju hingga 5 = Sangat Setuju)

Pertimbangan Statistik

Soalan dalam soal selidik harus mempertimbangkan keperluan statistik:

- Kebolehpercayaan dan Kesahan: Pastikan soalan mengukur perkara yang sepatutnya diukur.

- Skala: Gunakan skala berterusan untuk analisis statistik yang lebih kompleks.

ANALISIS TEMATIK DALAM BIDANG BAHASA MELAYU

Analisis tematik adalah kaedah analisis kualitatif yang digunakan untuk mengenal pasti, menganalisis dan melaporkan corak (tema) dalam data. Dalam konteks kajian bahasa Melayu, analisis tematik membantu dalam memahami makna dan struktur bahasa (Yusda, 2024) serta memberikan pandangan mendalam tentang bagaimana bahasa digunakan dalam pelbagai konteks sosial dan budaya (Nababan 2024).

Langkah-langkah dalam Analisis Tematik

Analisis tematik biasanya melibatkan enam langkah utama, yang diadaptasi dan diimplementasikan dalam kajian bahasa Melayu:

1. Memahami Data: Membaca dan memahami keseluruhan data yang telah dikumpulkan. Ini melibatkan membaca berulang kali dan membuat nota awal.
2. Mengenal pasti Kod Awal: Mengenal pasti segmen data yang bermakna dan memberikan label atau kod kepada segmen tersebut. Kod adalah bentuk ringkasan atau penjelasan data.
3. Mencari Tema: Mengelompokkan kod yang serupa atau berkaitan untuk membentuk tema. Tema adalah corak penting dalam data yang memberikan makna tertentu.
4. Menilai Tema: Memeriksa tema yang telah dikenalpasti dan memastikan ia relevan dan berguna untuk menjawab soalan penyelidikan.
5. Definisi dan Nama Tema: Menentukan tema dengan lebih terperinci dan memberikan nama yang jelas dan deskriptif kepada setiap tema.
6. Laporan Penulisan: Menulis laporan yang menggambarkan tema yang telah dikenalpasti dan bagaimana ia berkaitan dengan soalan penyelidikan. Laporan harus menyertakan petikan data yang relevan untuk menyokong penemuan.

APLIKASI ANALISIS TEMATIK DALAM KAJIAN BAHASA MELAYU

1. Kajian Komunikasi Bahasa
Dalam kajian bahasa komunikasi, analisis tematik boleh digunakan untuk mengkaji dialek, penggunaan kata dan struktur ayat dalam pertuturan harian. Contohnya, penyelidik boleh menganalisis perbualan dalam dialek Kelantan untuk mengenal pasti tema seperti penggunaan kata kunci budaya, perbezaan gender dalam pertuturan dan gaya komunikasi dalam konteks tertentu.
2. Kajian Bahasa Tulisan
Analisis tematik juga berguna dalam kajian teks bertulis, seperti analisis sastera, dokumen rasmi dan media sosial. Penyelidik boleh mengenal pasti tema dalam karya sastera Melayu seperti motif kemerdekaan, identiti budaya dan konflik sosial. Dalam kajian dokumen rasmi, tema seperti penggunaan bahasa formal, peraturan bahasa dan penyeragaman istilah dapat dikenal pasti.
3. Kajian Pengajaran Bahasa
Dalam konteks pengajaran bahasa, analisis tematik boleh digunakan untuk menilai bahan pengajaran, buku teks dan kurikulum. Penyelidik boleh mengenal pasti tema seperti pendekatan pengajaran, penggunaan bahan bantu mengajar dan keberkesanan strategi pengajaran. Ini membantu dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu.

Contoh Analisis Tematik dalam Kajian Bahasa Melayu

Sebagai contoh, kajian tentang penggunaan bahasa dalam media sosial boleh menggunakan analisis tematik untuk mengenal pasti tema seperti:

- Bahasa Slang: Penggunaan kata dan frasa slang dalam komunikasi sehari-hari di media sosial.
- Emosi dan Ekspresi: Bagaimana pengguna media sosial menyatakan emosi mereka melalui bahasa.
- Kebudayaan Pop: Rujukan kepada budaya pop dalam komunikasi di media sosial.
- Hubungan Sosial: Bagaimana bahasa digunakan untuk membina dan mengukuhkan hubungan sosial dalam platform digital.

KESIMPULAN

Analisis tematik memberikan alat yang berkuasa untuk memahami dan menafsirkan data kualitatif dalam kajian bahasa Melayu. Dengan mengenal pasti tema yang penting, penyelidik dapat memberikan wawasan yang lebih mendalam tentang penggunaan dan makna bahasa dalam pelbagai konteks. Ini bukan sahaja memperkayakan pemahaman kita tentang bahasa Melayu tetapi juga memberikan sumbangan yang bermakna kepada bidang linguistik dan kajian budaya.

RUJUKAN

- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101.
- Chua, Y. P. (2014). *Kaedah dan statistik penyelidikan: Ujian univariat dan multivariat* (Buku 4, Edisi ketiga). McGraw-Hill Education.
- Fereday, J., & Muir-Cochrane, E. (2006). Demonstrating rigor using thematic analysis: A hybrid approach of inductive and deductive coding and theme development. *International Journal of Qualitative Methods*, 5(1), 80–92.
- Gnawali, Y. (2022). Use of mathematics in quantitative research. *Ganeshman Darpan*, 7(1), 10–15. <https://doi.org/10.3126/gd.v7i1.53528>
- Merriam S. B., & Tisdell, E. J. (2015). *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation*. John Wiley & Sons.
- Ling, O. & Kee, C. (2020). Penerokaan isu penguasaan kemahiran insaniah graduan ukm dari perspektif stops. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication*, 36(3), 247–265. <https://doi.org/10.17576/jkmjc-2020-3603-15>
- Nababan, W. (2024). Tantangan bahasa di era digital terhadap kesalahan berbahasa dalam komunikasi media sosial. *JBDI*, 1(3). <https://doi.org/10.47134/jbdi.v1i3.2602>
- Nunnally, J.C. (1978). *Psychometric Theory* (2nd ed.). McGraw-Hill.
- Othman Lebar. (2009). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metod*. Penerbit UPSI.
- Pallant, J. (2016). *SPSS Survival Manual: A Step by Step Guide to Data Analysis Using SPSS Program* (6th ed.). McGraw-Hill Education.
- Tahajuddin, S., Kassim, A., Justine, J., & Ibrahim, I. (2021). Cabaran dalam proses kutipan data kaedah kualitatif ketika perintah kawalan pergerakan (pkp) dan

pandemik covid-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(9), 35–48. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i9.1034>

Yusda, M. (2024). Tematik struktur dalam ungkapan penyintas bencana alam pada teks jurnalistik daring. *Jurnal Ilmiah Ilmu Pendidikan (JIIP)*, 7(2), 2008–2018. <https://doi.org/10.54371/jiip.v7i2.3357>

Etika Sosial, Protokol dan Komunikasi

Halimah Pondo

Etika secara etimologinya berasal dari bahasa Yunani, iaitu *ethos* yang ertinya kebiasaan. Dalam istilah falsafah etika ialah ilmu tentang sesuatu yang biasa dilakukan atau ilmu tentang adat yang menjadi pegangan sesuatu bangsa. Etika merupakan suatu nilai yang wujud dalam semua masyarakat di dunia. Ia merupakan ilmu pengetahuan yang membahas mengenai disiplin atau peraturan yang menjadi pegangan bagi menentukan sama ada sesuatu perbuatan itu baik atau buruk.

Secara epistemologinya etika dan moral sering diperdebatkan oleh para cediakawan. Etika merupakan salah satu cabang ilmu yang dapat memberi maklumat kepada kita apakah sistem moral yang diamalkan oleh satu-satu kelompok manusia tertentu. Etika wujud dan menjadi pegangan tanpa mengira sama ada seseorang bersendirian ataupun berada di khalayak. Pegangan sesuatu etika yang kukuh di dalam diri seseorang menjadikan seseorang itu dihormati. Moral pula ialah hal-hal yang mendorong manusia berperilaku baik atau norma. Beberapa pendapat berkaitan etika ialah seperti di bawah;

Konsep Etika

Menurut K. Bertens (2007), dalam buku etikanya menjelaskan bahawa etika iaitu *ethos* dalam bentuk tunggal memiliki banyak erti antara lain kebiasaan, adat, akhlak, watak, perasaan, sikap dan cara berfikir. Dan dalam bentuk adat kebiasaan berkaitan dengan kebiasaan hidup yang baik, tatacara hidup yang baik, baik pada diri seseorang atau kepada

masyarakat. Manakala menurut Nurdin (2017), pengertian etika berkaitan dengan empat perkara iaitu;

- a. Dilihat dari segi objeknya etika berusaha membahas alasan secara filosofi (*rationing*) perbuatan yang dilakukan oleh manusia.
- b. Dilihat dari segi sumbernya, etika bersumber daripada akal fikiran dan falsafah. Sebagai hasil pemikiran, etika tidak bersifat mutlak dan tidak pula *universal*.
- c. Dilihat dari segi fungsinya, etika berfungsi sebagai penilai, penentu dan penetap terhadap suatu perbuatan yang dilakukan oleh manusia, iaitu perbuatan yang dilakukan manusia iaitu apakah perbuatan itu akan dinilai baik atau buruk, mulia atau hina terhadap sejumlah perilaku yang dilakukan oleh manusia. Ia merupakan konsep atau pemikiran mengenai nilai-nilai yang digunakan dalam menentukan posisi atau perbuatan yang dilakukan manusia. Etika menjurus pada pengkajian sistem nilai yang ada.
- d. Dilihat dari segi sifatnya etika berperanan sebagai konsep yang bersifat *relative* iaitu berubah-ubah sesuai dengan tuntutan ruang dan waktu.

Maka dapat dikatakan bahawa etika merupakan ilmu yang menyentuh berkenaan prinsip-prinsip akhlak atau moral atau nilai-nilai akhlak yang menjadi pegangan seseorang individu atau sesuatu kumpulan iaitu (persatuan, pekerjaan dan lain-lain). Etika juga merupakan satu panduan bagaimana sesebuah tatacara menguruskan sesuatu urusan atau bidang.

Konsep Etika Sosial

Etika sosial berkaitan dengan ruang lingkup yang luas. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Abdurrozzaq Hasibuan (2017), iaitu diperlihatkan hubungan manusia dengan manusia baik secara individu atau dengan kelompok baik secara langsung mahupun tidak langsung. Etika sosial berbicara mengenai kewajiban dan hak, sikap dan pola perilaku manusia sebagai makhluk sosial dalam interaksinya dengan sesamanya. Etika sosial berkaitan hubungan antara manusia dengan manusia dan hubungan individual antara orang yang satu dengan orang yang lain. Ia juga menyentuh interaksi sosial secara bersama, termasuk dalam

bentuk institusi yang melibatkan keluarga, masyarakat, negara, serta pola perilaku dalam bidang kegiatan masing-masing.

Konsep Protokol

Perkataan protokol berasal daripada bahasa Yunani, *protokollen* yang merupakan gabungan dua kata dasar, iaitu *protos* dan *koll*. *Protos* bermaksud yang pertama, manakala *koll* bermakna pelekat. Perkataan protokol jika diterjemahkan membawa maksud pelekat yang pertama merujuk sehelai kertas yang ditampalkan pada dokumen undang-undang untuk membuktikan kesahihannya.

Amalan Protokol Dalam Komunikasi

Protokol merupakan peraturan atau tatacara yang perlu diamalkan dalam memenuhi agenda kehidupan bermasyarakat. Peraturan atau tatacara ini diterima oleh semua pihak sama ada dalam hubungan antarabangsa, hubungan dalam masyarakat atau dalam pelbagai istiadat atau majlis rasmi dan bukan rasmi. Amalan protokol di dalam komunikasi penting membentuk seseorang itu menjadi orang yang beretika tinggi. Amalan protokol kini diamalkan di dalam pelbagai aspek kehidupan, iaitu:

- Amalan Protokol Individu
Amalan protokol individu meliputi pembawaan atau tingkah laku yang ditunjukkan dapat memberi gambaran tentang personaliti seseorang.
- Amalan Protokol dalam Keluarga
Orang muda mengutamakan orang lebih tua, bapa dan adik. Bapa sebagai pemimpin keluarga dihormati oleh isteri dan anak-anak. Tatasusila tanpa bertulis ini wujud dalam hubungan kekeluargaan yang menjadi ikutan ahli-ahlinya.
- Amalan Protokol dalam Masyarakat
Amalan protokol dalam masyarakat dapat dilihat misalnya menerusi memberi dan menjawab salam apabila bertemu, bertanya khabar dan sebagainya. Masyarakat yang tidak menghormati pemimpin dianggap masyarakat tidak beretika.

- Amalan Protokol dalam Majlis
Bertujuan supaya perlaksanaannya berjalan lancar dan teratur. Mengabaikan protokol boleh mencacatkan majlis yang dianjurkan.
- Protokol Majlis Istana
Majlis yang diadakan di istana memerlukan hadirin mematuhi protokol istana seperti ketertiban berpakaian, penggunaan bahasa istana apabila bertutur dengan tuanku, cara duduk, tertib semasa makan dan tertib menghadap tuanku.
- Amalan Protokol Antarabangsa
Meliputi cara susunan keutamaan perwakilan asing di Malaysia dan cara sambutan perwakilan.

Perbezaan Konsep Etika dan Etiket Sosial

Ramai yang menyatakan bahawa konsep etika dan etiket mempunyai makna yang sama. Menurut Rohaida Mashud (2021), etiket merupakan suatu peraturan sosial yang menjadi kelaziman kepada suatu masyarakat. Pada umumnya suatu bangsa yang terdapat di dunia ini mempunyai adat dan peraturan berkenaan kesopanan (terutamanya dalam kehidupan sosial atau dalam profesion tertentu). Untuk mengetahui perbezaan antara etika dan etiket ialah dengan melihat bagaimana tindak tanduk seseorang apabila berada di khalayak ramai di dalam situasi.

Etiket merupakan aturan yang dicipta bertujuan menjaga hubungan dengan orang lain agar komunikasi yang berlangsung dengan baik dan akrab. Etiket merujuk satu tingkah laku dan sopan santun ketika berinteraksi dengan individu atau masyarakat sekeliling. Perkara ini melibatkan tingkah laku, budi pekerti, imej serta keyakinan diri yang baik yang diamalkan dalam masyarakat sama ada dalam majlis rasmi atau tidak rasmi.

Kepentingan Etiket Sosial

- i. Menggambarkan betapa murni baiknya tatacara manusia.
- ii. Tidak menyinggung mana-mana tetamu atau pihak di dalam majlis.
- iii. Menjaga kemuliaan dan kedudukan seseorang yang menghadiri majlis.
- iv. Mengutamakan dan memuliakan tuan rumah atau penganjur majlis.

Sepuluh Elemen Etiket Sosial

Terdapat sepuluh elemen etiket yang penting mengikut situasi. Elemen tersebut adalah:

1. Cita rasa berpakaian
2. Kesesuaian pakaian dalam pelbagai situasi
3. Penampilan dan pengayaan diri
4. Kesopanan dalam pertemuan dan perkenalan
5. Kemahiran dalam perbualan sosial
6. Kesopanan dalam menghadiri majlis jamuan ringan
7. Kesopanan dalam menghadiri majlis jamuan secara bufet
8. Kesopanan tuan rumah dan kesopanan tetamu dalam majlis formal
9. Ketertiban dalam menghadiri pelbagai majlis formal, dan
10. Tertib di meja makan.

Etika di Dalam Pergaulan: Strategi dan Hubungan Jangka Masa Panjang

Etika ialah ilmu yang membahas tentang moraliti manusia. Cara lain untuk merumuskan hal yang sama adalah etika merupakan ilmu yang menyelidiki tingkah laku moral. Etika mempunyai peranan yang sangat strategis dalam meningkatkan kualiti diri individu dalam hidup berkelompok di tengah masyarakat yang memiliki nilai dan norma tersendiri. Etika di dalam pergaulan terbahagi beberapa jenis iaitu :

Jenis Etika

- Etika Pergaulan
- Etika Bicara
- Etika Berbusana dan Penampilan

Etika Pergaulan

Etika pergaulan meliputi beberapa perkara iaitu, menghargai orang lain, menjadi contoh yang baik kepada orang lain, tidak menyinggung perasaan orang lain, mengganggu, menyakiti, Sopan-santun, ramah, sentiasa bersikap menyenangkan orang selalu menggembirakan orang walau diri sendiri kecewa. Sentiasa mendahulukan persahabatan dan memberi kerjasama yang baik apabila diperlukan.

Etika Berbicara

Etika berbicara meliputi beberapa aspek iaitu, saling menghargai (*mutual respect*), berbicara dengan jelas, (*speak up*), mendengar dengan bersungguh-sungguh (*careful listening*), kemahiran berkomunikasi (*communication ability*) dan berfikiran positif (*positive thinking*).

Etika Berbusana dan Keterampilan Diri

Etika berbusana merupakan alat kelengkapan kemuliaan keperibadian untuk membina, membela dan memelihara harga diri apabila berdamping dengan orang lain. Keterampilan diri dapat dilihat menerusi tiga dimensi iaitu boleh dilihat: tatarias/kemasan diri, boleh dilihat dan dirasa: hemah diri/ sikap dan boleh dilihat dan dihidu : kebersihan (*hygiene*).

Etiket dan Protokol dalam Majlis, Susunan Bendera, Potret Rasmi dan Tempat Duduk

Etiket dan protokol dalam majlis meliputi susunan bendera, gambar rasmi dan tempat duduk. Susunan bendera bergantung bendera-bendera dikibarkan atau dihamparkan. Keutamaan susunan bendera di Malaysia berdasarkan surat-surat pekeliling berkaitan bendera yang masih berkuat

kuasa sehingga kini, iaitu Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.8/1975 dan Surat Pekeliling Am Bil. 3/1994.

Bendera Malaysia dan Terminologi Bendera

Pengisytiharaan Jalur Gemilang telah dilakukan oleh Tun Dr Mahathir bin Mohamad pada 31 Ogos 1997, pukul 11.58 malam di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur. Terminologi bendera terbahagi kepada beberapa bahagian, iaitu lebar (*width*), panjang (*length*), canton, bahagian atas (*top/head*), bahagian bawah (*botton/foot*), kepala (*hoist*) dan ekor (*fly*). Beberapa kriteria yang perlu diberi perhatian pemasangan bendera Malaysia ialah jenis dan ukuran bendera, susunan keutamaan bendera, keutamaan pengibaran bendera, tempat dan masa pengibaran bendera.

Susunan Potret Rasmi

Susunan potret rasmi mengikut pekeliling di organisasi pendidikan bertujuan untuk memaklumkan kedudukan raja-raja dan ketua-ketua kerajaan pemerintah serta ketua-ketua negeri di Malaysia. Potret rasmi digantung berdasarkan Surat Pekeliling Am Bilangan 3 tahun 2014 Tatacara Penggantungan Potret Rasmi. Potret rasmi yang digantung ialah potret yang terkini dan di dalam keadaan sempurna. Sekiranya terdapat potret rasmi lama dan tidak digunakan lagi potret itu perlulah dihapus dan dilupus.

Susunan Tempat Duduk

Susunan tempat duduk perlu mengikut susunan keutamaan atau kekananan tetamu yang diundang. Hal ini bertujuan untuk mengelakkan kepincangan dari segi pengurusan sesuatu majlis terutama sekali apabila terdapat tetamu terhormat.

Etiket dan Protokol di Meja Makan

Untuk menjadi seorang yang dihormati dan disanjung tinggi oleh masyarakat, seseorang perlu mempunyai budi pekerti dan sopan santun yang mulia agar beliau senang didampingi dalam sesuatu majlis.

Ketika di meja makan, pemimpin haruslah menjaga tingkah laku kerana setiap gerak geri diperhatikan orang ramai. Oleh itu, pemimpin perlu mengambil berat tentang tatacara semasa duduk di meja makan terutama sekali semasa menghadiri majlis jamuan rasmi.

Unsur-unsur Etiket

Etiket mengandungi beberapa unsur antaranya, etiket berpakaian, pakaian dalam pelbagai situasi, pengayaan diri, pertemuan dan perkenalan, perbualan sosial, adab makan pelbagai kaum di Malaysia, kesopanan menghadiri majlis jamuan ringan, mengenali peralatan jamuan, cara menghidang dan tertib di meja makan.

Protokol di Meja Makan

Protokol di meja makan melibatkan etika seseorang di meja makan. Diperlihatkan dengan cara adab dan sopan semasa makan, Duduk dengan postur yang betul semasa di meja makan. Rapatkan kaki. Letakkan napkin di atas riba. Tunggu sehingga semua orang berada di meja sebelum mula makan. Bongkokkan badan sedikit semasa menyuap makanan. Gunakan sudu-garpu atau pisau-garpu dengan betul dan senyap.

Semasa Makan dan Minum

Antara beberapa perkara penting yang harus dielakkan semasa makan dan minum ialah jangan mencela makanan, hormati orang yang lebih tua. Makan dan minum di dalam keadaan yang sederhana, kurangkan percakapan ketika mulut penuh, jangan meniup makanan yang panas dan berhenti sebelum kenyang.

Tatasajian

Tatasajian bermaksud susunan, sistem, tatatertib, tatakerja atau peraturan sajian. Tatasajian meliputi perihal peraturan susunan pinggan, mangkuk dan perunggu meja di atas meja makan. Tatacara susunan pinggan mangkuk adalah berbeza mengikut bangsa atau kaum tertentu. Pada umumnya terdapat dua cara sajian timur dan barat. Tatasajian cara timur pula terbahagi kepada tiga, iaitu tatasajian Melayu, Cina dan India.

Etika dalam Komunikasi

Etika Komunikasi di dalam media sosial memperlihatkan perilaku benar atau salah, tingkah laku atau perilaku manusia di dalam media sosial. Fungsi etika di dalam komunikasi ialah sebagai penilai, penentu dan penetap terhadap sesuatu perbuatan yang dilakukan oleh manusia iaitu apakah perbuatan tersebut akan dinilai baik, buruk, mulia, terhormat hina dan sebagainya.

Tujuan Etika Komunikasi

- Perubahan sikap (*attitude change*)
- Perubahan pendapat (*opinion change*)
- Perubahan perilaku (*behavior change*)
- Perubahan sosial (*social change*)

Fungsi Etika

- Menyampaikan informasi (*to inform*)
- Mendidik (*to educate*)
- Menghiburkan (*to entertain*)
- Mempengaruhi (*to influence*)

Manfaat Etika Komunikasi

- Melancarkan komunikasi dengan orang lain
- Memahami apa yang dikomunikasikan orang lain
- Diterima oleh sosial masyarakat kerana mengikuti etika yang berlaku
- Memperkuat hubungan yang terjadi dengan orang lain
- Pesan yang disampaikan dapat diterima dengan lebih jelas
- Tidak bertindak sembarangan dalam berkomunikasi

PENAMPILAN DIRI, PEMILIHAN GAYA/ PAKAIAN KE MAJLIS RASMI

Tatahias pakaian dan Gaya

Pakaian bagi sesuatu majlis adalah tertakluk kepada tahap atau taraf majlis tersebut. Penampilan seseorang individu dalam sesuatu urusan rasmi sentiasa diiringi oleh dua bentuk imej, iaitu:

- Imej organisasi di mana ia berkhidmat
- Imej peribadi

Kesesuaian Pakaian Wanita

Seseorang wanita perlu mengelakkan daripada memakai kain berkilat atau berkilau pada siang hari. Bagi aspek pemilihan warna pula, elakkan daripada memakai satu warna sahaja, dan jangan melebihi empat warna pada satu masa. Pemilihan warna kain hendaklah berasaskan kepada warna kulit dan bentuk badan. Jangan terikut-ikut fesyen yang mungkin tidak sesuai. Gunakan kain jenis nipis, lembut dan serap tetapi tidak jarang.

Kesesuaian Pakaian Lelaki

Baju kemeja berlengan pendek adalah tidak sesuai dipakai bersama tali leher. Sematkan semua butang baju jika tidak bertali leher (kecuali butang kolar). Jangan lipat bahagian lengan kemeja lengan panjang. Memakai tali leher hanya dengan kemeja lengan panjang. Bahagian hujung tali leher mestilah sampai ke bahagian kepala tali pinggang. Sesuaikan warna tali leher dengan baju. Tali leher berjalur sesuai dengan baju tanpa corak.

Hiasan

Barang-barang kemas sama ada tulen atau tiruan seperti subang, gelang tangan, rantai tangan, jam, cincin dan rantai leher memang perlu dipakai. Kesederhanaan adalah yang paling sesuai dan ia adalah sebahagian daripada pakaian yang menambah seri. Oleh yang demikian, hendaklah dipadankan dengan baju yang dipakai. Elakkan memakai terlalu banyak hiasan.

Minyak Wangi

Pilihan yang lembut, supaya ia tidak melemaskan atau memeningkan. Minyak wangi tulen → Adalah pekat dan hendaklah dipakai sedikit sahaja. *Eau de toilette* → Air kolon yang kurang pekat dan lebih murah. Ia perlu dipakai beberapa kali sehari kerana baunya tidak pekat. Semburan badan → Ini adalah bau-bauan yang sangat ringan dan tidak pekat.

PENGURUSAN MAJLIS

Elemen Penting Protokol

Terdapat beberapa aspek penting di dalam pengurusan majlis. Ia meliputi keahlian jawatan kuasa tugas dan tanggungjawab, majlis yang dikendalikan, program yang dirancang berjaya adalah kerana ahli jawatankuasa yang dilantik saling bekerjasama dan menjalankan kewajiban.

- **Tempat Majlis**
Penentuan tempat majlis adalah perlu dibuat awal kerana tempat majlis ada kaitannya dengan bilangan tetamu dan anggaran perbelanjaan. Perkara-perkara penting yang mesti diambil kira adalah seperti berikut, senang dituju, tempat letak kereta, ruang legar, kemudahan asas dan kesesuaian dengan majlis.
- **Senarai Jemputan**
Ia merupakan senarai kategori dan bilangan tetamu. Tujuannya adalah supaya dapat diketahui kategori tetamu bilangannya, kombinasi dan peringkat tetamu. Senarai nama ialah senarai yang akan menyenaraikan nama-nama tetamu mengikut kategori. Sebagai contoh, jika di dalam kategori menteri ada senarai empat orang menteri maka nama empat orang menteri yang akan dijemput hendaklah ditulis. Senarai nama ini bukannya setakat nama sahaja tetapi hendaklah mengandungi butir lengkap.
- **Atur cara Majlis**
Cara membuat aturcara majlis ialah dengan menyenaraikan dahulu acaranya mengikut urutannya. Lepas itu letakkan masa akhirnya dan kemudian dari waktu akhir membawa ke waktu permulaan. Sebelum itu hendaklah ditentukan jangka masa bagi setiap acara.

- **Pakaian dan Majlis**
Pakaian dan majlis bergantung kepada jenis majlis iaitu, Majlis Penuh Istiadat, Majlis Formal, Majlis Separa Formal, Majlis Tidak Formal.
- **Kad Jemputan : Butir-Butir Kad Jemputan** adalah seperti yang berikut;
 - a). Nama Majlis
 - b). Penganjur atau yang menjemput
 - c). Logo Agensi
 - d). Tempat majlis
 - e). Ruang nama jemputan
 - f). Tarikh majlis diadakan
 - g). Masa majlis bermula dan masa majlis berakhir
- **Jamuan Ringan Sesuatu Majlis**
Jamuan ringan dalam sesuatu majlis ialah jamuan yang diadakan di pertengahan majlis ataupun di penghujung majlis. Biasanya diadakan di penghujung majlis. Jika majlis mengambil masa yang lama maka diadakan jamuan ringan di pertengahan majlis iaitu masa rehat. Menu bagi jamuan ini tidak perlu berat dan jenisnya pula mengikut cara jamuan itu diadakan sama ada buffet berdiri dan buffet duduk.
- **Susunan Tempat Duduk**
Bagi menentukan kedudukan tetamu utama di dalam suatu majlis, perkara berikut perlu diberi perhatian iaitu bentuk-bentuk susunan tempat duduk dan susunan keutamaan tempat duduk. Bentuk-bentuk susunan tempat duduk berdasarkan kesesuaian majlis yang diadakan. Manakala, susunan keutamaan tempat duduk adalah mengikut keutamaan masing-masing. Sebagai contoh dif yang paling hampir sekali dengan tetamu kehormat ialah dif terkanan mengikut susunan keutamaan. Tetamu yang paling kanan hendaklah ditempatkan di sebelah kanan tetamu kehormat. Di sebelah kirinya ditempatkan tetamu kedua terkanan.
- **Juruacara**
Juruacara ialah terdiri daripada mereka yang berkebolehan dalam bidang ini dan tidak semua orang boleh menjadi juruacara yang baik. Tujuan utama juruacara ialah memaklumkan kepada tetamu apa yang akan berlaku mengikut urutan acara majlis. Juruacara tidak boleh menjadi Pengerusi Majlis tetapi Pengerusi Majlis boleh menjadi juruacara.

- **Atur cara Program**
Dalam melaksanakan program bagi suatu majlis memerlukan pengurusan pentadbiran secara terperinci sebagai panduan memudahkan pegawai yang mengendalikan majlis tersebut. Atur cara pentadbiran adalah merupakan atur acara majlis yang ditulis secara terperinci dengan tujuan, sebagai panduan untuk pegawai yang mengendalikan majlis dan panduan kepada semua pegawai dan pekerja yang terlibat dalam majlis tersebut. Ia juga bertujuan untuk menentukan majlis berjalan dengan licin dan mengikut lunas-lunas protokol yang diterima, mengawal masa sepanjang program berlangsung dan sebagai rekod untuk panduan masa akan datang.
- **Penyambut Tetamu**
Penyambut tetamu berperanan sebagai panduan iaitu memberi maklumat tetamu yang hadir, menunjuk dan mengiringi ke tempat duduk, membantu tetamu dalam pelbagai hal yang diminta oleh tetamu. Kriteria penyambut tetamu yang baik perlu memiliki perwatakan yang baik, berpakaian sopan, sentiasa melemparkan senyuman, mengetahui atur cara majlis, tahu protokol dan menjaga ketenteraman sepanjang majlis berlangsung.

Raptai

Raptai atau latihan besar-besaran sebelum majlis berlangsung adalah bertujuan ahli jawatan kuasa yang dilantik mengetahui secara terperinci urutan majlis yang berlangsung, menentukan jangka masa yang tepat dan memperbaiki kelemahan yang ada. Di samping itu ia juga bertujuan untuk penyelarasan acara dan untuk membiasakan petugas-petugas dengan keadaan tempat majlis yang akan berlangsung.

Post Mortem

Menilai kelancaran perjalanan majlis, kejayaan, kelemahan yang didapati, mengatasi kelemahan, cara memperbaiki keseluruhan majlis dan sebagai panduan akan datang.

KESIMPULAN

Etika sosial berusaha menetapkan pelbagai sikap dan pola perilaku ideal yang seharusnya dimiliki oleh manusia di dalam hidup ini sebagai sesuatu yang baik. Etika merupakan satu panduan bagaimana sesebuah tatacara menguruskan sesuatu urusan atau bidang. Amalan protokol di dalam komunikasi penting membentuk seseorang itu menjadi orang yang beretika tinggi.

RUJUKAN

- Abdurrozzaq Hasibuan. (2017). *Etika Profesi Profesionalisme Kerja*. Universiti Islam Sumatera Utara (UISU) Press.
- Bertens. (2007). *Etika*. Seri Filsafat Atma Jaya: 15. PT Gramedia Pustaka Utama.
- Nurdin, D. I. (2017). *Etika pemerintahan*. Lintang Rasi Aksara Books.
- Mashudi, R., & Rahmat, H., et al. (2021). Etiket bahasa dalam perutusan khas Covid-19. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 18(4), 59-77. <https://doi.org/10.1823-884x>

Morfologi dan Sintaksis

Adriana Santa Anak Tinggom

PENDAHULUAN

Bidang morfologi dan sintaksis merupakan dua bidang yang sudah tidak asing lagi di dalam kajian linguistik. Kedua-dua bidang ini memainkan peranan yang penting dalam kajian bahasa di dunia ini. Secara umumnya, bidang linguistik meliputi beberapa cabang ilmu yang dikenali sebagai bidang fonetik dan fonologi yang mengkaji sistem bunyi, bidang morfologi yang meneliti kajian pembentukan kata, bidang sintaksis pula meninjau tentang struktur dan pola ayat manakala bidang semantik mengkaji aspek makna dalam sesuatu bahasa. Bab ini membincangkan dua bidang yang utama iaitu bidang morfologi dan juga sintaksis dalam bahasa Melayu.

MORFOLOGI

Dalam konteks sains, morfologi merujuk kepada kajian mengenai bentuk dan struktur sesuatu organisma termasuk haiwan, tumbuhan dan mikroorganisma. Dalam istilah mahupun konteks linguistik pula, morfologi merupakan sub bidang linguistik yang mengkaji struktur dalaman kata dan proses-proses yang dilalui dalam pembentukan kata. Perkataan morfologi berasal daripada bahasa Latin, iaitu *morphe* yang bernaksud 'bentuk' (Frank Parker dlm. Raja Rahawani, 1994). Dalam bahasa Greek pula perkataan *morf* bermaksud 'bentuk' dan perkataan *logos* bermaksud 'ilmu'. Dalam bidang linguistik, morfologi merupakan kajian yang mengkaji perkataan dari segi struktur, bentuk dan penggolongan kata.

Pakar bahasa di dalam dan di luar negara memberikan pelbagai takrifan mengenai morfologi. Menurut Nik Safiah Karim et al (2015), struktur kata bermaksud susunan bentuk bunyi ujaran atau lambang (tulisan) yang menjadi unit bahasa yang bermakna. Pembentukan kata pula merupakan unit tatabahasa yang terdiri daripada bentuk tunggal ataupun mengalami proses pengimbuhan, pemajmukan dan juga proses penggandaan. Penggolongan kata pula merupakan proses menjeniskan perkataan berdasarkan keserupaan bentuk atau fungsi. Perkataan-perkataan yang mempunyai ciri-ciri yang sama digolongkan ke dalam golongan kata yang sama. Menurut Rochelle Lieber (2021), morfologi bermaksud kajian tentang struktur dalaman suatu perkataan yang merangkumi cara-cara menganalisis pembentukan kata, perkaitan kata dengan kata yang lain dalam bahasa yang sama dan juga perubahan bentuk kata yang terjadi dalam ciri-ciri tatabahasa. Laurie Bauer (2021) pula memberi definisi morfologi sebagai kajian dan deskripsi pembentukan kata dalam sesuatu bahasa. Antara aspek yang dibincangkan ialah golongan kata, pembentukan kata dan kata terbitan. Selanjutnya, John T. Jensen (1995) juga turut memberi takrifan morfologi sebagai kajian tentang struktur dalaman kata-kata. Pengkaji dalam negara seperti Asmah Hj. Omar (2008) pula memberikan pengertian morfologi sebagai kajian pembentukan kata manakala Abdullah Hassan (2006) mengatakan bahawa morfologi ialah satu bidang ilmu yang mengkaji tentang pembinaan perkataan dan bentuk perkataan.

Konsep-konsep Utama dalam Morfologi

Terdapat beberapa konsep utama yang harus dikuasai bagi mendalami ilmu morfologi ini. Antara konsep yang perlu diberi perhatian ialah morfem, imbuhan, perkataan dan bentuk kata.

Morfem

Morfem ialah unit terkecil dalam bahasa yang mengandungi makna. Menurut *The Study of Language* (1996), morfem merupakan unit yang paling minima yang membawa makna dan fungsi nahu. Kamus Linguistik (1997) pula mentakrifkan morfem sebagai “unit tatabahasa kecil yang bermakna, sama ada leksikal atau makna fungsian”. Dalam linguistik, morfem ditandai dengan lambang { }, misalnya {sembuh}. Morfem

terdiri daripada dua jenis iaitu morfem bebas dan juga morfem terikat. Dalam buku *Modern Linguistics: Morphology* yang ditulis oleh Katamba (1994), morfem bebas didefinisikan sebagai morfem yang dapat berdiri sendiri sebagai suku kata. Contohnya, perkataan pinggan, kereta, minum, rehat, sejuk terdiri daripada satu morfem sahaja iaitu morfem bebas. Dalam erti kata lain, morfem bebas tidak boleh lagi dipecahkan kepada bentuk yang kecil. Morfem terikat pula merujuk kepada morfem yang tidak dapat berdiri sendiri sebagai satu kata. Morfem terikat memerlukan morfem lain iaitu morfem lain (morfem bebas atau morfem terikat) bagi mewujudkan satu kata yang sempurna dan utuh sifatnya. Contohnya, imbuhan {men-}, {ber-}, {ter-} dan akhiran {-kan} dan {-an}.

Imbuhan

Imbuhan menurut konteks linguistik merujuk kepada unsur bahasa yang ditambahkan ke dalam kata dasar bagi mengubah makna nahunya. Bentuk-bentuk yang tercakup dalam imbuhan bahasa Melayu adalah seperti berikut: imbuhan awalan, akhiran, sisipan dan apitan.

Awalan

Awalan ialah imbuhan yang ditambahkan pada bahagian hadapan kata dasar. Misalnya *ber-* dalam *berlari* dan *ter-* dalam *terlena*. Imbuhan awalan juga boleh terdapat dalam bahasa lain seperti bahasa Inggeris. Contohnya *un-* dalam *unfinished* ‘belum selesai’ dan *dis-* dalam *disrespect* ‘tidak hormat’.

Akhiran

Akhiran ialah imbuhan yang diletakkan pada bahagian belakang kata dasar, misalnya *-an* dalam *masakan* dan *-kan* dalam *kirakan*. Dalam bahasa Inggeris pula, penggunaan imbuhan akhiran seperti *-ly* dan *-ness* juga turut digunakan. Misalnya perkataan *quickly* ‘dengan pantas’ terdapat imbuhan akhiran *-ly* dan *-ness* dalam *calmness* ‘dengan tenang’.

Sisipan

Sisipan ialah imbuhan yang diselitkan di antara kata dasar. Dalam bahasa Melayu, ada beberapa kata dasar yang mengandungi sisipan. Semua bentuk kata nama bersisipan ini membawa makna nama, tempat dan binatang. Setiap sisipan disisipkan selepas huruf konsonan dalam sesuatu kata nama. Antara imbuhan sisipan dalam bahasa Melayu adalah seperti *-em* dalam 'gemuruh', *-el* dalam 'kelopak', *-er* dalam 'gerigi'.

Perkataan

Perkataan ialah bentuk kata yang terbit atau direalisasikan daripada sesuatu leksem. Bentuk kata ini digunakan secara fizikal, baik dalam tulisan mahupun lisan. Perkataan tidak boleh dipecahkan kepada unit-unit yang lebih kecil lagi kerana perkataan mendukung makna tertentu. Jika unitnya dipecahkan lagi, sudah pasti makna perkataan itu akan hilang. Perkataan juga boleh didefinisikan sebagai satu unit ujaran yang bebas dan mengandungi makna, yang terdiri daripada satu atau gabungan beberapa bentuk bunyi bahasa. Perkataan dimulai dan diakhiri oleh sempadan perkataan. Contohnya dalam ayat berikut: *+saya ++ sedang ++ menyiapkan ++tugasan++ ini+*. Sempadan perkataan ini bersifat abstrak, iaitu hanya wujud dalam fikiran kita dan tidak ditandai apabila kita menggunakan perkataan, baik dalam tulisan mahupun pertuturan. Daripada contoh ayat di atas, didapati bahawa perkataan mengandungi berbagai-bagai bentuk yang dapat dikelompokkan seperti berikut: *kata tunggal, kata terbitan, kata majmuk dan kata ganda*.

Kata Tunggal

Kata tunggal pula merujuk kepada kata yang terdiri daripada hanya satu bentuk kata dasar, iaitu yang tidak menerima apa-apa bentuk imbuhan. Contohnya dalam bahasa Melayu, 'itu', 'saya' 'sudah' tergolong dalam jenis kata tunggal. Kata tunggal boleh dikategorikan kepada dua jenis iaitu kata tunggal yang merupakan unit yang bebas dan dapat berdiri sendiri sebagai satu ayat. Misalnya 'sudah', 'saya', 'itu' 'kamu', 'dia' dan yang lain-lain lagi. Jenis kedua ialah kata tugas iaitu unit yang tidak dapat berdiri sendiri tetapi memerlukan sekurang-kurangnya satu unit yang bebas untuk melaksanakan tugas nahunya. Contoh: 'untuk siapa?' , 'ke Johor'. Selain itu, kata akronim juga tergolong dalam jenis kata

tunggal. Kata akronim ialah perkataan yang diterbitkan melalui proses penggabungan singkatan beberapa perkataan dan membentuk satu perkataan yang utuh. Misalnya 'MARA' membawa maksud Majlis Amanah Rakyat.

Kata Terbitan

Kata terbitan pula merupakan bentuk kata yang terdiri daripada kata dasar yang mengalami proses pengimbuhan, iaitu mendapat atau menerima imbuhan, baik awalan, sisipan, akhiran dan apitan.

Kata Majmuk

Kata majmuk boleh membawa maksud bentuk kata yang dibina apabila dua kata dasar atau lebih dirangkaikan menjadi satu kesatuan sintaksis yang membawa makna tertentu. Contoh kata majmuk dalam bahasa Melayu adalah seperti berikut : air mata, meja makan, kerani kanan, bendahari terhormat, kata kunci dan lain-lain lagi.

Kata Ganda

Kata ganda ialah bentuk kata yang dihasilkan dengan menggandakan atau mengulangi kata dasar sama ada kata ganda tersebut diulang secara menyeluruh atau pada bahagian tertentu sahaja. Misalnya, kanak-kanak perempuan, membohong-bohongi dan lain-lain.

Bentuk kata

Bentuk kata boleh terdiri daripada satu morfem atau susunan beberapa morfem. Proses pembentukan kata menghasilkan bentuk-bentuk seperti berikut:

1. Bentuk kata tunggal.
2. Bentuk kata terbitan.
3. Bentuk kata majmuk.
4. Bentuk kata ganda.

SINTAKSIS

Sintaksis merupakan satu bidang ilmu bahasa yang mengkaji bentuk, struktur dan binaan atau konstruksi ayat. Bidang sintaksis dapat difahami apabila kita dapat menguasai hukum atau aturan rumus tatabahasa yang mendasari kaedah penggabungan dan penyusunan perkataan atau kelompok perkataan untuk membentuk ayat dalam struktur bahasa (Nik Safiah Karim et. al. 2015). Setiap bahasa di dunia ini pasti mempunyai struktur sintaksisnya. Contohnya dalam bahasa Melayu, struktur bahasa Melayu yang umum ialah Subjek (S) Kata Kerja (K) dan Objek (O).

Struktur Binaan Ayat

Struktur binaan ayat bahasa Melayu sama seperti bahasa yang lain terutama dalam hal susunan kata-kata dan tatabahasa umum. Berikut merupakan struktur binaan ayat bahasa Melayu:

1. **Subjek (S)** : Orang, benda atau hal yang melakukan tindakan dalam ayat. Subjek kebiasaannya diikuti oleh kata kerja. Contoh: Ah Meng (S) makan (K) nasi.
2. **Prediket (P)** : Tindakan yang dilakukan oleh subjek ataupun kumpulan perkataan yang tergolong dalam satu frasa dan menjadi unsur yang menerangkan subjek. Contoh: Ali (S) makan nasi goreng (P).
3. **Objek (O)** : Orang, benda atau hal yang menerima tindakan dari subjek. Contoh : Ali (S) makan (K) nasi goreng (O).
4. **Pelengkap (PL)** : Kata atau frasa yang memberikan maklumat tambahan tentang subjek atau objek. Contoh : Ani (S) pelajar yang rajin (PL)
5. **Keterangan (Ket)** : Maklumat tambahan yang menerangkan waktu, tempat, cara, alasan atau situasi dari tindakan yang dilakukan. Contoh: Ali (S) makan (K) nasi goreng (S) di restoran (Ket).

Ayat Dasar dan Ayat Terbitan

Dalam bahasa Melayu, semua ayat, sama ada pendek atau panjang, yang berbentuk ayat mudah atau ayat kompleks, yang berstruktur biasa atau

songsang, pasti dapat dikembalikan kepada bentuk asalnya. Terdapat empat jenis pola ayat dasar dalam bahasa Melayu:

	Subjek	Predikat
Pola 1	Frasa Nama (Mei Feng)	Frasa Nama (pensyarah)
Pola 2	Frasa Nama (Pak Cik)	Frasa Kerja (sedang berjalan)
Pola 3	Frasa Nama (Pegawai itu)	Frasa Adjektif (sangat rajin)
Pola 4	Frasa Nama (Rumah kediamannya)	Frasa Sendi Nama (di Pagoh Jaya)

Daripada ayat dasar, kita boleh membentuk atau membina ayat-ayat yang lebih panjang atau kompleks yang dikenali sebagai ayat terbitan. Ayat terbitan terbentuk apabila beberapa unsur perkataan mahupun frasa ditambah pada frasa subjek atau frasa predikat sesuatu ayat dasar. Misalnya, bentuk ayat dasar seperti di atas dapat dikembangkan menjadi ayat terbitan seperti berikut:

Subjek	Predikat
Mei Fung	pensyarah sementara di universiti itu.
Pak Cik	sedang berjalan di taman bunga.
Pegawai itu	sangat rajin dan suka menolong orang susah.
Rumah kediamannya	di Pagoh Jaya dalam daerah Muar.

Susunan dalam Ayat

Dalam konteks bahasa Melayu, terdapat dua jenis susunan ayat iaitu susunan biasa dan juga susunan songsang. Susunan ayat biasa bermaksud binaan ayat mengikut struktur umum di mana unsur-unsur ayat diatur secara berurutan dari subjek (S) – predikat (P) – objek (O) – keterangan (Ket)- pelengkap (PL) (jika ada). Susunan ayat ini memenuhi tatabahasa standard dan mudah difahami. Susunan ayat songsang pula merujuk kepada pengubahan susunan ayat biasa agar lebih menekankan atau

mengarahkan perhatian pada unsur tertentu dalam ayat. Contoh susunan ayat songsang: keterangan (Ket) – Objek (o) – Predikat (P) – Subjek (S).

Ragam Ayat

Ragam ayat boleh dikategorikan kepada dua ragam ayat iaitu ayat aktif dan ayat pasif. Dalam bidang sintaksis, kejadian ayat aktif dan ayat pasif tergolong dalam huraian ragam ayat. Ayat aktif mengandungi kata kerja yang memfokuskan subjek asal sebagai judul, manakala ayat pasif pula mengutamakan subjek terbitan sebagai judul. Umumnya, ayat aktif dan ayat pasif melibatkan perpindahan tempat frasa nama yang menjadi subjek dan objek ayat berkenaan. Misalnya:

- a. Mary membaca buku itu.
Subjek Objek
- b. Buku itu dibaca oleh Mary.
Objek Subjek

Jenis Ayat

Selain ragam ayat, pembentukan atau binaan ayat dibezakan melalui jenis-jenisnya. Dalam bahasa Melayu, jenis-jenis ayat dapat dibahagikan kepada empat. Empat jenis ayat tersebut ialah ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah dan ayat seruan. Ayat penyata ialah ayat yang diucapkan untuk tujuan melakukan suatu pernyataan atau mengemukakan keterangan tentang sesuatu perkara. Ayat penyata juga sering dikenali sebagai ayat penerangan. Ayat jenis kedua pula ialah ayat tanya. Ayat tanya merupakan ayat yang bertujuan untuk mengemukakan sesuatu pertanyaan. Contohnya: *awak sudah makan?* Jenis yang ketiga ialah ayat perintah. Ayat perintah dituturkan bertujuan untuk memberikan arahan atau menimbulkan suatu tindakan. Ayat perintah boleh diujarkan sama ada dalam bentuk *suruhan*, *larangan*, *silaaan*, atau *permintaan*, bergantung pada jenis perkataan (perintah) yang digunakan. Contohnya: *Tolong tutup pintu itu.* (permintaan). Jenis ayat yang keempat pula ialah ayat seruan. Ayat seruan merupakan ayat yang diucapkan secara bernada seru untuk menyatakan sesuatu keadaan perasaan, seperti marah, takut, geram, takjub dan sebagainya. Biasanya dalam tulisan, ayat seruan berakhir dengan tanda seru (!). Contohnya: *Cis, berani engkau sepak kaki bapaku!*

Analisis Ayat

Untuk menganalisis ayat, teori atau kerangka yang digunakan ialah Teori Transformasi Generatif. Kemudian, Rumus Struktur Frasa digunakan untuk membolehkan ayat dalam bahasa Melayu dibentuk. Melalui Rumus Struktur Frasa, rajah pohon dibuat bagi melihat bagaimana ayat distrukturkan kepada kategori-kategori iaitu kata, frasa dan ayat.

Teori Transformasi Generatif (TG)

Teori Transformasi Generatif (TG) ialah satu teori linguistik khusus untuk mengkaji dan menganalisis ayat. Teori ini diperkenalkan oleh seorang ahli bahasa Amerika iaitu Noam Chomsky pada tahun 1957. Teori ini telah mengemukakan beberapa pembaharuan dengan mengemukakan konsep baru seperti struktur dasar, struktur lahir, transformasi, kecekapan bahasa dan perlakuan bahasa. Mengikut teori ini ayat dalam suatu bahasa itu terbahagi kepada dua tahap iaitu tahap struktur dasar dan tahap struktur lahir. Kedua-dua struktur ini dihubungkan oleh transformasi. Maka, ayat struktur dasar ditukarkan oleh rumus transformasi untuk membentuk ayat struktur lahir.

Rumus Struktur Frasa (RFS)

RFS ialah rumus untuk membentuk ayat dalam sesuatu bahasa. Dengan menggunakan (A) untuk ayat dan kependekan semua kategori frasa dan kata mengikut jenisnya, iaitu (FN, KN) masing-masing untuk frasa dan kata nama, (FK, KK) untuk frasa kerja dan kata kerja. (FA, KA) untuk frasa dan kata adjektif, dan (FSN, KSN) untuk frasa dan kata sendi nama.

Rajah Pohon

Rajah pohon atau disebut pohon struktur adalah diagram yang mempunyai cabang seperti cabang pokok. Contoh rajah pohon berikut merupakan struktur bagi ayat ini:

- (a) Anak itu membaca buku.

KESIMPULAN

Bidang morfologi yang menjadi salah satu bidang teras dalam ilmu linguistik sangat membantu dalam pengguna bahasa mendalami aspek kata. Pemahaman dan pengertian yang mendalam berkenaan konsep-konsep utama dalam bidang morfologi mampu membolehkan pengguna bahasa menggunakan bahasa dengan baik dan tepat. Hal ini juga sekali gus memberi kesedaran dari segi penciptaan kata baharu dan usaha pelestarian kata dalam bahasa Melayu menjadi lebih baik dan kemas. Bidang sintaksis yang meneliti aspek binaan ayat, konsep ayat, jenis dan ragamnya juga turut memberikan penyelesaian kepada permasalahan sintaksis dalam bahasa Melayu. Selain itu, melalui kajian sintaksis, ahli bahasa dapat memahami dengan lebih mendalam bagaimana bahasa Melayu berkembang dan berfungsi serta bagaimana membina ayat untuk menyampaikan makna dengan tepat dan efektif.

RUJUKAN

- Bauer, L. (2021). *Introducing Linguistic Morphology*. Georgetown University Press.
- Hassan, A. (2006). *Morfologi*. Penerbit PTS Professional Sdn. Bhd.
- Jensen, J. T. (1995). *Morfologi: Struktur Kata dalam Nahu Generatif* (A. C. Kob, Trans.). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Karim, N. S., Onn, F. M., Musa, H., & Mahmood, H. (2015). *Tatabahasa Dewan* (Edisi Ketiga). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Katamba, F. (1994). *Morphology*. Macmillan.
- Lieber, R. (2021). *Introducing Morphology*. Cambridge University Press.
- Lyons, J. (1970). *Introduction to theoretical linguistics*. Cambridge University Press.
- Omar, A. H. (2008). *Nahu Kemas Kini*. PTS Profesional Publishing.
- Parker, F. (1994). *Linguistik untuk bukan ahli linguistik* (R. Rawahani Trans.). Dewan Bahasa dan Pustaka.

Bahasa dan Sastera dalam Media

Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi

PENDAHULUAN

Bahasa dan kesusasteraan Melayu telah memainkan peranan penting dalam sejarah dan perkembangan budaya di rantau Alam Melayu. Bahasa Melayu dan dialek-dialek yang tumbuh daripadanya dengan jumlah penutur yang dianggarkan lebih 300 juta orang (Jeniri Amir, 2021). Hal ini tidak hanya memperkaya kehidupan harian masyarakat yang menggunakan bahasa Melayu, tetapi juga telah meletakkan kehadirannya di pentas dunia. Bahasa ialah unsur penting dalam kehidupan manusia semenjak zaman terciptanya Nabi Adam a.s., dan dalam konteks bahasa Melayu, bahasa ini menjadi semakin penting pada era globalisasi moden.

Sistem bunyi ialah salah satu komponen utama dalam proses komunikasi manusia. Manusia menggunakan alat artikulasi yang ada pada mereka untuk menghasilkan bunyi-bunyi yang memiliki makna tertentu (Ladefoged, P., & Johnson, K. 2014). Sistem bunyi inilah yang menjadi alat penting untuk seorang manusia menyampaikan mesej, idea dan emosinya kepada manusia lain. Dalam sistem bunyi, manusia menggunakan lambang-lambang yang diucapkan untuk menyampaikan makna tertentu. Lambang-lambang ini mungkin berbentuk kata-kata, suara-suara atau bunyi-bunyi lain yang dihasilkan melalui alat artikulasi seperti lidah, gigi, bibir dan pita suara. Proses pengucapan lambang-lambang bahasa ini pula dipengaruhi atau dikawal oleh aturan tatabahasa atau komuniti bahasa tertentu.

Selain itu, dalam sistem bunyi, manusia juga menggunakan intonasi, penekanan dan suara lainnya untuk menambahkan nuansa dan makna tambahan dalam komunikasi. Misalnya, tekanan suara yang tinggi akan

memberikan nuansa berbeza dengan tekanan suara yang rendah. Tekanan suara yang tinggi selalunya digunakan untuk mewakili emosi marah, terkejut, atau untuk memberi penekanan kepada sesuatu mesej yang ingin disampaikan. Sebaliknya tekanan suara yang rendah pula selalunya digunakan dalam menyampaikan emosi yang lebih stabil dan aman.

Bahasa

Secara konvensional, bahasa boleh ditakrifkan sistem lambang-lambang vokal yang digunakan oleh manusia untuk berkomunikasi. Proses komunikasi bahasa berlaku apabila adanya pendengar dan penutur (Bloch & Trager, 1942).

Kecekapan berbahasa ialah suatu kemampuan luar biasa yang dimiliki manusia. Kemampuan ini tidak hanya terletak pada kemampuan secara zahir dalam menghasilkan bunyi-bunyi, tetapi juga kemampuan otak manusia untuk memahami, mengolah dan menggunakannya secara berkesan. Kecekapan berbahasa juga dapat dilihat sebagai suatu sistem rumus bahasa yang mampu menghasilkan kalimat yang tidak terbatas jumlahnya. Dengan kata lain, manusia mampu menggabungkan kata, frasa dan ayat dengan pelbagai cara untuk menyampaikan mesej yang kompleks dan pelbagai. Dengan aturan tata bahasa yang sedia ada, manusia mampu mencipta ayat-ayat baharu yang bermakna dan sesuai dengan konteks yang ingin disampaikan.

Pengucapan bahasa ialah salah satu aspek penting dalam proses komunikasi manusia. Pengucapan melibatkan penghasilan bunyi dan persepsi bunyi yang dilafazkan oleh penutur. Kemudiannya bunyi-bunyi tersebut akan diterima oleh pendengar untuk diproses oleh otak mereka supaya bunyi-bunyi tersebut dapat difahami. Pengucapan bahasa ialah unsur yang berada di luar, yang menggambarkan aktiviti zahir daripada penutur dalam menghasilkan bunyi-bunyi yang membentuk kata, frasa dan ayat. Seperti yang dikatakan oleh Chomsky (1957) proses pengucapan bahasa dan pemahaman melibatkan pertukaran informasi yang kompleks antara penutur dengan pendengar. Penutur menghasilkan bunyi-bunyi yang bermakna, manakala pendengar menerima bunyi-bunyi tersebut dan menghuraikan maknanya dalam otak mereka.

Dalam konteks pragmatik, takrif bahasa melibatkan lebih daripada sekadar struktur dan makna kata-kata secara literal. Hal ini berkaitan dengan interaksi sosial dan konteks komunikasi antara penutur dengan pendengar. Bahasa dilihat sebagai suatu sistem yang menghubungkan bunyi dengan makna, yang bergantung pada aksi penutur dan tindak balas pendengar. Ketika seseorang penutur menuturkan sesuatu ujaran, dia melakukannya dengan tujuan tertentu yang mungkin melibatkan beberapa makna yang ingin disampaikan. Manakala pendengar pula akan memahami bahasa yang dituturkan itu bukan hanya berdasarkan makna literal, tetapi juga dengan mengambil kira aspek-aspek pragmatik seperti niat penutur, konteks sosial dan pengetahuan bersama. Pragmatik membantu seseorang untuk memahami yang makna bahasa dapat berubah mengikut konteks dan tujuan komunikasi.

Bahasa merupakan satu alat komunikasi bagi menyampaikan pemikiran dan perasaan melalui sistem tanda yang arbitrari seperti bunyi, gerak isyarat atau simbol-simbol tulisan. Bahasa sebagai alat komunikasi yang menggunakan tanda arbitrari ini memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia. Dengan menggunakan sistem tanda arbitrari, bahasa membolehkan manusia mentafsir maklumat dengan efektif dan efisien. Hal ini membolehkan mereka berinteraksi, berkongsi ilmu dan memahami dunia di sekitar mereka dengan lebih baik. Terdapat beberapa ciri bahasa, iaitu:

1. Sebagai suatu sistem – Bahasa ialah suatu sistem terstruktur yang terdiri daripada aturan tata bahasa, kosa kata dan fonologi yang saling terkait untuk membentuk ayat dan wacana yang bermakna.
2. Sebagai suatu simbol – Bahasa menggunakan simbol-simbol yang arbitrari untuk mewakili objek, konsep atau sesuatu gejala/peristiwa.
3. Sebagai alat komunikasi – Bahasa digunakan untuk menyampaikan pemikiran, perasaan dan maklumat antara individu ataupun antara kumpulan yang memungkinkan mereka saling berinteraksi.
4. Bersifat arbitrari – Hubungan antara simbol bahasa dengan maknanya adalah bersifat arbitrari, iaitu tiada hubungan alami antara bunyi-bunyi atau tanda-tanda dengan makna yang diwakilinya.
5. Bersifat sejagat – Bahasa ialah ciri universal daripada ketamadunan manusia. Setiap masyarakat atau kumpulan manusia memiliki sistem bahasa yang digunakan mereka untuk berkomunikasi.

6. Bersifat dinamis – Bahasa akan terus mengalami perubahan dan perkembangan seiring dengan waktu, sama ada dalam aspek kosa kata baharu, perubahan dalam tatabahasa atau penggunaan bahasa itu sendiri yang mengalami perubahan.
7. Bersifat bervariasi – Bahasa dapat bervariasi dalam dialek, aksen, tahap formaliti atau gaya berkomunikasi. Semua ini bergantung pada konteks penggunaan bahasa dan latar sosial penutur.
8. Bersifat unik – Setiap bahasa mempunyai keunikan masing-masing, sama ada dari aspek struktur, kosa kata, ataupun tatabahasa.

Bahasa bukan sekadar alat untuk berkomunikasi, tetapi lebih daripada itu. Bahasa ialah cerminan budaya dan pandangan alam seseorang. Dalam setiap suku kata yang diucap atau ditulis, tersembunyi warisan budaya dan nilai-nilai yang dipegang oleh kelompok yang menuturkannya. Seseorang yang mengagungkan bahasa seharusnya mengagungkan budaya dan sastera bangsanya. Semakin tinggi taraf kebahasaan yang digunakan, semakin tinggi pula nilai kebudayaan atau sastera yang dihayati. Dengan memahami dan menghargai bahasa, seseorang dapat memberikan sumbangan yang besar untuk membangunkan diri, keluarga dan negara.

Sastera

Kesusasteraan merujuk kepada keseluruhan bentuk karya seni yang dihasilkan melalui bahasa, sama ada dalam bentuk lisan ataupun tulisan. Kata “kesusasteraan” berasal daripada perkataan “su” yang bererti baik, indah, cantik dan berseni. “Sastera” pula merujuk kepada karya ataupun buku. Maka, apabila kedua-dua perkataan ini digabungkan, terbentuklah suatu konsep “kesusasteraan” yang merujuk kepada karya yang indah dan berguna (*Kamus Kesusasteraan* 2015).

Sastera ialah ungkapan spontan daripada fikiran dan perasaan yang mendalam melalui medium bahasa. Di sisi lain, fikiran merujuk kepada idea-idea, pandangan, perasaan, pemikiran dan kesemua kegiatan mental manusia. Apabila kedua-dua konsep ini bertemu, maka terbentuklah landasan penting dalam penciptaan dan penghayatan karya sastera. Sastera menjadi medium yang membolehkan penulis meluahkan segala yang terpendam dalam diri mereka, menjadikan karya-karya tersebut sebagai cermin kehidupan, keindahan, kebenaran dan konflik manusia.

Sastera sebagai medium seni yang bahasa menjadi dasarnya, terdiri daripada beberapa unsur. Unsur-unsur ini membentuk struktur dan keindahan karya sastera serta mempengaruhi cara kita memahami dan menikmati karya tersebut. Yang berikut ialah beberapa unsur penting dalam sastera:

1. Isi kandungan – Merujuk kepada gagasan, tema, mesej dan nilai-nilai yang disampaikan dalam karya sastera. Isi kandungan membawa makna yang mendalam dan memberi kesan kepada pembaca melalui cerita, watak, konflik dan mesej yang disampaikan.
2. Ekspresi dan ungkapan – Merujuk kepada cara penulis mengungkapkan fikiran dan perasaan mereka melalui bahasa. Penggunaan gaya bahasa, metafora, simbolisme dan imej-imej kreatif memainkan peranan penting dalam memberi “nyawa” kepada karya sastera dan menyampaikan makna yang lebih mendalam.
3. Bentuk – Merujuk kepada struktur dan organisasi karya sastera seperti prosa, puisi, drama, cerpen, novel dan sebagainya.
4. Bahasa – Medium utama yang digunakan dalam sastera. Penggunaan bahasa yang tepat, kiasan yang indah, gaya bahasa yang unik serta pemilihan kata yang sesuai berperanan penting dalam membentuk keindahan dan kekuatan sesebuah karya sastera.

Kesusasteraan ialah bentuk seni unik yang mempunyai ciri-ciri tersendiri yang membezakannya dengan bentuk seni yang lain. Salah satu ciri penting kesusasteraan ialah keindahan. Karya sastera seringkali mengandungi kehalusan bahasa, imej-imej yang menarik dan susunan kata yang indah. Keindahan membawa keseronokan kepada khalyak dan seterusnya menjadikan karya sastera lebih memikat dan bermakna.

Selain itu, kesusasteraan juga menjadi cerminan pengalaman manusia. Kesusasteraan melakarkan kehidupan, perasaan, konflik serta kegembiraan manusia yang disampaikan melalui watak-watak, cerita dan tema yang disampaikan. Melalui kesusasteraan, khalayak dapat merasai dan memahami pelbagai aspek kehidupan manusia dari perspektif yang berbeza.

Ciri kesusasteraan yang lain ialah, kesusasteraan juga membawa pengalaman seni kepada khalayak. Hal ini seterusnya menimbulkan emosi, mewujudkan imej-imej indah dan merangsang pemikiran serta perasaan pembaca. Melalui kesusasteraan, khalayak dapat merasai keindahan seni dalam bentuk yang tersurat.

Ciri kesusasteraan yang seterusnya ialah, ia merupakan karya seni yang memiliki keutuhan, keseimbangan, keselarasan dan penekanan. Maksudnya, karya sastra yang bermutu selalunya mempunyai keutuhan yang baik dalam penceritaan, watak dan tema. Selain itu, terdapat juga keseimbangan yang baik antara unsur cerita dan bahasa yang digunakan. Selain itu, keselarasan yang tepat pada aspek-aspek penting dalam karya sastra juga memberikan nilai tambah kepada sesebuah karya sastra.

Kesusasteraan memainkan peranan penting dalam kehidupan pengarang dan masyarakat secara keseluruhannya. Antara beberapa fungsi kesusasteraan ialah:

- i. **Kepuasan dan Keseronokan**
Kesusasteraan memberikan pengarang kepuasan dan keseronokan melalui proses kreatif mencipta karya-karya yang bermakna dan indah. Aktiviti menulis dan menghasilkan karya sastra dapat menjadi sumber kegembiraan dan kepuasan peribadi pengarang.
- ii. **Memperbaiki dan Menajamkan Pemikiran**
Melalui proses menulis dan mencipta karya sastra, pengarang dapat memperbaiki dan menajamkan pemikiran mereka. Penghasilan karya sastra memerlukan refleksi mendalam, pemikiran yang kritis dan penelitian yang membantu pengarang memahami diri sendiri dan dunia di sekeliling mereka dengan lebih baik.
- iii. **Berbakti kepada Masyarakat**
Karya sastra dapat menjadi cara pengarang berbakti kepada masyarakat. Dengan menyampaikan mesej, nilai dan pengalaman melalui karya mereka, pengarang dapat memberi sumbangan yang berharga kepada masyarakat dalam bentuk pemikiran yang mendalam, kritikan sosial atau inspirasi yang memotivasikan.
- iv. **Menyara Kehidupan**
Kesusasteraan juga berperanan dalam menyara kehidupan pengarang. Bagi sesetengah pengarang, karya sastra yang dihasilkan dapat menjadi sumber pendapatan penting. Selain itu, melalui penulisan karya sastra, pengarang juga dapat menyara kehidupan mereka sendiri dan keluarga serta mencapai kestabilan ekonomi.

Kepada khalayak pula, kesusasteraan juga mempunyai beberapa fungsi, antaranya ialah:

- i. **Mengajar**
Kesusasteraan dapat mengajar khalayak tentang nilai-nilai moral, sejarah, budaya dan pelbagai pengetahuan lainnya melalui prosa, puisi dan genre-genre kesusasteraan yang lain. Melalui karya sastra, khalayak dapat belajar tentang kehidupan, kebaikan, keburukan dan pelajaran-pelajaran berharga yang lain.
- ii. **Mendidik**
Kesusasteraan juga dapat mendidik khalayak dengan memberikan wawasan baharu, pemahaman yang lebih tentang kehidupan serta membantu membentuk pemikiran kritis dan empati. Karya sastra seringkali memperluas pandangan dunia pembaca dan membantu mereka memahami kerencaman manusia dan masyarakat.
- iii. **Menghibur, menenangkan dan menggirangkan**
Salah satu fungsi utama adalah untuk memberikan hiburan kepada khalayak. Karya sastra dapat menjadi sarana untuk melarikan diri daripada kehidupan sehari-hari, mengalihkan perhatian dan memberikan ketenangan melalui kisah-kisah yang menyentuh hati dan penuh inspirasi.

Bahasa dan sastra mempunyai hubungan yang erat. Kepentingan bahasa Melayu sebenarnya dapat dilihat terutamanya pada abad ke-16 dan ke-17 lagi. Bahasa Melayu pada masa itu memainkan peranan penting sebagai bahasa diplomatik, lingua franca, bahasa perdagangan global, bahasa penyebaran agama dan bahasa sastra. Oleh hal yang demikian, bahasa dan sastra tidak dapat dipisahkan kerana keduanya saling mendukung dan berperanan dalam menjaga kemandirian budaya, komunikasi antarabangsa serta penyebaran nilai-nilai agama dan moral dalam masyarakat.

Media

Media ialah sebuah entiti yang memainkan peranan penting dalam dunia moden pada hari ini. Asal usul perkataan ini boleh dikesan daripada bahasa Latin, yang merupakan bentuk jamak kepada perkataan “medium”. Media boleh merujuk kepada pelbagai bentuk dan saluran yang digunakan untuk menyimpan dan menyampaikan maklumat

atau pesan kepada orang ramai. Dalam erti harfiah, media bermaksud “perantara” yang menghubungkan pembuat maklumat dengan penerima maklumat.

KATEGORI MEDIA BERKAIT DENGAN KOMUNIKASI

Media dan komunikasi tidak boleh dipisahkan, komunikasi memerlukan media dan media adalah alat komunikasi. Justeru, media dan komunikasi mengalami evolusi demi evolusi sesuai dengan peredaran masa dan perkembangan teknologi komunikasi. Berikut adalah media komunikasi yang terus berkembang sehingga kini:

1. Media pengiklanan – Digunakan untuk menyampaikan iklan dan promosi kepada khalayak. Contohnya, iklan di televisyen, radio, akhbar, majalah, laman web dan media sosial.
2. Media penyiaran – Media seperti radio dan televisyen yang menyampaikan rancangan kepada khalayak secara langsung atau melalui siaran.
3. Media digital – Merangkumi pelbagai bentuk media yang disampaikan melalui platform digital seperti laman web, media sosial, aplikasi dan yang seumpama dengannya.
4. Media elektronik – Merujuk kepada media seperti televisyen, radio dan filem yang menggunakan teknologi elektronik untuk penyiaran dan penyampaian maklumat.
5. Hypermedia – Gabungan antara teks, gambar, audio, video dan elemen-elemen interaktif yang membolehkan pengguna meneroka maklumat secara linear.
6. Media interaktif -Membolehkan interaksi dua hala antara pengguna dan kandungan media, misalnya permainan video, laman web interaktif dan aplikasi yang memerlukan respons pengguna.
7. Media massa – Media yang direka untuk menyampaikan maklumat kepada khalayak luas, misalnya akhbar, majalah, televisyen, radio dan media digital yang boleh mencapai khalayak secara meluas.

Paling ketara perubahan yang berlaku adalah perpindahan secara besar-besaran mediator komunikasi daripada media cetak ke media elektronik yang bergabung dengan media komunikasi dalam talian.

BAHASA, SASTERA DAN MEDIA DI MALAYSIA

Francois Valentijn pernah mengungkapkan kebitaraan bahasa Melayu pada abad ke-16 sebagai, “Bahasa mereka, bahasa Melayu, bukan saja dituturkan di daerah pinggir laut, tetapi juga digunakan di seluruh Kepulauan Melayu dan di negeri-negeri Timur, sebagai suatu bahasa yang difahami di mana-mana sahaja oleh setiap orang, tidak ubah seperti bahasa Perancis atau Latin di Eropah, atau sebagai bahasa *lingua franca* di Itali dan di Levant. Sungguh luas tersebarunya bahasa Melayu itu sehingga kalau kita memahaminya tidaklah mungkin kita kehilangan jejak, kerana bahasa itu bukan saja dimengerti di Parsi bahkan lebih jauh dari negeri itu, dan di sebelah timurnya sehinggakan kepulauan Filipina.” (Nik Safiah Karim et al. 2003).

Dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu, banyak cabaran yang terpaksa ditempuh terutamanya pada peringkat awal usaha tersebut dilaksanakan. Situasi ini boleh dikaitkan dengan faktor penjajahan kuasa imperial ke atas Tanah Melayu dan Kepulauan Melayu. Antara cabaran yang terpaksa dihadapi ialah kuasa penjajah ini cuba melunturkan martabat bahasa Melayu sewaktu pentadbiran mereka. Semasa pentadbiran Inggeris di Tanah Melayu dan Belanda di Indonesia, mereka telah menggalakkan penggunaan bahasa penjajah dan bahasa-bahasa lain sebagai medium komunikasi dan pentadbiran. Hal ini menyebabkan bahasa Melayu telah terpinggir dan dilihat mempunyai martabat yang rendah.

Pada suatu ketika, bahasa Melayu juga hanya dianggap sebagai bahasa setempat atau bahasa yang digunakan komuniti tempatan tanpa diiktiraf sebagai bahasa rasmi yang setaraf dengan bahasa-bahasa lain. Semasa zaman penjajahan, taraf bahasa Melayu adalah sama dengan bahasa-bahasa lain seperti bahasa Cina dan Tamil, yang seterusnya menyebabkan kurangnya pengiktirafan dan kepentingan terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

PERANAN MEDIA DALAM BAHASA DAN SASTERA

Dalam penyampaian maklumat kepada khalayak, media mempunyai peranannya yang sangat penting. Media boleh berperanan sebagai penyampai maklumat dan juga menjadi wahana untuk berkomunikasi. Oleh hal yang demikian, media berperanan dalam pembentukan persepsi

dan pemahaman masyarakat terhadap pelbagai isu dan subjek serta perkembangan yang berlaku di sekitar mereka.

Media massa seperti surat khabar, televisyen, radio dan Internet adalah wahana popular sekarang ini yang digunakan untuk menyampaikan maklumat. Maklumat yang disampaikan melalui kesemuanya sudah tentu menggunakan bahasa. Maka berita, maklumat, pendapat, wacana dan yang seumpama dengannya boleh disebarluaskan dengan menggunakan media.

Selain itu, media juga mempengaruhi perkembangan bahasa melalui sumbangannya terhadap perkembangan kosa kata, stilistik ataupun struktur bahasa. Banyak istilah dan terma baharu yang muncul dan kemudiannya media menjadi medium untuk menyebarkanluaskannya.

Begitu juga halnya dengan peranan yang dimainkan oleh media dalam mengetengahkan sastera. Jika dilihat dari perspektif perkembangan sastera Melayu, berlakunya evolusi iaitu daripada sastera lisan kepada sastera tulisan. Sekarang ini sejajar dengan perkembangan teknologi, kewujudan media sosial turut memainkan peranan penting dalam perkembangan sastera.

Media sosial telah mengalami perkembangan yang pesat semenjak munculnya Internet. Salah satu bentuk terawal media sosial ialah *blog*, yang kemudiannya berkembang menjadi *vlog* sebagai suatu bentuk evolusi dalam penyampaian mesej atau konten kepada khalayak. *Blog* iaitu singkatan daripada *web log* ialah laman web yang diisi oleh tulisan-tulisan yang berbentuk rencana, artikel, pendapat peribadi, cerita peribadi dan sebagainya. Biasanya tulisan-tulisan ini akan dimuat naik secara berkala dan berterusan oleh pemilik *blog* (Beal, V. 2021).

Vlog pula singkatan daripada *video blog* dan sangat popular di YouTube, Instagram dan TikTok. Media sosial ini memungkin para pembuatnya menghasilkan konten yang lebih kreatif dalam menyampaikan mesej dan cerita kepada khalayak. Oleh sebab *vlog* ialah kombinasi daripada audio dan visual, maka ia lebih menarik perhatian khalayak berbanding *blog*.

Media sosial yang paling popular, iaitu Facebook berperanan untuk menghubungkan individu dengan individu lain. Ciri terbaharu Facebook, iaitu “Ruangan Sembang” membolehkan penggunaanya “bersebang” apa-apa sahaja tema atau topik tertentu. Mereka dapat berinteraksi, berbincang, berbahas, berdialog dan sebagainya melalui fitur ini.

Laman Facebook yang biasa digunakan oleh bidang sastera ialah yang berbentuk individu, laman *page* dan juga *group*. Individu yang

terlibat dalam bidang sastera seperti penulis, penyair/penyajak mahupun penggiat sastera sering menggunakan profil individu untuk memperkenalkan ataupun mempromosikan karya-karya mereka.

Laman *pages* pula sering digunakan oleh penulis, penerbit, penggiat sastera, komuniti sastera dan yang seumpama dengannya untuk mempromosikan acara atau kegiatan yang berkaitan dengan sastera. Mereka menggunakan laman *pages* untuk menerbitkan kandungan-kandungan sastera, mengumumkan berita-berita terkini berkaitan dengan sastera dan juga berinteraksi dengan para *followers* yang mengikut laman *pages* tersebut.

Group Facebook pula menjadi tempat para komuniti dan penggiat sastera seperti penulis, penerbit dan pencinta sastera berkumpul dalam satu kumpulan (*Group*) yang fokus pada topik atau tema tertentu.

Multimedia ialah salah satu hasil daripada perkembangan teknologi yang memberikan pelbagai cara penyampaian maklumat melalui gabungan media seperti teks, visual, audio, animasi, video dan aktiviti interaktif. Dengan wujudnya multimedia, penulis sastera mempunyai pelbagai medium untuk menyampaikan hasil karya mereka. Multimedia membolehkan mereka menggabungkan teks dengan audio, video ataupun visual untuk memberikan pengalaman baharu yang lebih menyeronokkan dan menarik kepada para pembaca. Misalnya, mereka boleh menghasilkan novel digital yang mengandungi animasi yang menambahkan dimensi visual kepada cerita yang hendak disampaikan.

Begitu juga dengan multimedia yang boleh membantu dalam penghasilan karya berbentuk interaktif. Memang tidak dapat dinafikan, sebelum ini ada juga karya kreatif yang bersifat konvensional telah menerapkan ciri interaktif dalam karya. Dalam hal ini, pembaca selalunya dihidangkan dengan sambungan plot yang perlu mereka pilih dan kemudiannya mereka akan pergi ke halaman yang telah ditetapkan. Dengan penggunaan multimedia pula, pembaca boleh terlibat secara langsung dengan mencapai hiperpautan (*hyperlink*), memilih plot cerita atau berinteraksi dengan elemen multimedia yang disediakan. Hal ini bukan sahaja memberikan pengalaman baharu kepada pembaca, tetapi juga membolehkan pembaca terlibat secara aktif dalam proses penerimaan sesebuah karya sastera.

Dalam menggunakan elemen multimedia dalam karya sastera, beberapa elemen perlu diambil kira. Yang pertama, elemen tersebut mestilah yang boleh memberikan kesan dan daya tarikan yang kuat kepada pembaca. Elemen multimedia seperti yang telah dibincangkan

sebelum ini dapat membantu dan memperkukuh emosi pembaca dan mampu mencipta suasana yang sesuai dengan tema atau mesej yang ingin disampaikan oleh penulis.

Elemen yang kedua ialah yang boleh membantu memberikan kefahaman kepada pembaca. Misalnya penggunaan animasi ataupun grafik boleh digunakan untuk menjelaskan konsep-konsep yang kompleks secara visual, memudahkan pembaca untuk memahami sesebuah karya dengan lebih baik. Audio pula boleh digunakan untuk menyampaikan suasana yang berkaitan dengan cerita dan seterusnya meningkatkan penghayatan pembaca terhadap karya sastera.

Selain itu, penggunaan multimedia perlulah dipastikan tidak menimbulkan sebarang konflik atau kekeliruan. Penulis sastera perlu memastikan elemen multimedia yang dimasukkan itu tidak berkonflik dengan nilai-nilai setempat ataupun yang mempunyai unsur-unsur sensitif seperti berkaitan dengan budaya, agama, bangsa dan yang seumpama dengannya, selain memastikan setiap elemen tersebut selari dengan tema, mood dan mesej yang ingin disampaikan penulis. Misalnya, jika sesebuah karya sastera yang ditulis itu mempunyai latar masa zaman Perang Dunia Kedua, maka penggunaan audio yang terlalu moden dan kontemporari boleh mengganggu konsistensi konsep keseluruhan karya tersebut.

Penyediaan bahan multimedia memerlukan perancangan yang teliti dan sistematik. Terdapat beberapa aspek yang perlu diambil kira, antaranya seseorang penulis sastera itu perlu mengenal pasti bahan yang ingin dimasukkan. Penetapan objektif dan mesej yang ingin disampaikan adalah penting demi memastikan multimedia yang ingin digunakan itu selari dengannya. Pemilihan bahan juga perlu mengambil kira khalayak sasaran, konteks dan keperluan pembaca agar penggunaan multimedia ini memberikan impak yang positif.

Setelah mengenal pasti bahan, kenal pasti pula jenis multimedia yang sesuai digunakan. Jika bahan yang ingin disampaikan bersifat visual, maka jenis multimedia yang sesuai digunakan ialah gambar dan animasi. Sekiranya bahan tersebut memerlukan penjelasan ataupun penerangan yang lebih mendalam, penggunaan teks ataupun audio ialah pilihan yang multimedia yang terbaik.

Langkah seterusnya ialah penghasilan, iaitu bahan yang telah dikenal pasti diubah kepada bentuk multimedia yang sesuai. Kadangkala proses ini perlu menggunakan beberapa aplikasi ataupun perisian yang sesuai untuk menggabungkan dan menyusun elemen-elemen

seperti audio, visual dan video secara kreatif dan berkesan. Aspek-aspek teknikal juga perlu diambil kira dalam proses penghasilan multimedia ini. Misalnya, format multimedia, resolusi dan kebolehlaksanaan perlu ditimbang dengan sewajarnya agar multimedia ini dapat berfungsi dengan baik di pelbagai platform dan peranti.

Setelah penghasilan, bahan multimedia tersebut perlu melalui proses penyuntingan ataupun pemurnian. Dalam proses ini, bahan yang dihasilkan tersebut perlu disemak semula, disunting, dan diperbaiki berdasarkan matlamat dan keperluan projek. Dalam proses ini, sekiranya terdapat elemen yang tidak bersesuaian, elemen tersebut akan dibuang dan digantikan dengan elemen yang lebih relevan. Selain itu, kesilapan-kesilapan seperti teknikal, kesalahan ejaan, sebutan yang tidak jelas dan yang seumpama dengannya akan diperbaiki.

Langkah terakhir dalam penghasilan multimedia ialah persembahan. Proses ini memainkan peranan penting dalam memastikan karya yang dihasilkan itu dapat diterima dan difahami serta mesej yang ingin disampaikan itu berjaya sampai kepada khalayak. Persembahan ini boleh dibuat di pelbagai platform, misalnya di laman web ataupun di media-media sosial seperti YouTube, Facebook, TikTok, X dan sebagainya. Platform ini perlu dipilih berdasarkan tujuan projek serta profil khalayak yang ingin disasarkan demi memastikan projek multimedia ini sampai ke sasaran khalayaknya.

KERANCUAN BAHASA DALAM MULTIMEDIA

Tidak dapat dinafikan, kemunculan media sosial turut membawa kesan negatif. Dalam tulisan ini, kesan negatif yang difokuskan adalah yang berkaitan dengan penggunaan bahasa. Kerancuan bahasa sering berlaku apabila pengguna media sosial lebih menekankan kepantasan maklumat berbanding penggunaan bahasa yang betul dan tepat. Apabila situasi ini berlaku, mereka tidak lagi menekankan penggunaan tatabahasa yang tepat, ejaan yang betul mahupun struktur ayat yang gramatis.

Bagi mereka, asalkan apa-apa yang ingin disampaikan dapat disebarkan dengan pantas, itu sudah mencukupi. Dalam masa yang sama, mereka juga sering menggunakan slanga, singkatan ejaan ataupun bahasa tidak formal untuk menyampaikan maklumat. Sebenarnya, penggunaan bahasa yang tidak betul ini boleh memberi kesan negatif kepada penggunaannya kerana hal ini boleh menjejaskan kredibiliti dan

reputasi mereka, apatah lagi sekiranya maklumat atau konten yang ingin disampaikan itu pula mempunyai elemen-elemen tidak sah.

Penggunaan bahasa rojak dan slanga di media sosial pula banyak mempengaruhi cara berbahasa di alam realiti. Hal ini adalah antara cabaran yang perlu ditangani bagi memartabatkan bahasa Melayu dalam masyarakat. Secara etimologi kata slanga berasal daripada kata “*sling*” yang dihubungkan dengan “*beggar language and rogues language*” iaitu bahasa kelompok pengemis dan anak jalanan.

Menurut Kamus Dewan, “slanga” didefinisikan sebagai “kata-kata, ungkapan dan seumpamanya yang tidak tergolong dalam bahasa baku atau bahasa tinggi tetapi lazim digunakan dalam percakapan tidak rasmi.”

Maka, kita dapat membuat rumusan bahawa slanga ialah penggunaan kata yang tidak baku, sering berubah-ubah dan secara umumnya berbeza dengan kosa kata yang lain.

Jika kita fokuskan kepada bahasa slanga yang digunakan dalam media sosial, terdapat beberapa faktor yang mencetuskannya. Dalam konteks sosial, slanga selalu muncul daripada kelompok-kelompok sosial tertentu seperti remaja, pencinta muzik dan komuniti tertentu ataupun kelompok-kelompok lain yang mempunyai cara berkomunikasi yang unik.

Antara contoh bahasa slanga ialah:

Bahasa Slanga	Maksud	Contoh Ayat
<i>Usha/ Ushar</i>	Pandang/ tengok sesuatu. Perkataan ini digunakan bagi memikat lelaki atau gadis	Aku nak <i>usha awek</i> ‘tu la..
<i>Tibai/Bebal</i>	Pukul tetapi boleh juga membawa maksud main hentam	<i>Tibai jela</i> jawapan <i>dier..!</i>
<i>Sekodeng/ Skodeng</i>	Intai	<i>Ko skodeng sape</i> ‘tu..?
Sengkek	Tidak berduit	Aku ‘dah <i>sengkek</i> ‘ni
Sengal	Bermaksud lenguh-lenguh, tetapi disalahgunakan remaja bermaksud entah apa-apa.	Eh, <i>sengal lah</i> ‘kau ‘ni

Berikut ini pula ialah beberapa contoh ayat yang menggunakan

slanga:

1. “Tangkap relaksla *brader*. *Cintan-cintan* ‘ni *gua* tak mainlah. *Gua saje* lepak kat sini. Bukan ada hal lain. Habis lu bikin apa dengan *gua*? *Lu* mau sekeh *gua* punya kepala?”
2. “*Gua caya* sama *lu* tapi bukan *aje* masuk *port gua*, tapi *lu* tangkap *cintan* sama *gua* punya *awek*, belakang *lu* sudah *cipet* lagi *lu kencing* muka *gua*. *Cinabeng lu*.”
3. “*Fulamak*, lagu baru Ramli Sarip mantaplah *brader*. Dia punya *goreng* sikit punya *garing*, *gua* tangkap *lentuk*, *gua* cakap *lu*.”

KESIMPULAN

Bahasa dan sastera ialah dua aspek penting dalam kehidupan manusia, dan kedua-duanya sangat berkait erat. Bahasa ialah alat utama komunikasi yang membolehkan kita berinteraksi dan menyampaikan maklumat serta emosi. Sastera pula bentuk seni yang menggunakan bahasa untuk mengungkapkan idea, perasaan dan hakikat kehidupan. Kedua-duanya, iaitu bahasa dan sastera boleh disampaikan melalui pelbagai wahana.

Wahana penyampaian itu pula turut mengalami perubahan mengikut peredaran masa, dari bentuk lisan sehinggalah ke bentuk tulisan, yang akhirnya bentuk tulisan itu pula boleh menggunakan pelbagai platform untuk menyebarkan karya sastera. Gabungan antara bahasa dan sastera membentuk warisan budaya yang kaya dan memberikan identiti kepada sesebuah masyarakat. Oleh hal yang demikian, pemeliharaan dan penghargaan terhadap bahasa dan sastera adalah penting demi memastikan warisan ini terus hidup dan berkembang dalam kalangan generasi masa hadapan.

RUJUKAN

- _____. (2010). *Dari jendela zaman ini - antologi puisi Malaysia & Singapura*. Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- _____. (2013). *Garis panduan penggunaan bahasa Melayu dalam media massa*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. (2015). *Kamus Kesusasteraan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Beal, V. (2021). *The History of Blogging*. Webopedia. <https://www.webopedia.com/definitions/blog/>.

- Bloch, B., & Trager, G. L. (1942). *Outline of linguistic analysis*. Linguistic Society of America.
- Chomsky, N. (1957). *Syntactic structures*. Mouton de Gruyter.
- Amir, J. (2021). *Mengangkat darjat bahasa Melayu di pentas dunia*. Dewan Bahasa dan Pustaka. <https://dewanbahasa.jendeladbp.my/2021/11/17/1982/>
- Nik Safiah Karim et al. (2003). *Tatabahasa Dewan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ladefoged, P., & Johnson, K. (2014). *A Course in Phonetics* (7th ed.). Cengage Learning.

Dr. Mohamad Suhaizi Suhaimi melanjutkan pelajaran pada peringkat Ijazah Sarjana Muda di UiTM Shah Alam menerusi Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Bahasa Gunaan (Bahasa Melayu Komunikasi Profesional). Pada tahun 2015 pula, beliau melanjutkan pelajaran di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi dalam bidang Sarjana Sastera (Kajian Bahasa Melayu). Beliau ditawarkan pula ke program Doktor Falsafah (Bahasa Melayu) di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang pada tahun 2017. Kini beliau berkhidmat sebagai Pensyarah Kanan di Jabatan Bahasa Melayu, Kulliyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kampus Pagoh. Bidang pengkhususan beliau ialah Penerbitan dan Penyuntingan Naskhah Bahasa Melayu dan Sociolinguistik. Alamat e-mel beliau ialah msuhaizi@iium.edu.my

Dr. Julaina Nopiah melanjutkan pelajaran pada peringkat Ijazah Sarjana Muda di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menerusi Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Linguistik. Seterusnya, beliau melanjutkan pelajaran di universiti yang sama dalam bidang Sarjana Sastera Sains Sosial (Linguistik). Beliau ditawarkan pula ke program Doktor Falsafah (Bahasa Melayu) juga di UKM, Bangi. Kini beliau berkhidmat sebagai Pensyarah Kanan di Jabatan Bahasa Melayu, Kulliyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kampus Pagoh. Bidang pengkhususan beliau ialah Semantik Inkuisitif dan Peribahasa Melayu. Alamat e-mel beliau ialah julainanopiah@iium.edu.my

PRUF4B

Senarai Penyumbang

Penyumbang Penulisan Bab 1: Semantik dan Leksikologi

Dr. Nurul Jamilah Rosly

Pensyarah Kanan di Jabatan Bahasa Melayu, Kulliyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kampus Pagoh. Bidang pengkhususan beliau ialah Semantik, Pragmatik dan Sintaksis. Alamat e-mel beliau ialah nuruljamilah@iiium.edu.my

Penyumbang Penulisan Bab 2: Komunikasi Antara Budaya

Dr. Arina Johari

Pensyarah Kanan di Jabatan Bahasa Melayu, Kulliyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kampus Pagoh. Bidang pengkhususan beliau ialah Pragmatik dan Kesantunan Bahasa. Alamat e-mel beliau ialah arinajr@iiium.edu.my

Penyumbang Penulisan Bab 3: Penulisan Akademik

Dr. Nora'azian Nahar

Pensyarah Kanan di Jabatan Bahasa Melayu, Kulliyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kampus Pagoh. Bidang pengkhususan beliau ialah Pengajaran Bahasa Melayu dan Morfologi. Alamat e-mel beliau ialah noraazian@iiium.edu.my

Penyumbang Penulisan Bab 4: Sociolinguistik

Prof. Madya Dr. Faridah Nazir

Profesor Madya di Jabatan Bahasa Melayu, Kulliyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kampus Pagoh. Bidang pengkhususan beliau ialah Kajian Bahasa Melayu, Sociolinguistik serta Fonetik dan Fonologi. Alamat e-mel beliau ialah fidafn@iiium.edu.my

Penyumbang Penulisan Bab 5: Terjemahan

En. Ismail Jaafar

Pensyarah di Jabatan Bahasa Melayu, Kulliyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kampus Pagoh. Bidang pengkhususan beliau ialah Kajian Bahasa dan Kesusasteraan Melayu. Alamat e-mel beliau ialah ismailjaafar@iium.edu.my.

Penyumbang Penulisan Bab 6: Komunikasi Khalayak dan Pengucapan Awam

Dr. Azean Idruwani Idrus

Pensyarah Kanan di Jabatan Bahasa Melayu, Kulliyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kampus Pagoh. Bidang pengkhususan beliau ialah Analisis Wacana dan Perbualan. Alamat e-mel beliau ialah azeanidruwaniidrus@iium.edu.my.

Penyumbang Penulisan Bab 7: Perhubungan Antarabangsa

Dr. Mohamad Suhaizi Suhaimi

Pensyarah Kanan di Jabatan Bahasa Melayu, Kulliyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kampus Pagoh. Bidang pengkhususan beliau ialah Penerbitan dan Penyuntingan naskhah Bahasa Melayu dan Sociolinguistik. Alamat e-mel beliau ialah msuhaizi@iium.edu.my.

Penyumbang Penulisan Bab 8: Komunikasi Penulisan

Dr. Aminuddin Saimon

Pensyarah Kanan di Jabatan Bahasa Melayu, Kulliyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kampus Pagoh. Bidang pengkhususan beliau ialah Pragmatik, Semantik dan Linguistik Melayu. Alamat e-mel beliau ialah deanamin@iium.edu.my.

Penyumbang Penulisan Bab 9: Bahasa dan Masyarakat

Dr. Julaina Nopiah

Pensyarah Kanan di Jabatan Bahasa Melayu, Kulliyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kampus Pagoh. Bidang pengkhususan beliau ialah Semantik Inkuisitif dan Peribahasa Melayu. Alamat e-mel beliau ialah julainanopiah@iium.edu.my.

Penyumbang Penulisan Bab 10: Analisis Data dan Interpretasi

Dr. Siti Yuliandi Ahmad

Pensyarah Kanan di Jabatan Pengurusan Pelancongan, Kulliyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kampus Pagoh. Bidang pengkhususan beliau ialah Pengurusan Perniagaan dan Ekonomi serta Metodologi Kajian. Alamat e-mel beliau ialah sitiyuliandi@iium.edu.my.

Penyumbang Penulisan Bab 11: Etika Sosial, Protokol dan Komunikasi

Dr. Halimah Pondo

Pensyarah sambilan di Jabatan Bahasa Melayu, Kulliyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kampus Pagoh. Bidang pengkhususan beliau ialah Kajian Bahasa Melayu. Alamat e-mel beliau ialah drimmap@gmail.com.

Penyumbang Penulisan Bab 12: Morfologi dan Sintaksis

Dr. Adriana Santa Anak Tinggom

Pensyarah Kanan di Jabatan Bahasa Melayu, Kulliyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kampus Pagoh. Bidang pengkhususan beliau ialah Dialektologi dan Geolinguistik. Alamat e-mel beliau ialah adrianasantatinggom@iium.edu.my.

Penyumbang Penulisan Bab 13: Bahasa dan Sastera dalam Media

Dr. Zahiruddin Zabidi

Pensyarah Kanan di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Bidang pengkhususan beliau ialah Kajian Budaya Melayu, Peradaban dan Agama serta Penulisan Dakwah. Alamat e-mel beliau ialah zahiruddinabidi@um.edu.my

Indeks

- analisis
 - statistik 112, 115
 - tematik 114, 117, 118, 119
- anarki 73, 77, 79
- bahasa rojak 102, 103, 105, 106, 158
- bentuk bahasa 3, 43, 91, 94, 101, 102, 103
- debat 65, 70
- dinamis 148
- diplomat 82, 83
- disertasi 30, 33
- etika 121, 122, 124, 125, 126, 128, 129, 134
- forum 68, 69
- imaginatif 91, 96
- kata terbitan 136, 139
- kebolehbacaan 54, 55, 90, 91
- kepaduan 93, 94, 95
- kerancuan bahasa 45, 46, 157
- komunikasi antara budaya 14, 15, 16, 17, 18, 22, 23
- konstruktivisme 77
- laras pengucapan 90
- liberalisme 76
- linguistik
 - am 40, 41, 44
 - gunaan 41, 40, 42
- kontekstual 40, 44, 45
- perbandingan 42
- sejarah 40, 42, 43
- media 17, 18, 21, 55, 56, 57, 58, 66, 67, 87, 89, 105, 106, 118, 129, 145, 151, 152, 153, 154, 155, 157, 158
- metakognitif 87
- moderator 65
- morfem 136, 137, 139
- multimodaliti 54
- neo-marxisme 76
- nilai dimensi hofstede 22
- nuansa bahasa 58
- pemerenggan 34
- pidato 67, 94
- protokol 80, 121, 123, 124, 126, 127, 128, 131, 133, 134
- raptai 133
- realisme 75, 91
- semantik
 - inkuisitif 2, 3
 - kognitif 2, 4, 96
 - kompensional 2
 - leksikal 2
 - stereotaip dan prototaip 3
 - struktur konseptual 2, 3, 4
- semiologi 1

PRUF4B

Bahasa Melayu untuk Komunikasi Antarabangsa

- sifat bahasa 47, 101, 102, 107
- sintaksis 1, 3, 2, 43, 44, 45, 135, 139, 140, 142, 144
- skala
 - nominal 111, 112
 - ordinal 111
 - sela, 111, 112
- sosiologi 22, 23, 37, 38, 39
- tatasajian 128
- teori trnasformasi generatif 143
- terjemahan idiomatik 50, 60
- terminologi bendera 127
- tesis 27, 29, 30, 33
- triti 79, 80
- undang-undang antarabangsa 77, 78, 79, 80, 81, 82, 83

Bahasa *Melayu*

untuk Komunikasi
Antarabangsa



Buku ini menghimpunkan 13 penulisan ilmiah mengenai bidang-bidang yang terkandung dalam disiplin Bahasa Melayu Komunikasi Antarabangsa (BMKA). Sebagai pengetahuan bersama, BMKA tidak terikat dengan hal-hal yang berkaitan linguistik dan sastra semata-mata, malah bidang-bidang Sains Politik dan komunikasi tempatan dan antarabangsa juga diambil kira sebagai ilmu yang cukup meluas. Penulisan daripada 13 orang pensyarah dari Jabatan Bahasa Melayu dan Jabatan Pengurusan Pelancongan ini mampu memberi pendedahan awal tentang BMKA berikutan kaedah penyampaiannya yang mudah, jelas dan mesra pembaca bagi mereka yang kurang arif mengenai BMKA. Diharapkan agar ilmu dalam penulisan ini dapat membuka mata para pembaca mengenai bidang Bahasa Melayu yang cukup meluas dan perlu diambil cakna oleh semua rakyat Malaysia.



Penerbit Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-9769 8851 / 8429
Faks: 03-9769 3623
Laman Web: <https://penerbit.upm.edu.my>
E-mel: penerbit@upm.edu.my

ISBN 978-629-7689-65-4



9 786297 689654